



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Institut Aminuddin Baki

# PROSIDING

## KOLOKIU M KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KALI KE-12

# 2018

“Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad ke-21”

# **PROSIDING**

KOLOKIUUM KEBANGSAAN  
KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-12, 2018

# **PROSIDING**

**KOLOKIUUM KEBANGSAAN  
KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-12, 2018**

***23 – 25 OKTOBER 2018***

**“Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad Ke-21”**

Diterbitkan oleh:

Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek, 71760 Nilai  
Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia  
Tel: 06-7979200  
Faks: 06-7979300

Hak Cipta Terpelihara @ 2019 Institut Aminuddin Baki

Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Semua kertas kerja yang terkandung di dalam prosiding ini telah dibentangkan dalam Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Ke-12, 2018 anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia, dari 23 Oktober hingga 25 Oktober 2018 di Institut Aminuddin Baki Cawangan, Jitra, Kedah Darul Aman

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

eISBN 978-967-0504-86-5



Penerbitan eBook Pertama 2019

iab.moe.edu.my

**PENYUNTING / EDITOR**  
**PROSIDING KOLOKIU M KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL**  
**KE-12, 2018**

**KETUA EDITOR**

Dr. Premavathy a/p Ponnusamy

**SIDANG EDITOR**

En. Ahmad Shamil bin Othman, K.B., P.A

Pn. Hajah Noor Ashikin binti Shahrom, K.B., P.A.

Dr. Noor Hashimah binti Hashim

Pn. Zainab binti Ali

Pn. Norleha binti Ibrahim

**REKAAN GRAFIK**

Pn. Rohaima binti Ahmad

# KANDUNGAN

|                                                                                                          |                                                                                                                                                                                                                                              |       |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| Jawatankuasa Penerbitan Prosiding                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                              | v     |
| Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia                                                         |                                                                                                                                                                                                                                              | ix    |
| Kata Alu-aluan Timbalan Pengarah (Khidmat Latihan)<br>Menjalankan Tugas Pengarah Institut Aminuddin Baki |                                                                                                                                                                                                                                              | x     |
| Kata Alu-aluan Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara                                           |                                                                                                                                                                                                                                              | xi    |
| BAHAGIAN I                                                                                               |                                                                                                                                                                                                                                              |       |
| Ucap Utama                                                                                               | <b>KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN PAK-21<br/>MENGIKUT PERSPEKTIF KEMENTERIAN PENDIDIKAN<br/>MALAYSIA</b><br>YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin Ketua Pengarah Pelajaran<br>Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia                                | xv    |
| Ucap Tema                                                                                                | <b>LEADING AND TRANSFORMING STUDENT<br/>AND TEACHER 21ST CENTURY KNOWLEDGE, SKILLS<br/>AND CAPABILITIES</b><br>Professor Michael James Keppell Pro Vice-Chancellor and<br>Professor<br>(Learning and Teaching Taylor’s University, Selangor) | xxiii |
| BAHAGIAN II - KERTAS PEMBENTANGAN                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                              |       |
| Pembentangan1                                                                                            | <b>PEiEP: HOW TEACHERS CAN SUPPORT STUDENTS’<br/>ENGAGEMENT IN LEARNING</b><br>Dr. Norliza binti Kushairi<br>(Pensyarah Kanan, IPG Kampus Darul Aman, Jitra,<br>Kedah)                                                                       | 1     |
| Pembentangan 2                                                                                           | <b>PEMIMPIN “CATALYST” MEREALISASIKAN<br/>TRANSFORMASI PENDIDIKAN MELALUI PAK-21</b><br>YM. Raja Zainal Hafiz bin Raja Adnan<br>(Guru Besar, SK Taiping, Taiping, Perak)                                                                     | 19    |
| Pembentangan 3                                                                                           | <b>KEPIMPINAN DALAM MENGURUS PAK-21:<br/>PERSPEKTIF ANTARABANGSA</b><br>Profesor Dr. Abdul Ghani Kanesan bin Abdullah (Pusat<br>Pengajian Ilmu Pendidikan, USM, Pulau Pinang)                                                                | 25    |

|                      |                                                                                                                                                                                                    |    |
|----------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Pembentangan 4       | <b>GAYA KEPIMPINAN GURU BESAR DALAM<br/>MENJAYAKAN PENYEDIAAN PENDIDIKAN ABAD KE-<br/>21</b><br>Pn. Theresa Ayyakkannu<br>(SJKT Ladang Edinburgh, Kepong, Kuala Lumpur)                            | 31 |
| Pembentangan 5       | <b>PEMUFAKATAN STRATEGIK<br/>KEPIMPINAN SEKOLAH DAN KOMUNITI KE ARAH<br/>PENGUKUHAN PAK-21</b><br>En. Hasbullah bin Hassan<br>(Guru Besar, SK Desa Tun Hussein Onn, WPKL)                          | 41 |
| Pembentangan 6       | <b>KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENDIDIKAN ABAD<br/>KE-21 PEMANGKIN KEBERHASILAN SEKOLAH<br/>BERKUALITI</b><br>En. Ramlee bin Abu Bakar<br>(Guru Besar, SK Pauh Jaya, Permatang Pauh, Pulau<br>Pinang) | 57 |
| Pembentangan 7       | <b>KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL SEBAGAI<br/>PEMBUDAYAAN KECEMERLANGAN</b><br>En. Loh Hock Eng<br>(Guru Besar, SJKC Shih Chung Cawangan, Bayan<br>Lepas, Pulau Pinang)                                  | 67 |
| Pembentangan 8       | <b>NUKLEUS GK7 SINERGI KEPIMPINAN PPD TUARAN</b><br>Pn. Tah Nia binti Hj. Jaman<br>(Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Tuaran, Tuaran,<br>Sabah)                                                       | 77 |
| Pembentangan 9       | <b>KESAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE DAN<br/>SWARM INTELLIGENCE DALAM MEMBENTUK<br/>KECEMERLANGAN PELAJAR</b><br>Hj. Samsudin bin Yusoff<br>(Pengetua SMK Bercham, Ipoh, Perak)                        | 87 |
| Dari Meja Urus Setia |                                                                                                                                                                                                    | 96 |
| Maklumat Kolokium    |                                                                                                                                                                                                    | 98 |

*Kata Alu-Aluan*

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izin dan kurnia-Nya, perancangan menganjurkan Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional dapat direalisasikan. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada seluruh warga Institut Aminuddin Baki yang sangat komited dalam menjayakan kolokium yang dianjurkan buat kali ke-12 pada tahun 2018. Ucapan penghargaan juga saya tujukan buat semua pembentang kertas kerja atas sumbangan mereka dalam menjadikan kolokium ini sebagai medan perkongsian pengalaman dan cetusan idea ke arah menempa kejayaan dalam bidang pendidikan negara ini.

Sesungguhnya, tema kolokium pada kali ini iaitu, "Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad Ke-21" adalah sangat tepat. Cabaran zaman globalisasi mendesak warga pendidik mempertingkatkan kompetensi dalam mendidik anak bangsa dan kejayaan menjana pembelajaran yang cemerlang bermula dari kepimpinan pemimpin instruksional yang mantap. Kecemerlangan modal insan Malaysia pada masa hadapan bergantung kepada warga pendidik hari ini yang sentiasa segar disuburi ilmu dan pengetahuan terkini dari pelbagai disiplin ilmu. Ini amat penting memandangkan pemimpin instruksional telah diiktiraf sebagai golongan yang mempunyai kuasa rujuk. Penganjuran kolokium ini memantapkan lagi pembudayaan ilmu dalam kalangan komuniti pendidikan.

Saya sangat yakin, penat lelah warga kerja Institut Aminuddin Baki dalam menganjurkan kolokium ini pasti terbayar apabila perkongsian amalan-amalan terbaik dalam kalangan pemimpin sekolah dan para cerdik pandai, dapat memacu dan mempercepatkan proses pemantapan dan penambahbaikan kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran organisai pendidikan pada masa akan datang.

Akhir sekali, saya berharap agar warga Institut Aminuddin Baki terus komited dalam menjayakan kolokium sebegini pada masa akan datang. Saya juga sangat berharap agar semua yang terlibat dalam kolokium ini agar terus memberi sokongan dan komitmen yang padu demi kecemerlangan serta kualiti pendidikan di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**DATUK Dr. AMIN BIN SENIN**

## Kata Alu-Aluan



TIMBALAN PENGARAH (KHIDMAT LATIHAN)  
MENJALANKAN TUGAS  
PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku.

Saya amat bersyukur dan berbangga atas penganjuran Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional kali ke-12, 2018 oleh Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABCU). Seiring dengan meningkatnya bilangan penganjurannya, diharapkan kolokium yang sangat dikenali dalam kalangan warga pendidik ini, akan menyerlahkan kematangan kita melalui perkongsian amalan terbaik dari segi pemikiran, strategi dan tindakan, dalam memimpin bidang pendidikan negara ini ke mercu kecemerlangan.

Pemilihan tema “Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad Ke-21” jelas membuktikan kepekaan warga Institut Aminuddin Baki dalam memberi sumbangan kepada pelaksanaan dasar dan pencapaian hasrat dasar pendidikan negara. Setinggi-tinggi penghargaan turut diucapkan kepada para pembentang kertas kerja serta para peserta kolokium yang turut memainkan peranan menjadikan kolokium ini satu realiti serta mengangkat martabat bidang pendidikan di negara ini. Kehadiran para pembentang dan peserta membuktikan sokongan yang padu ditunjukkan dalam merealisasikan perkongsian ilmu dan amalan terbaik kepimpinan instruksional serta penyebaran amalan terbaik ini secara meluas. Bertitik tolak dari sini, impaknya diharapkan akan dapat melahirkan ramai pemimpin instruksional yang hebat dan berkesan.

Cabaran yang dihadapi oleh para pemimpin pendidikan mutakhir ini memerlukan pemimpin pendidikan yang berketrampilan, berpengetahuan dan berwibawa. Selaku organisasi yang diberi tanggung jawab untuk melatih para pemimpin pendidikan, Institut Aminuddin Baki sedaya upaya berusaha menyediakan peluang-peluang latihan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan sekolah. Semoga perkongsian ilmu dan amalan terbaik kolokium ini akan dimanfaatkan oleh para peserta. Marilah kita bersama-sama berusaha menjadikan bidang pendidikan di negara ini sebagai bidang yang cemerlang dan membanggakan.

Sekian, Terima kasih.

PUAN MISTIRINE BINTI RADIN

## Kata Alu-Aluan



PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN UTARA  
MERANGKAP PENERUSI JAWATANKUASA PENGELOLA  
KOLOKIMUM KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-12

Assalamu'alaikum wbt., Salam Sejahtera

Kepimpinan Instruksional merupakan salah satu bidang kebitaraan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABCU). Dalam usaha mengukuhkan kebitaraan tersebut, IABCU telah melaksanakan pelbagai program yang berkaitan dengan kepimpinan instruksional termasuklah penganjuran Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional. Kolokium ini merupakan program tahunan IABCU dan telah dilaksanakan sejak tahun 2001 dengan nama asalnya Seminar Kebangsaan Kepimpinan Instruksional. Mulai tahun 2005, program ini telah dijenamakan semula dengan nama sekarang.

Sejak IABCU menganjurkan Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional ini, banyak faedah telah dapat dimanfaatkan oleh para peserta hasil perkongsian amalan terbaik yang dibentangkan oleh para pembentang.

Penganjuran Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Kali Ke-12, 2018 pada tahun ini menyaksikan gabungan dua elemen penting bidang pendidikan iaitu Kepimpinan Instruksional dan Pembelajaran Abad ke-21. Sehubungan itu, warga IABCU bersepakat memilih ungkapan “Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad ke-21” sebagai tema kolokium pada tahun ini.

Pada tahun ini, penganjur membariskan beberapa tokoh pendidikan termasyhur dan berkaliber untuk perkongsian ilmu. Antaranya adalah Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajuniddan Profesor Michael James Keppel. Tokoh-tokoh ini telah lama berkecimpung dalam bidang kepimpinan pendidikan dan kepakaran mereka terbukti serta dihormati oleh warga pendidikan.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan kolokium ini. Ucapan yang sama ditujukan kepada para pembentang yang telah berusaha dalam menyampaikan pembentangan yang bermakna untuk dikongsi oleh semua peserta. Perkongsian amalan-amalan terbaik dalam bidang kepimpinan instruksional ini diharap dapat diamalkan oleh setiap pemimpin untuk mencemerlangkan organisasi masing-masing. Semoga kolokium kali ini dapat menambah dan mempertingkatkan pengalaman serta ilmu para peserta sekalian.

Selamat berkolokium.

DR. HAJI JOOHARI BIN ARIFFIN

# *Bahagian 1*



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan salam sayangi Malaysiaku.*

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

### **Pendahuluan**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita hadir di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Kedah ini sempena Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional kali ke-12 2018. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan setinggi-tinggi tahniah kepada IAB Cawangan Utara atas penganjuran kolokium selama tiga hari, yang bertemakan “Kepimpinan Instruksional Menjana Pembelajaran Abad Ke-21”.

Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan para pemimpin pendidikan mencerminkan semangat dan kesungguhan untuk menimba ilmu, berkongsi amalan terbaik bersama rakan-rakan serta menterjemahkan budaya permuafakatan dalam kalangan kita sebagai warga pendidik.

### **Para hadirin yang dihormati sekalian,**

Kolokium ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada semua pemimpin pendidikan khususnya bagi merealisasikan hasrat dan cita-cita murni Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kompetensi pemimpin-pemimpin sekolah sesuai dengan Anjakan ke-5 PPPM 2013-2025 bagi memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah. Kualiti kepimpinan sekolah merupakan faktor berasaskan sekolah yang kedua terpenting, selepas kualiti guru, dalam menentukan keberhasilan murid. Beberapa kajian antarabangsa tentang kepimpinan sekolah menunjukkan bahawa pengetua/guru besar yang cemerlang, iaitu yang memberi tumpuan kepada kepimpinan instruksional dan bukannya kepimpinan pentadbiran, dapat meningkatkan keberhasilan murid sebanyak 20 peratus. Walau bagaimanapun, kriteria pemilihan yang diamalkan pada masa kini sebahagian besarnya ditentukan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan bukannya kecekapan kepimpinan. Tambahan lagi, 55% daripada semua pengetua/guru besar yang ada pada masa ini tidak pernah mengikuti latihan persediaan atau induksi sebelum atau semasa mereka berada dalam tempoh tiga tahun pertama sebagai pengetua/guru besar. Ini juga merupakan cabaran utama pihak Institut Aminuddin Baki yang merupakan pusat latihan khususnya kepada barisan pemimpin pendidikan.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,  
Peranan Pemimpin dalam Menentukan Hala Tuju Organisasi**

Fungsi utama pemimpin sekolah adalah untuk memastikan bahawa hasrat dan cita-cita murni KPM yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi kenyataan. Dalam konteks rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, pendekatan rahmatan lil'alam amat relevan untuk diamalkan. Rahmat bermaksud kasih sayang. Lil'alam bermakna seluruh alam. Maka, rahmatan lil'alam merupakan kasih sayang untuk seluruh alam. Berasaskan pendekatan ini, pemimpin sekolah harus memastikan semua warga sekolah mendapat hak dan peluang untuk belajar tanpa meminggirkan mana-mana pihak. Kepimpinan dalam Islam merupakan amanah. Justeru, Islam meletakkan kepimpinan sebagai pengganti kepada fungsi kenabian bertujuan menjaga agama dan mengatur kehidupan manusia di dunia. Di peringkat sekolah, kepimpinan pengetua dan guru besar adalah faktor utama dalam menentukan hala tuju dan kemajuan sesebuah sekolah.

Hallinger dan Murpy (1985) misalnya telah mengutarakan kepimpinan instruksional yang terdiri daripada 3 dimensi dan terdapat 11 tugas utama yang perlu dilakukan oleh pemimpin sekolah. 3 dimensi tersebut termasuklah menjelaskan hala tuju sekolah, menyelesaikan masalah pengajaran dan membentuk iklim sekolah yang positif. Dalam sistem pendidikan negara kita pada masa ini, hasrat dan matlamat pendidikan negara telah termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

**Hadirin yang dihormati sekalian,  
Pemimpin Sekolah dan Pembelajaran Abad Ke-21**

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang memberi kesan kepada dunia pendidikan. Oleh itu, KPM telah meneliti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Bersesuaian dengan matlamat dan zaman, KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bermula pada tahun 2014.

Kini, PAK21 telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawa perubahan baru dalam dunia pendidikan. PAK21 dikatakan sebagai proses pembelajaran berpusatkan kepada murid. Terdapat beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21.

Bagi merealisasikan pembelajaran abad ke-21, peranan pemimpin sekolah sangat penting. Tuan-tuan dan puan-puan perlu memahami dan memastikan PAK21 sentiasa berada di landasan yang betul. PAK21 secara ringkasnya merupakan proses pembelajaran yang berpusatkan murid yang berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Dari segi komunikasi pula, perlulah berlaku interaksi antara guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan secara lisan dan bukan lisan. Semasa menyampaikan ilmu yang mereka faham dan berkongsi pengetahuan dengan rakan-rakan, guru harus menjadi fasilitator agar murid-murid berupaya ini supaya berada pada tahap yang tinggi seperti dalam Taksonomi Bloom.

Dalam elemen kolaboratif, perlu berlaku kerjasama dan muafakat antara guru dengan murid dan murid dengan murid secara aktif dan menyeluruh yang membolehkan pertukaran idea dan pandangan antara murid. Antara perkara yang boleh dilakukan oleh pemimpin sekolah ialah memainkan peranan sebagai pembimbing dan mentor dalam usaha membangunkan kapasiti guru.

Dari aspek pemikiran kreatif dan kritis, hendaklah wujud penerokaan pemikiran dalam kalangan murid untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah misalnya dalam mencapai hasrat ini, guru-gurulah yang terlebih dahulu perlu berpemikiran kreatif dan kritis dan seterusnya merangsang pemikiran anak didiknya dalam aspek ini. Bagi tujuan ini, pemimpin sekolah harus menyediakan persekitaran sosial dan intelektual yang disokong dengan pelbagai sumber pembelajaran bagi membolehkan murid-murid berfikir secara kreatif dan kritis manakala guru-guru berperanan sebagai pemudah cara kepada murid-murid. Pemimpin sekolah perlu meningkatkan kompetensi guru-guru melalui Latihan Dalam Perkhidmatan, lawatan penandaarasan dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat membangunkan profesionalisme para guru khususnya dalam aspek ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,  
Dapatan Kajian (Selangor, Malaysia)**

Seterusnya, saya ingin berkongsi beberapa kajian yang telah dijalankan berkaitan kepimpinan instruksional. Kajian "Kompetensi Kepemimpinan Instruksional di Kalangan Pengetua Sekolah: Satu Kajian Empirikal di Negeri Selangor" dalam Jurnal Kepimpinan Pendidikan (2015). Kajian ini melibatkan 383 orang guru yang terdiri daripada 55 buah sekolah menengah di Selangor. Hasil kajian mengesahkan bahawa teori kepemimpinan instruksional yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1987) mencadangkan bahawa kepemimpinan instruksional diamalkan oleh pengetua harus berfokus kepada pencapaian kurikulum dan memupuk iklim pengajaran dan pembelajaran yang positif. Ini menunjukkan bahawa teori tersebut selari dengan hasil kajian yang telah diperolehi.

Pada tahun 2008 juga, Robinson, Lloyd, dan Rowe (2008) menyatakan bahawa aktiviti penyeliaan adalah sebahagian daripada tanggungjawab kepemimpinan instruksional. Penyeliaan dilihat sebagai salah satu fungsi dalam dimensi mengurus kurikulum dan program pengajaran secara khusus. Ini dapat dilaksanakan oleh pemimpin sekolah melalui SKPMg2 dengan merujuk Standard 4 iaitu Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Sekolah). Terdapat 6 aspek yang dinilai iaitu guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong, guru sebagai penilai dan murid sebagai pembelajar aktif.

Selain daripada dapatan yang dinyatakan tadi, kajian ini juga mengesahkan peranan kepemimpinan instruksional antara lain harus memberi fokus kepada kurikulum dan penyeliaan dalam usaha meningkatkan prestasi sekolah secara menyeluruh. Jika disorot kembali kajian yang dilaksanakan oleh Hallinger (2011; 2008). Dapatan kajian ini juga turut menyokong dapatan beliau bahawa kepemimpinan instruksional pengetua dapat dilihat di sekolah yang berkesan. Selain itu, sarjana lain juga turut mengemukakan pendapat bahawa kepemimpinan instruksional pengetua mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian dan kejayaan akademik murid berasaskan kepada pembangunan kapasiti. (Domsch, 2009; Srinides, 2009; Smith, 2009; Leithwood, Louis, Anderson dan Walsttom, 2004; Bell, Bolam, Cubilo, 2003). Secara mudahnya ini membawa maksud bahawa pemimpin sekolah harus memberi perhatian dalam aspek pembangunan guru.

Hasil kajian ini turut menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Newman et al, (2000), iaitu antara perkara yang perlu diberi perhatian oleh pengetua ialah memberi fokus terhadap usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru-guru melalui pembangunan kapasiti secara berterusan bagi meningkatkan kemenjadian pelajar. Ini juga disokong oleh Glickman, Gordon dan Ross-Gordon, (2005), yang merumuskan bahawa kepemimpinann pengajaran pengetua bukan hanya perlu memberi penumpuan terhadap tugas-tugas pentadbiran sekolah semata-mata malah harus melihat segala-galanya secara menyeluruh dan berkesan bagi semua aspek pengurusan sekolah. Kesimpulannya, peranan pemimpin sekolah amat luas daripada apa yang kita fikirkan sebelum ini. Peranan pemimpin sekolah boleh dilihat melalui Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM) yang dikemukakan oleh IAB pada tahun 2006. Kesemua sembilan aspek pengurusan kepimpinan pendidikan ini telah dikenal pasti oleh pakar pendidikan, yang perlu dikuasai oleh setiap guru besar atau pengetua yang mengurus dan mentadbir sekolah iaitu:

- (1) Pengurusan dan Kepimpinan Organisasi;
- (2) Pengurusan Kurikulum;
- (3) Pengurusan Kokurikulum;
- (4) Pengurusan Hal-ehwal Murid;
- (5) Pengurusan Kewangan;
- (6) Pengurusan Pentadbiran Pejabat;
- (7) Pengurusan Persekitaran dan Kemudahan Fizikal;
- (8) Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia; dan
- (9) Pengurusan Perhubungan Luar.

Hadirin yang dihormati sekalian,  
Dapatan Kajian (Singapura)

Kajian "Instructional Leadership Practices in Singapore" mendapati guru besar menunjukkan lebih banyak mengamalkan kepimpinan instruksional berbanding dengan pengetua-pengetua sekolah menengah di Singapura. Kajian-kajian lain yang diutarakan menyatakan bahawa guru besar menggunakan sekitar 50% masa bekerja mereka bagi melaksanakan tugas-tugas seorang pemimpin instruksional. Menurut International Literature on Educational Leadership, terdapat tiga perbezaan utama yang mempengaruhi amalan kepimpinan instruksional antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Pertama, sekolah menengah biasanya mempunyai populasi murid yang lebih besar berbanding sekolah rendah. Penambahan lapisan kepimpinan akan mengurangkan fungsi pengetua sebagai pemimpin instruksional pengetua terutamanya dalam tugas pemerhatian dan penyeliaan kurikulum. Secara ringkas, pengetua di sebuah sekolah yang besar tidak mempunyai masa yang cukup untuk bekerja secara langsung dengan guru. Oleh itu, Harris (2002) menyimpulkan bahawa pengetua sekolah menengah lebih banyak memberi kesan terhadap pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti melalui pembentukan iklim sekolah, bukannya melalui interaksi secara langsung.

Kedua, pengetua sekolah-sekolah menengah di Singapura menyedari bahawa mereka tidak akan berjaya melaksanakan kepimpinan instruksional secara berseorangan. Walaupun benar bahawa pengetua Singapura cenderung untuk melaksanakan lebih banyak kepimpinan instruksional pada peringkat awal proses perubahan sekolah, mereka kemudiannya memberi kuasa kepada ketua-ketua jabatan (pemimpin pertengahan). Kajian yang ditinjau di Singapura menunjukkan bahawa para pemimpin sekolah menengah sangat menghargai keberkesanan pemimpin pertengahan mereka. Dengan kata lain, pengetua menjalankan pendekatan kepimpinan transformasi dan bukan kepimpinan instruksional, di peringkat akhir perubahan sekolah.

Ketiga, pengetua-pengetua sekolah menengah di Singapura mempunyai beberapa domain kepimpinan instruksional, namun kepimpinan instruksional yang diamalkan di setiap domain berbeza-beza. Kajian ini mendedahkan bahawa pengetua lebih banyak memberi tumpuan terhadap pembangunan visi sekolah, mewujudkan suasana pembelajaran yang baik, dan membangun serta meningkatkan kurikulum seluruh sekolah. Penemuan ini bersesuaian dengan cadangan yang dikemukakan oleh Hallinger (2007) bahawa pengetua, pada hakikatnya, cenderung menekankan dua dimensi kepimpinan instruksional iaitu, menentukan visi dan menyokong iklim sekolah. Dalam aspek lain pula, Hallinger (2007) telah menekankan tentang kekurangan data empirikal yang menunjukkan bahawa pengetua lebih banyak menghabiskan masa untuk pemerhatian dan penyeliaan kelas secara langsung. Ini membawa maksud bahawa aspek penyeliaan dan pemerhatian pembelajaran dan pengajaran masih perlu dipertingkatkan di sekolah-sekolah. Ini boleh dilakukan mengikut situasi sekolah. Kemahiran coaching & mentoring dalam kalangan pemimpin sekolah dapat membantu meningkatkan kualiti guru dalam pelbagai aspek khususnya PdPc.

#### **Dapatan daripada Journal of Research Initiatives (2014)**

Kajian daripada University of Minnesota dan Toronto oleh Louis, Keithwood, Wahlstrom, et al (2010), menyatakan bahawa guru-guru amat menyukai iklim yang menggalakkan pembelajaran di sekolah. Maka sebagai pemimpin instruksional, sudah pasti perlu memberi fokus dalam aspek mewujudkan dan mengekalkan iklim pembelajaran di sekolah. Manakala Marzano, Waters dan McNulty (2005) telah menjalankan meta-analisis ke atas 69 kajian utama, terdiri daripada 2,800 buah sekolah, 14 ribu orang guru dan 1.4 juta pelajar. Daripada dapatan kajian mereka telah menghasilkan senarai 21 tanggungjawab pemimpin sekolah berkesan. Sebahagian daripada tanggungjawab yang paling penting adalah seperti menjadi ejen perubahan, berkomunikasi secara efektif dan produktif dalam kalangan guru-guru dan murid, menyediakan rangsangan intelek bagi memastikan guru-guru sentiasa sedar dan ambil peduli teori dan amalan pendidikan terkini, pengetahuan tentang amalan kurikulum, pengajaran dan penilaian semasa. Berdasarkan dapatan tersebut, pemimpin sekolah harus memberi perhatian kepada peranan mereka sebagai pemimpin instruksional yang berkesan.

## **Hadirin yang dihormati sekalian, Kemahiran-kemahiran Pemimpin Sekolah Abad ke-21**

Pemimpin-pemimpin sekolah masa kini sentiasa berhadapan dengan isu-isu kepimpinan dan memerlukan pelbagai kemahiran untuk menangani isu-isu tersebut. Perubahan pesat dalam dunia pendidikan memerlukan pemimpin yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran bukan sahaja di peringkat nasional malah bersedia bersaing pada peringkat global. Antara bidang kemahiran yang perlu ada kepada pemimpin sekolah termasuklah kepimpinan pendidikan, menyelesaikan masalah-masalah kompleks, komunikasi dan kemahiran membangunkan diri sendiri dan orang lain.

Dalam kepimpinan pendidikan, dimensi kemahiran yang perlu difokuskan adalah menetapkan hala tuju pengajaran, kerja sepasukan dan sensitiviti. Dalam menyelesaikan masalah kompleks, dimensi kemahiran yang perlu ada termasuklah membuat justifikasi, penyelesaian masalah berorientasikan keputusan, dan kebolehan mengorganisasi. Dalam aspek komunikasi pula, dimensi kemahiran yang penting adalah komunikasi lisan dan bukan lisan. Manakala bagi bidang kemahiran membangunkan diri sendiri dan orang lain, dimensi kemahiran yang perlu dikuasai adalah kemampuan membangunkan orang lain dan memahami kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Kemahiran-kemahiran tersebut juga adalah kompetensi-kompetensi utama yang ditaksir dalam program NPQEL 2.0 2018. Kerangka penyampaian latihan dan pembangunan 70:20:10 dalam NPQEL 2.0 menekankan 70 peratus daripada pembelajaran peserta PGB adalah daripada tugas mencabar dan pengalaman melakukan kerja (on-the-job learning experiences), 20 peratus daripada pembelajaran peserta dibangunkan daripada hubungan peserta dengan stakeholders, rangkaian komuniti pembelajaran dan maklum balas yang diterima, dan 10 peratus adalah pembelajaran daripada latihan formal seperti kursus, bengkel dan seminar yang berstruktur.

### **Pedagogi dalam PAK21**

Antara kaedah pedagogi dalam PAK21 yang relevan dengan keperluan semasa termasuklah pembelajaran berasaskan inkuiri. Pembelajaran ini melibatkan proses mencari dan menyiasat masalah, membina hipotesis, mereka bentuk eksperimen, mengumpul data dan membuat kesimpulan untuk menyelesaikan masalah. Pembelajaran berasaskan projek juga merupakan kaedah pedagogi dalam PAK21. Ini melibatkan murid mengkaji secara mendalam tentang sesuatu isu atau topik bagi menghasilkan sesuatu produk. Seterusnya pembelajaran berasaskan masalah. Contohnya, PdP yang mencabar pemikiran murid untuk menyelesaikan masalah berdasarkan situasi sebenar. Pendekatan STEM juga adalah kaedah pedagogi dalam PAK21. Melalui pendekatan ini, murid mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang membudayakan amalan STEM melalui strategi inkuiri, penyelesaian masalah dan projek dalam konteks dunia sebenar.

## **Hadirin yang dihormati sekalian, Harapan, Realiti dan Cabaran**

Sememangnya, tiada siapa yang dapat menafikan bahawa teknologi merupakan komponen yang penting dalam PAK21. Teknologi berupaya membuka minda dan perspektif murid kepada dunia tanpa sempadan yang sungguh mencabar. Namun, realiti yang perlu diakui adalah berkaitan infrastruktur sekolah yang perlu dibaik pulih agar sesuai dengan teknologi yang digunakan. Penggunaan teknologi dalam PdPc mampu menjadikan PdPc lebih menarik dan mempunyai impak yang tinggi.

Namun, cabaran PAK21 perlu dilihat daripada pelbagai perspektif yang lebih luas. PAK21 bukanlah satu matlamat tetapi sebagai kaedah untuk kita mencapai apa yang digariskan dalam FPK kearah kemenjadian murid. Antara cabaran yang utama termasuklah melaksanakan pendekatan STEM di sekolah. Sebagai perkongsian, menurut The Future Jobs, majikan pada tahun 2020 menginginkan kelainan dalam memilih pekerja. Kemahiran berfikir adalah antara elemen penting dalam memilih pekerja dan bukan semata-mata berdasarkan kelayakan akademik. Antara 10 kemahiran teratas yang dikehendaki oleh majikan adalah keupayaan seseorang menyelesaikan masalah kompleks, berfikir secara kritis, kreatif, mengurus manusia, kecerdasan emosi, membuat keputusan serta berunding. Dewasa ini, negara menghadapi dilema apabila peratus murid sekolah dalam aliran berkaitan STEM adalah lebih rendah daripada yang diinginkan. Ini menimbulkan kerisauan banyak pihak apabila semakin banyak industri berkaitan STEM dibangunkan di negara ini. Matlamat Pendidikan STEM ialah melahirkan murid berliterasi STEM yang berupaya untuk mengenal pasti, mengaplikasi serta mengintegrasikan konsep STEM untuk memahami masalah dan menyelesaikannya secara kreatif dan inovatif. Ini dilakukan melalui pembelajaran bersepadu STEM yang mengaplikasikan konteks dunia sebenar dan menggunakan pendekatan hands-on dan penerokaan terbuka.

Banyak usaha dilaksanakan dalam pendidikan STEM. Contohnya, MOSTI melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013-2020 mengenal pasti Nilai Rantaian Bakat STEM (STEM Talent Value Chain). Ia berdasarkan tiga fasa iaitu Membangunkan Bakat, Menggembleng Bakat dan Memperkasakan Bakat, yang bermula dari seawal kanak-kanak di prasekolah sehingga ke tahap kepakaran yang tinggi dalam bidang Sains dan Teknikal.

Dalam usaha menjadikan pendidikan STEM menarik, penting agar kerjasama pelbagai pihak terbabit dilakukan. Contohnya pihak sekolah dibenar mengadakan kerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat bagi memastikan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dapat dilaksanakan dengan berkesan. Bagi memastikan pendidikan STEM benar-benar dapat menarik minat pelajar, kaedah pengajaran pasif di dalam bilik darjah perlu diubah kepada pembelajaran aktif yang mementingkan idea kreatif dan Kemahiran Berfikir Aras tinggi (KBAT). Realitinya, agenda pendidikan yang berteraskan STEM perlu dititikberatkan oleh warga sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

## Penutup

Akhir kata, dalam menjayakan hasrat dan hala tuju KPM berdasar Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, peranan pemimpin instruksional amat penting. PAK21 perlu dimantapkan. Pemimpin sekolah harus menjadi penggerak utama dalam membina kompetensi guru-guru ke arah memantapkan lagi PAK21 dalam bilik darjah. Pemimpin sekolah yang cakna, bertanggungjawab, bersifat futuristik dan kompeten mampu menjana pembelajaran abad ke-21. Impaknya dapat dilihat melalui kemenjadian murid yang meliputi aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi-bahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Sesungguhnya, tuan-tuan dan puan-puan barisan kepimpinan sekolah adalah penggerak utama dalam menjayakan PAK21 di sekolah. Tuan-tuan dan puan-puan juga merupakan pemacu bagi menjayakan hasrat dan matlamat KPM. Semoga usaha murni kita dalam memantapkan lagi PAK21 diberkati Allah SWT.

Maka dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya merasmikan Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional Kali ke-12 2018.

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah, wassalamualaikum warah matullah hi wabarokatuh.

## Professor Dr Michael James Keppell

### Pro Vice-Chancellor, Learning and Teaching, Taylor's University, Malaysia

#### Bio Data

Michael leads the Pro Vice-Chancellor, Learning and Teaching portfolio that is focused on driving curriculum transformation, learning, teaching and assessment at the University. He also leads the Integrated Teaching and Life-long Learning Centre at Taylor's (INTELLECT).

In his capacity as Pro-Vice Chancellor, he encourages the provision of holistic teaching and learning experiences for staff and students.

INTELLECT is committed to supporting the University, Faculties, Schools, and individual academic staff in transforming teaching and learning.

Before commencing at Taylor's University, Michael was Pro Vice-Chancellor, Learning Transformations at Swinburne University;

Executive Director, Australian Digital Futures Institute at University of Southern Queensland and Professor of Higher Education and Director, The Flexible Learning Institute at Charles Sturt University.

He has a long professional history in higher education in Australia, Canada and Hong Kong and has worked at seven different universities.

His expertise centres on curriculum design, innovative learning design of blended and online learning environments, educational technology, global partnerships and authentic assessment for large-scale transformations.

His research and practice focuses on personalised learning, learning design, digital futures, learning spaces, blended learning, authentic assessment and leadership using design-based research.

He was the first Australian to be elected to the Board of the Open Education Consortium and is a Life Member of *ASCILITE*.

## Summary of the presentation:

### Enhancing Student Learning Experience through Curriculum

### Transformation and Innovative Pedagogies in the Digital Age

Professor Dr. Michael James Keppell

Pro Vice-Chancellor, Learning and Teaching

Taylor's University, Lakeside Campus

47500 Subang Jaya, Selangor D.E.

Office: +603 5629 5293

michaeljames.keppell@taylors.edu.my

This presentation will focus on a broad-based holistic curriculum transformation within the Higher Education context. Parallel to curriculum transformation we need to examine the knowledge, skills and attitudes teaching staff need to thrive in a digital age. I will then examine student development and capabilities required by students to tackle the complexities of the learning landscape that is becoming increasingly digital, connected, and ambiguous.

## The Presentation Focussed On:

- Curriculum transformation in a digital age
  - Broad-based education
  - Holistic education
  - Life skills
  - Wide range of learning spaces
  - Active learning
  - Blended learning
  - Assessment for learning
- The knowledge, skills and capabilities teachers need to thrive in a digital age
  - Digital fluency
  - Technology affordances
  - Seamless teaching
  - Scholarship
  - Learning analytics
  - Feedback as feed-forward
- The knowledge, skills and capabilities learners need to thrive in a digital age
  - Digital literacies
  - Seamless learning
  - Self-regulated learning
  - Self-assessment
  - Lifelong learning
  - Life skills capabilities

InTeLLect FACILITIES in Sunway University InTeLLect FACILITIES in Sunway University

Social Learning Pod (e-Quarium)



Consultative /Learning Pods



Peer Assisted Learning Support (PALS) Active Learning Room



SHINE Development Room

Collaborative Zone



SHINE Hotdesk



## *Bahagian 2*

**‘PEiEP’ VIA FLIPPED:  
SUPPORTING STUDENTS’ LEARNING ENGAGEMENT WITHIN THE  
CONTEXT OF 21ST CENTURY EDUCATION**

**Norliza Kushairi**  
IPG Kampus Darulaman, Jitra, Kedah  
norliza@ipda.edu.my

**ABSTRACT**

*PEiEP is an innovation in teaching and learning process that was triggered by my quest to encourage students’ engagement in learning, a critical factor to learning success. PEiEP allows teachers to ‘peep’ their students’ engagement in learning especially outside the classroom session. It adapts a flipped learning approach executed via the blend of digital or cloud computing, in particular, social learning media platform and grounded (conventional) pedagogical facilities. PEiEP is documented in a form of teaching and learning strategy module. The activities are modelled in three phases of learning, namely, Pre-class (P), In-class (I) and Post-class [the second P]. The bridging elements for successful implementation of this innovation are engagement (the letters E) whereby activities that arouse and stimulate enhancement, enticement, elaboration and evaluation, among others, are designed. The successful implementation lies heavily in the accountability of a teacher to be effective learning designers while playing the role as a pastoral carer who encourages his or her students to demonstrate skills in communicating, collaborating, critical thinking and creativity as well as ethics or values throughout the learning process. PEiEP has been tested to four cohorts of trainee-teachers, hence an increase of engagement leading to elevated learning attainment has been reported and published at the international and national level since 2015. The experience of the journey paved to lessons that under the notion as true lifelong learners, teachers, ought to be dynamic learning designers who manifest learning, unlearning and relearning throughout his/her professional development.*

**Keywords:** *flipped learning; learning engagement; learning tools; learning designers, learning support*

## INTRODUCTION

Student engagement in learning has been all-time focus for teachers, scholars and researchers. This is evidenced in the emergence of various theories pertaining to learning since the era of Socrates, Plato, Dewey, Kuhn, Bruner and Vygotsky naming a few. All of these theories emphasised on how to increase students' attainment in learning, which in return, increase their academic performance, signifying that at the heart of learning is student's engagement. The complex and multifaceted concept of learning engagement makes defining the term a challenging task, let alone its measurement. The complexity of the issue has fuelled debate in much of the education literature since 1980s.

Historically, Vygotsky (1962) had indirectly discussed learning engagement through his Zone of Proximal Development (ZPD) concept embedded in social-constructivist theory, when he argued children's developmental behaviour towards learning. In principle, student engagement is linked with social interaction or environment that constructs students' knowledge into a meaningful learning experience. This profound idea is evidenced throughout the decades which witnessed majority of the researchers, scholars and practitioners (teachers) never dismiss the importance of learning engagement by students. Exemplifying this historical development is engagement theory (Kearsley & Schneiderman, 1998) which defines learning engagement based upon ideas of creating successful collaborative teams that work on ambitious projects that are meaningful to someone outside the classroom. These components summarised by Relate-Create-Donate, imply that learning activities occur in a group context (ie collaborative teams), are project-based and have an outside (authentic) focus (Kearsley & Schneiderman, 1998).

Decades later, although not directly mentioned, no one seems to object the importance of students' learning engagement as a critical success factor. Infact the variable has been further developed and refined as vividly exemplified in the work of De Valenzuela (2006) and Fletcher (2014). Within the framework of ZPD, De Valenzuela (2006) reviews Vygotsky's (1962) ideas by rightly pointing out that cognitive development is seen not as unfolding in a biologically driven sequence, but as emerging, as a result of interactions within a cultural and historical context. In this view, learning is seen as leading, or fostering, cognitive development. Vygotsky (1962) indicates that development cannot be separated from its social and cultural context, so the only way to explore mental processes is through understanding Vygotsky's concept of mediation that made a breakthrough in our understanding of learners' development.

Meanwhile, a decade after De Valenzuela's work, Fletcher (2014) extends the concept, also against the backdrop of social constructivism. In his book, *The Guide to Student Voice*, Fletcher talks about how students are interested in the task at hand even when the work is challenging; his is what we named today as learning engagement. Fletcher continues that, engaged students persevere and proudly complete their work, despite the obstacles they faced. Perhaps, the most recent terminology found in the century is the one proposed by Weimer (2012) and Kenny (2014), advocating that student engagement describes participation in activities that lead to high-quality learning (Weimer, 2012).

In the same demeanor, this work of mine expands the ideas of support on learning engagement by teachers and the organisation. What's more, in the current century, learning has been made available via remote and virtual platforms. The question is, how do we use these facilities to support students' learning engagment?

In sum, by and large, student engagement is at the heart of the academic outcomes and personal development, recapped in the words of Kuh, Kinzie, Buckley, Bridges & Hayek (2007): "A key element of this approach is adhering to a talent development philosophy throughout the institution. In addition to recognizing that every student can learn under the right conditions, the talent development view requires that the institution organize its resources and create conditions for teaching and learning based on educationally effective practices" [Kuh et al. 2007, p12].

## PROBLEM STATEMENT

Teachers often lamented lack of time to coach and facilitate their students' learning during in-class session, which resulted in students' poor academic performance. Often the cause of poor performance rooted in poor learning engagement, which resides in poor monitoring by teachers. Teacher always is the victim of finger-pointing accusation when students could not perform academically. With extensive syllabus to cover within a limited time, the classroom session is almost impossible to be the magic wand whereby teacher could swing around gracefully attending to every student's need. Scholars say student's achievement starts with engagement prior to class time. Thus, how teachers can attract students' engagement even before the class starts?

On the other hand, students easily feel demotivated in the classroom, let alone, outside the classroom without the teacher's presence. It is often a nightmare for teachers to retain their students' focus specifically outside the classroom hour. Nowadays, students are more engaged with the interactive applications they owned in their gadget. It is simple to understand this situation; why should a student feel obliged to follow the boring-one-way-non-interactive instructions from their teachers, while he or she owns more attractive and interactive applications in his or her gadgets to play with?

In a parallel development, with more workloads teachers need to handle, the time to coach and monitor the students' learning is only limited to face-to-face in-class session, sentence resulting in declining of teacher's participation to interact with their students outside class hour. This circumstance gradually leads to disengagement between teachers and students.

The question that always draws our attention is, why do teachers lack time to coach students, to be their mentor, to facilitate their learning? Is it because the teaching strategy is out-dated? In this regard, do we sufficiently speak in today's student's language when it comes to selecting teaching strategies and activities? These questions demand us to reflect on our practices in the era of 21st century.

The idea of PEiEP was triggered when I faced time constraint doing one-to-one coaching to my students, specifically in completing their course assignments and tutorials. Most of the interaction time stipulated in the time table was used to catching up with the syllabus with little or no time for individual attention to each student, of whom is my client. I always lament how I wished I could have more time to coach, facilitate and assist my students' during class time. With extensive syllabus to cover within a limited time, the classroom session is almost impossible for me to swing around gracefully attending to every student's need. The aftermath was, I managed to complete the syllabus, at the expense of the quality of assignment my students produced; which was just rather satisfactory level that was not expected from talented students. This circumstance made me think and reflect on what I should actually be doing to help them.

## INNOVATION

PEiEP, as the sound may simply suggest (peep), means look through in a curious manner through a small hole or opening. According to Oxford (n.d, access online)'to peep or peek is usually to give a quick look through a narrow aperture or small opening, often furtively, slyly, or pryingly, or to look over or around something curiously or playfully'.

PEiEP is an innovation in teaching and learning process whereby teachers are capable to 'peep' into students' activities outside the classroom session even before the class starts to ensure students' engagement and focus are restored and retained until the class time. It adapts a flipped learning approach executed via the blend of digital or cloud computing, in particular, social learning media platform and grounded (conventional) pedagogical facilities.

PEiEP stands for Pre-class, In-class and Post-class phase and these three phases are intertwined by the essence of E namely Engagement. The bridging elements for successful engagement across the phases are activities that arouse and stimulate enhancement, enticement, elaboration and evaluation, among others. In each phase of [P] Pre-class, [I] In-Class, [P] Post-class structures, engaging activities are proposed where teachers can choose from an array of cooperative activities to suit to their particular topic-of-the-day and learning outcomes.

At each phase, teacher peeps throughout the activities with the aid of digital platform (LMS, social media platform, learning tool and applications coupled with grounded conventional learning strategies. The conventional learning strategies encompass the cooperative learning strategies grounded in the capacity of teachers to coach, mentoring and facilitate the students. It is undeniably a challenging task for a teacher. Throughout the activities, the pastoral care of a teacher is harnessed so that students are attended at the optimum capacity prior to, while and after-class session.

The guiding principle for a successful PEiEP is teachers' realization to be effective learning designers who are passionate in designing engaging activities, promoting 'academic monitoring' in an edu-leisure tone and manifesting the 21st century education tagline 'learning happens anywhere, anytime'. In other words, PEiEP promotes students' learning engagement via teacher's remote monitoring ie. virtual social learning platform (pre and post-class) blended with physical support during in-class session.

Thus, PEiEP module is designed to help teachers support students' learning engagement by benefitting the social learning media and cloud computing while merging it with the skills of coaching and mentoring. To understand the flow of PEiEP procedures, the diagram is presented in Figure 1.




Figure 1 : PEiEP Flow Overview

Note: The details of the three phases is reported elsewhere (Norliza Kushairi, 2018)

The following points are the originality of the innovation. The three phases are designed in a unique way from other flipped classroom approach applied elsewhere. Normally, most of the video used elsewhere are a direct recording of teachers teaching in class which was then passed to students.

The following are the difference between PEiEP and other Flipped learning implementation found thus far:

1. In PEiEP, videos are curated from mutiple resources and websites to taylor to the needs of particular learning objectives, of the teachers choice. These were passed to students before they come to class. Activities are given alongside the video to prepare students mentally and to nurture collaboration amongst their peers. Here, students are shaped to engage with their learning even before class starts.
2. Teacher monitors students' in an easy and leisure way. Students do not feel intimidated by the teachers' presence in the virtual social group. They could discuss comfortably and intelligibly.
3. The careful selection of activities from the vast choices of available learning protocols/ strategies/ activities/techniques in cooperative learning coupled with the blend of web-based and plugged in digital tools available are uniquely designed in the three-phased module.
4. In Post-class phase, the emphasis is on project-based activities that help students to manifest their HOT skills. For example, students are to produce videos and realia products. They promote their work in social video such as FB and IG and get as many 'like' as they could.
5. This phase allows them to think critically to sell their ideas and it tallies with integrated learning elements such as entrepreneurship and ICT skills in the current national curriculum.
6. The project-based learning witnessed students' work in the form of video, posters, Prezi presentation and gamification. These work have been demonstrated in many innovation competitions. Some of them have won gold, silver and bronze medals.

## IMPACT AND CONTRIBUTION

The approach has been tested to four batches of students and a few groups of lecturers at IPG since 2015. A number of studies have been executed since the beginning of my trial and were reported elsewhere. For this particular paper, a qualitative study was executed to explore the impact of the particular module, PEiEP. Here, I used the exit slips during post class sessions and a series of semi-structured interview to gauge the extent to which the themes of Learning Engagement emerged.

The themes used in PEiEP were based on the literature review that is pragmatic in nature aligning with the PEiEP objectives that is to enhance teachers role as a pastoral carer, coach and mentor in supporting students' learning engagement. Among the themes that guide the navigation of the analysis and adapted in the studies are suggested by Goodwin (2012) as in Table 1:

Table 1: Themes in Learning Engagement (Goodwin, 2012)

|                                          |                                                                                                                                                                                                                      |
|------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Competence                               | Pursuing goals<br>Effective communication<br>Technological Awareness<br>Career development<br>Health & wellness                                                                                                      |
| Knowledge                                | Critical thinking<br>Reflective thinking<br>Effective reasoning<br>Creativity                                                                                                                                        |
| Self-Regulation                          | Navigating the academic environment<br>Commitment to Goodwin College<br>Commitment to academic & career goals<br>Engagement in the campus community                                                                  |
| Interpersonal & Intrapersonal Competence | Healthy personal relationships<br>Controversy with civility<br>Adaptability<br>Leadership & teamwork<br>Self-awareness, self-respect, & purpose<br>Identity development<br>Living a personal code of values & ethics |
| Civic Engagement & Responsibility        | Appreciation of cultural & human differences<br>Global perspective<br>Civic responsibility<br>Social responsibility                                                                                                  |


Apart from that, Kalu and Kelly (2018) wrote about their study pertaining to learning engagement which led to these themes:


**Community:** *Fostering* a interdependent learner community that encourages student engagement emphasising the Social communication (ethique), media social skill (ethique) and positive interdependent, Participative and responsive.


**Strategies and Activities:** *Engaging students in the classroom using active learning strategies*

**Transformative:** *Making learning a transformative experience*

These two perspectives of learning engagement themes proposed by Goodwin (2012) and Kalu & Kelly (2018) were adapted and incorporated during the analysis process. The diagram in Figure 2 depicts the analysis done on the exit slip.







Pastoral care, mentoring and coaching are evidenced in these excerpts.

Figure 2: Samples of excerpts from exit slips showing the emergence of the themes

Apart from the above evidences gathered through exit slips, an analysis on the online survey administered by IPGM called Exit Survey was also executed. The open-ended section whereby students commented on the lecturer's delivery was used as data and was analysed qualitatively adhering to the themes. Based on the analyses, the analysis matrix is presented (in Appendix).

The themes captured were **Transformative learning experience and interdependent learner community** as suggesting an **increase of learning engagement among students via PEiEP**. Refer to Figure 3.

These studies have witnessed an increase of engagement and motivation amongst students in their participation outside the classroom.




Figure 3: Increase of students' learning engagement via PEiEP

Apart from that, an online quantitative survey via Google form was administered to the lecturers. The findings suggest that the lecturers have demonstrated an increase level of creativity and confidence (of 35% from the initial 35% to 70%) and heightening urge of exploration excitement when they came up with astonishing presentation (such as Prezi) and use of cloud and digital learning application or tools (Powtoon, EdPuzzle, Storybird etc) upon successful imprint of sense of passion in acquiring new skills and knowledge. Refer to Figure 4.




Figure 4: Results from studies showing teachers' level of TPACK competence before and after Flipped Learning Approach

Besides the above study, within the agenda of Professional Learning Community activities, several workshops have been conducted in and outside the IPGM. In parallel, the following papers are successfully presented at national and international level and published in several proceedings and journals.

|   |                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|---|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | Norliza Kushairi. (2016). 'PEEP': Harnessing Pastoral Care to Assist Students' Learning via Digital Support. Jurnal IPDA No.23 ISSN: 1394-6218, pp137-149 (IPGKDA: Kedah)                                                                                                  |
| 2 | Norliza Kushairi. (2018). Kesiediaan penggunaan video sebagai wahana pembelajaran dan pemudahcaraan pendekatan flipped learning dalam kalangan pendidik. Prosiding Seminar PdPc Abad ke-21 Peringkat Kebangsaan pada 23-25 April 2018. IPG Kampus Sultan Mizan             |
| 3 | Norliza Kushairi. (2018). Is 'flipped' a Magic? A Personal Account on Using Video During Flipped Learning. Paper presented at International Conference on The Future of Education 2018 (iCONFED), 10 hingga 12 Julai 2018, Institut Pendidikan Guru Kampus Bainun dan IPGM |
| 4 | Norliza Kushairi & Noorasikin Ismail (2015). Inovasi Ko-kurikulum Melalui Pedagogi Abad ke-21: Potensi dan cabarannya. Paper presented at National Seminar on Educational Research, 22-23 Oct 2015, Organiser: North Zone, Teacher Education Institutions                  |

|   |                                                                                                                                                                                                                                                     |
|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 5 | Harlina Ishak & Norliza Kushairi. (2015). Prezi: Inovasi persembahan kuliah dalam meningkatkan kreativiti melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Jurnal IPDA Bil 22. Kedah: IPG Kampus Darulaman. 82-93                                      |
| 6 | Fatahiyah Elias, Norliza Kushairi, Ahmad Sobri Shuib. (2015). Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral melalui Powtoon dan Edmodo: Pengalaman dan Kesannya ke atas pelajar. Jurnal IPDA Bil 22. Kedah: IPG Kampus Darulaman. 62-74 |
| 7 | Nor Bibi Maslina Jusoh, Hannyyzura Affal & Norliza Kushairi (2017). Pembelajaran Animasi 3D Interaktif Untuk Kanak-Kanak Disleksia (Threedlexic). Prosiding PERKEP17. IPG Kampus Darulaman                                                          |

## SUGGESTION FOR FUTURE RESEARCH

The innovation is an attempt to cater to issue of teachers' support for students' learning engagement. As it is still at its' infancy stage, more work need to be done along the way. The next avenue is to digitize the monitoring session to record digital insights of students' involvement in the activities. Expert in digital application is needed to realise this mission. Meanwhile, I also received suggestions to cater to special needs students with the help and involvement from their parents.

## CONCLUSION

In the wake of technological advanced to develop competitive knowledge-based society in Malaysia, the form, scope and context of teachers' work has undergone significant transformation. Malaysian teachers are advocated as change agents of students, as well as of the wider society. It is legitimately accepted by society that good teachers strive to engage their students in meaningful activities they planned. The challenge of planning, designing, implementing and manifesting are all encapsulated in the notion of teachers as learning designers and co-learners. Within this context, the idea of teachers as 'lifelong learners' has emerged (Nicholls, 2000).

In striving to become 21st century effective teachers, of whom optimising the cloud learning facilities where necessary and applying the coaching and mentoring skills, building global professional network globally and creating personal learning environment are apt. Within this network, learning, unlearning and relearning continuously is made possible for teachers to learn from each other as professional educators who not just transmitters of knowledge but a true mentor, coach, facilitator and pastoral carer of their students.

## REFERENCES

- De Valenzuela, J. (2006). "Sociocultural views of learning." The SAGE Handbook of Special Education. SAGE Publications.
- Fletcher, A. (2014). Guide to Student Voice. ISBN9780692217320
- Goodwin, K. (2012). Use of tablet technology in the classroom. NSW Department of Education and Communities.
- Kearsley, G., & Shneiderman, B. (1998). Engagement Theory: A Framework for Technology-Based Teaching and Learning. Educational Technology, 38(5), 20-23. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/44428478>
- Kenny, N.A. (2014). Learner-Centred principles for teaching in higher education.
- Calgary, AB: Taylor Institute for Teaching and Learning
- Kalu, F.; Kelly, P. (2018). Student engagement in the classroom. Accessed online: <http://connections.ucalgaryblogs.ca/2018/03/22/student-engagement-in-the-classroom/> on 10th Oct 2018.
- Kuh, George D.; Kinzie, Jillian; Buckley, Jennifer A.; Bridges, Brian K.; Hayek, John C. (2007). Piecing Together the Student Success Puzzle: Research, Propositions, and Recommendations. ASHE Higher Education Report, Volume 32, Number 5, p1-182 2007
- Nicholls, G. (2000). Professional development, teaching, and lifelong learning: The implications for higher education. International Journal of Lifelong Education, 19(4), 370-377.
- Norliza Kushairi. (2018). PEiEP via Flipped: Supporting students learning engagement via cloud and grounded learning facilities. ISBN 978-967-16226-1-2. Patent ID: LY2018003995. Norliza Kushairi: Kedah
- Vygotsky, L. (1962). Thought and language (E. Hanf-mann & G.Vakar, Trans.). Cambridge, MA: MIT Press.
- Weimer, M. (2012). 10 ways to promote student engagement. Faculty Focus, <https://www.facultyfocus.com/articles/effective-teaching-strategies/10-ways-to-promote-student-engagement/>

**PEMIMPIN CATALYST MEREALISASIKAN TRANSFORMASI  
PENDIDIKAN MELALUI PA21**

**Raja Zainal Hafiz bin Raja Adnan**  
**Guru Besar SK Taiping**  
**rajazainalhafiz@gmail.com**

**ABSTRAK**

*Dalam menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, bidang pendidikan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor penentu kejayaan utama (critical success factor). Antara langkah yang telah diambil ialah memperkenalkan transformasi Pendidikan melalui PPPM 2013-2025. Bagi memastikan transformasi ini berjalan lancar suatu kajian telah dijalankan khasnya berkaitan dengan keupayaan guru melaksanakan PAK21. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual dan tinjauan (enviromental scanning) yang melibatkan responden yang terdiri daripada guru-guru di beberapa buah sekolah. Hasil daripada kajian ini didapati kebanyakan guru kurang berminat melaksanakan PAK21 kerana kurang persediaan kemahiran dan pengetahuan yang rapi. Oleh itu, bagi mempercepatkan proses ini, saya telah memperkenalkan beberapa inisiatif iaitu Teacher's Draf Book for Teaching, 'One Stop' persediaan pengajaran PAK21, bilik darjah tanpa white board, bilik darjah tanpa meja guru dan Teacher's PLC Handbook serta PLC berjadual yang pelaksanaannya dilakukan di Sekolah Kebangsaan Taiping. Kesimpulannya, daripada inisiatif ini didapati pelaksanaan PAK21 di Sekolah Kebangsaan Taiping berjalan dengan lancar dan amat berkesan.*

**Kata Kunci:** Transformasi, Pengajaran Abad Ke-21, Guru Berkualiti.

## PENGENALAN

Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Pendidikan juga merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi yang melengkapkan generasi muda dengan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing dalam pasaran kerja dan menjadi pengupaya perkembangan ekonomi keseluruhannya. Sehubungan dengan itu, kita perlu memastikan sistem pendidikan negara berfungsi secara berkesan untuk menjayakan Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi, dan Program Transformasi Kerajaan yang menjadi asas perkembangan ekonomi negara dalam persaingan ekonomi global.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 merupakan satu Pelan Transformasi Pendidikan ke arah menyediakan pendidikan abad ke-21. Melalui pelan pendidikan inilah diharapkan dapat menyediakan insan yang mempunyai segala kemahiran dan pengetahuan agar mereka berpeluang merebut peluang dan bersaing di peringkat global serta dapat menangani cabaran abad ke-21.

Dalam kerancangan Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan transformasi, perkara penting diberi perhatian adalah kualiti kepimpinan dan kualiti kemenjadian murid. Tetapi sejauh manakah keupayaan khasnya pemimpin sekolah dapat bukan hanya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan tetapi mempercepatkan proses pelaksanaannya di samping mencari idea-idea baharu bagi membantu guru-guru dengan tugas mereka. Tidak dinafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan memerlukan pendekatan dan strategi baharu agar setiap murid mampu memiliki dan menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Bagi merealisasikan hasrat tersebut ianya perlu juga disokong oleh kepimpinan yang berkualiti serta sentiasa mempunyai ciri-ciri seorang catalyst atau pemangkin dalam kepimpinannya. Seorang pemimpin 'catalyst' adalah sumber, pemberi tenaga, arkitek serta wira bagi guru-gurunya.

Gaya kepimpinan sekolah juga sedikit sebanyak mempengaruhi kejayaan penyediaan pendidikan abad ke-21. Gaya kepimpinan yang ingin dinyatakan di sini adalah berkaitan dengan pemimpin catalyst pemangkin. Dalam dunia kepimpinan dikatakan peranan sebagai katalisator yang berperanan untuk meningkatkan penggunaan segala sumber daya manusia yang ada, semangat dan kerja cepat semaksima mungkin serta tampil sebagai pelopor. Di samping itu, ciri-ciri seorang pemimpin catalyst juga dikatakan seorang pemimpin yang mampu membangun imej positif kepada orang lain dan pembakar semangat kerjasama.

Secara saintifik, erti kata catalyst atau katalisator ialah mempercepatkan realisasi kimia. Dalam dunia kepimpinan dikatakan sebagai seorang katalisator apabila pemimpin tersebut berperanan selaku meningkatkan penggunaan segala sumber daya manusia yang ada, semangat dan kerja cepat semaksima mungkin serta sering tampil sebagai pelopor. Ciri-ciri seorang pemimpin catalyst adalah seperti berikut:

1. Seorang pemimpin yang mampu membangunkan citra positif kepada orang lain.
2. Pemangkin perubahan.
3. Pembakar semangat kerjasama.
4. High-involvement (keterlibatan tinggi)

Oleh kerana perubahan perlu berlaku pantas seiring dengan perubahan globalisasi yang amat pesat, pemimpin perlu menggerakkan guru-gurunya dengan dibantu oleh idea-idea dan kaedah-kaedah agar perubahan berlaku dengan pantas. Di sinilah peranan seorang pemimpin di sekolah menjadi seorang catalyst atau pemangkin agar dapat merealisasikan Program Transformasi Pendidikan melalui PAK21.

## SINOPSIS

Kajian ini lebih tertumpu kepada peranan seorang pemimpin dalam mempercepatkan proses amalan dalam menyediakan pendidikan abad ke-21. Peranan seorang pemimpin catalyst atau pemangkin dalam konteks mempercepatkan pelaksanaan sesuatu hala tuju memerlukan idea dan tatacara yang memudahkan pelaksanaan sesuatu program dan inisiatif.

Hasil kajian ini telah didapati sesuatu program atau perancangan dapat dicapai jika guru-guru sentiasa diberi panduan dan kaedah bagi memudahkan kerja buat mereka. Di dalam kertas kerja ini akan dicadangkan beberapa kaedah bagi mempercepatkan pelaksanaan khasnya merealisasikan PAK21 bagi tujuan meningkatkan kualiti kemenjadian murid melalui kualiti Pdpc guru.

## PENYATAAN MASALAH DAN OBJEKTIF

Perubahan dalam sistem pendidikan yang menjurus ke arah pendidikan abad ke-21 ini berkait rapat dengan kesediaan dan kefahaman guru sebagai penggerak kejayaannya. Oleh yang demikian, guru besar sebagai pemimpin sekolah perlulah sentiasa berusaha mencari langkah bukan hanya kaedah pelaksanaan tetapi perlu menjadi pemangkin kepada perubahannya.

Dalam menggalakkan pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21, pemimpin perlu mengenalpasti beberapa kemahiran dan pengetahuan yang perlu dikuasai oleh guru-guru.

Di antaranya :

1. Kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran PAK21.
2. Kemahiran mengelola dan mengurus aktiviti.
3. Kemahiran membuat rumusan.
4. Kemahiran menguruskan masa.
5. Kemahiran membuat pentaksiran.

Oleh yang demikian, seorang pemimpin pula perlu melaksanakan tanggungjawabnya bukan hanya membangunkan kapasiti guru dari aspek tersebut tetapi juga mencari langkah agar pelaksanaannya berjalan lebih pantas dan efisien. Sebagai seorang pemimpin 'catalyst'/pemangkin, ciri-ciri berikut perlu ada :

1. Mampu membangun citra positif kepada organisasi.
2. Memangkin perubahan.
3. Mampu membakar semangat kerjasama.
4. 'High involvement' (keterlibatan tinggi)
5. Sentiasa mempunyai idea
6. Sentiasa diyakini
7. Bijak menggunakan segala sumber daya manusia yang ada dan kerja cepat semaksima mungkin.
8. Sebagai pelopor.

## METODOLOGI DAN PERSAMPELAN

Menurut seorang pakar psikologi George Kelly dalam Fransella (1995), sesuatu masalah juga boleh diperolehi maklumatnya melalui sesi soalbual. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, kaedah yang telah digunakan adalah kaedah kualitatif. Instrumen yang dipilih dalam mendapat maklumat untuk kajian ini adalah melalui temubual dengan beberapa orang guru di beberapa buah sekolah. Satu set soalan temubual telah disediakan bertujuan untuk menilai tanggapan dan komitmen guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke 21. Soalan-soalan ini adalah berkisar kepada masalah dan kekangan guru-guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad 21.

Hasil daripada analisis dan dapatan didapati :

- i. Guru-guru memaklumkan perlu membuat persediaan yang banyak jika ingin melaksanakan PAK21.
- ii. Guru-guru memahami dan mengetahui kaedah pengajaran dan pembelajaran abad 21 melalui kursus dan bengkel-bengkel tetapi kurang yakin melaksanakannya.
- iii. Guru-guru beranggapan pelaksanaan PAK21 akan membuatkan silibus akan tidak sempat dihabiskan dan memjejaskan keputusan peperiksaan.
- iv. Sikap guru-guru sendiri yang sukar menerima perubahan kerana kurang kefahaman matlamat dan hala tuju sistem pendidikan semasa.

Hasil daripada analisis tersebut dapatlah saya rumuskan, guru-guru ini memerlukan suatu kaedah dan kefahaman bukan hanya meningkatkan komitmen mereka dalam melaksanakan PAK21 tetapi juga pemimpin seharusnya mencari idea dan strategi baru bagi mempercepatkan pelaksanaannya. Michael Fullan di dalam bukunya *The Six Secrets Of Change* menyatakan perubahan perlu dilakukan merangkumi tiga aspek, *materials, behaviors/ practices and beliefs/understanding*.

Berdasarkan kenyataan tersebut bolehlah kita kaitkan jika perubahan atau sesuatu matlamat ingin dicapai, seorang pemimpin perlu memastikan mengambil kira ketiga-tiga aspek di atas. Sebagai seorang pemimpin catalyst menyediakan segala kemudahan, merubah sikap organisasi dan memberi keyakinan kepada organisasi bagi tujuan mencapai matlamat dan hala tuju.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kertas kerja ini membincangkan stail kepimpinan yang saya yakini dapat membantu organisasi khususnya guru-guru mempercepatkan pencapaian matlamat dan perubahan tingkah laku guru-guru, namun terdapat beberapa cadangan harus dipertimbangkan.

Seorang pemimpin perlu juga mengambil kira latar belakang sekolah dan guru-guru kerana hal ini boleh mempengaruhi perubahan samada positif ataupun negatif. Sebagai contoh guru-guru perlu didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran melalui bengkel, LDP, CPD dan sebagainya kerana perubahan yang ingin dilakukan dapat diikuti dan dilaksanakan tanpa mendapat tentangan. Pemimpin juga mempunyai akauntabiliti, kredibiliti dan sahsiah yang amat meyakinkan di samping mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang bidangnya.

Pemimpin sekolah perlu mendapat lebih banyak latihan berkaitan dengan kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran daripada PPD, JPN, IAB atau mana-mana badan yang boleh mempertingkatkan kualiti kepimpinan di peringkat sekolah secara lebih kerap.

## RUMUSAN

Kesimpulannya adalah didapati keupayaan kepimpinan sekolah amat mempengaruhi kejayaan dan kecemerlangan sekolah. Pemimpin catalyst didapati dapat mempercepat matlamat dan hala tuju melalui berbagai usaha dan kaedah seperti yang dinyatakan di atas. Kadangkala guru-guru mempunyai kesanggupan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan tetapi mereka amat memerlukan bimbingan, tunjuk ajar, kaedah dan keyakinan. Di sinilah peranan seorang pemimpin catalyst dapat mendorong mereka dengan ciri-ciri yang ada padanya.

## RUJUKAN

- Aminuddin Mohd Yusof (1990), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burns, J.M. (1978). Leadership. New York: Harper & Row.
- Hallinger, P. (1998). Educational change in South-east Asia: The Challenge of creating learning systems. Journal of Educational Administration, 36(5)
- Hussien Mahmood. (1993). Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah. Kuala Lumpur : Dewan bahasa & Pustaka.
- Jaafar Muhamad (1996). Kelakuan Organisasi. Kuala Lumpur : Leeds Publications.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Majalah Pendidik, Bil. 123, (2018). Kuala Lumpur.
- Michael Fullan, (2008). The Six Secrets Of Change:Dimensions of Relational Coordination. New York: Metropolitan Books.
- Ramaiah, A. (1999). Kepimpinan Pendidikan : Cabaran Masa Kini. Kuala Lumpur: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Tony Bush (2010). The Principles of Education Leadership & Management. Singapore: SAGE
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin. (1993). Wawasan Pendidikan agenda pengisn. Nurin Enterprise Kuala Lumpur.
- Zuraidah Abdullah. (2016). Komuniti Pembelajaran Profesional di Malaysia. Amalan Penambahbaikan Sekolah. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

## TRANSFORMATIF KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DALAM MENGURUS PAK21 : PERSPEKTIF ANTARABANGSA

Prof Dr Abdul Ghani Kanesan Abdullah  
agk@usm.my  
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang

### Abstrak

Pendidikan memainkan peranan utama dalam menyediakan generasi yang berilmu, berkemahiran teknologi canggih dan mampu bersaing dalam abad ke-21. Justeru, kesediaan dan kesedaran pemimpin sekolah memainkan peranan penting ke arah memposisikan organisasinya bagi merealisasikan iradat Kementerian Pendidikan melalui amalan kepimpinan dan pengurusan terbaik pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) tidak dapat dikesampingkan. Sehubungan dengan itu, tujuan utama makalah ini adalah membincangkan perubahan amalan terbaik yang berlaku berkaitan PAK21 dan peranan kepimpinan dalam mengurusnya menurut perspektif antarabangsa. Amalan PAK21 yang berlaku di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Singapura, Austria, British Colombia, Canada, Norway, Australia Selatan dan Sepanyol telah dianalisis dan dibincangkan dalam empat subtopik iaitu (1) perubahan perolehan ilmu di sekolah; (2) perubahan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran; (3) perubahan kurikulum, pentaksiran dan peranan guru; dan (4) transformatif kepimpinan instruksional. Kesimpulannya pelaksanaan amalan PAK21 bergantung pada faktor transformatif kepimpinan instruksional peringkat sekolah yang memastikan teras utama kerja dalam menyediakan persekitaran dan budaya PAK21 dalam apa jua situasi. Kesimpulannya, didapati negara-negara yang dikaji telah pun mengintegrasikan PAK21 dengan tuntutan revolusi industri 4.0. sejak dekat lalu berbanding Malaysia.

**Kata kunci :** *pengajaran dan pembelajaran, transformatif kepimpinan instruksional, PAK21*

## 1. Pengenalan

Cabaran utama abad ke-21 secara globalisasi telah turut mempengaruhi perubahan gaya hidup generasi masa kini melalui input maklumat dan ilmu pengetahuan yang mudah diperoleh melalui jaringan komunikasi dan teknologi yang serba canggih. Justeru, bidang pendidikan memikul tanggungjawab kritikal dalam menyediakan generasi yang berpotensi, berilmu pengetahuan, berkemahiran teknologi terkini dan mampu bersaing sejajar dengan pelaksanaan transformasi pendidikan abad ke-21. Namun demikian, cabaran utama dalam merealisasikan hasrat tersebut di peringkat sekolah adalah bergantung pada kesediaan dan kesedaran pemimpin sekolah memacu anjakan paradigma dari segi pemikiran, orientasi dan tindakan warga organisasinya secara bersistematik. Oleh itu, kepentingan peranan kepimpinan di sekolah tidak dapat diketepikan memandangkan sekolah tidak akan menjadi cemerlang sekiranya penggerak atau pemimpinnya tidak berkeupayaan membangunkan diri dan warga organisasinya terutama dalam mengurus pelbagai perkembangan teknologi terkini berkaitan pengajaran pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Sehubungan dengan itu, tujuan utama makalah ini adalah membincangkan perubahan amalan terbaik yang berlaku berkaitan PAK21 dan peranan kepimpinan dalam mengurusnya menurut perspektif antarabangsa.

Tuntasnya, amalan PAK21 yang berlaku di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Britain, Singapura, Austria, British Colombia, Canada, Norway, Australia Selatan dan Sepanyol telah dianalisis dan dibincangkan dalam lima subtopik berikut:-

### 1.1 Perubahan Perolehan Ilmu di Sekolah

Pemimpin pendidikan dalam era transformasi teknologi ini perlu membuat anjakan minda berkaitan cara perolehan ilmu yang tidak terhad kepada buku teks dan ilmu yang disampaikan dalam bilik darjah sahaja. Di setengah-tengah negara yang dikaji, tumpuan terhadap PAK1 dalam pelaksanaan "teknologi teras persekolahan" telah diberikan tumpuan untuk menjayakan pelaksanaan transformasi pendidikan dalam organisasi sekolah. Tradisi sekolah telah ditransformasi kepada "sekolah abad ke-21" yang lebih berfungsi sebagai center for personalized education berdasarkan logik bahawa sistem pendidikan harus menyediakan apa yang hendak dipelajari oleh murid berbanding sistem tradisi sekolah di mana murid menyesuaikan diri dengan apa yang terdapat serta disajikan dalam sistem pendidikan. Dengan sedemikian, dalam penekanan terhadap membangun dan memperkasa keupayaan murid untuk memperoleh pengetahuan merentasi pelbagai disiplin, dan mengaplikasikannya dalam masalah dunia sebenar diberi fokus. Di samping itu, di sekolah abad ke-21, penekanan juga diberikan pada perolehan teknik pembelajaran meta-kognitif dan kemahiran berfikir aras tinggi merentasi kurikulum. Akhir sekali, usaha juga dilakukan untuk mewujudkan bilik darjah global yang berperanan untuk meningkatkan interconnectedness dan accessibility dengan bilik darjah dari seluruh dunia.

Seterusnya dalam negara yang dikaji, transformasi pendidikan dalam bentuk 'sekolah masa depan' (future school) juga dilakukan bagi menjayakan PAK21 seperti memperkenalkan school without wall, learning beyond schooling dan university for children. School without wall memberi peluang tanpa had kepada murid dengan mempromosi kepelbagaian merentasi bidang pendidikan secara konvergen seperti aliran sastera liberal dan sebagainya. Manakala learning beyond schooling pula merupakan PAK21 yang menggunakan kaedah pembelajaran eksperimental dalam situasi tidak formal seperti art galleries, docks, stations, airports, stately homes and gardens, superstores and urban trails. Malah dalam hal ini terdapat juga setengah negara yang mewajibkan murid memperoleh "other learning experiences", seperti projek komuniti sebagai syarat memperoleh sijil tamat persekolahan. Akhir sekali, university for children pula bertujuan untuk mempromosi mobiliti sosial dengan memberi pengalaman aktiviti pembelajaran yang berkualiti dan berinovatif di luar waktu sekolah dengan usaha jalinan komuniti pembelajaran dengan universiti.

Perubahan dalam konteks struktur bilik darjah juga sedang rancak dilakukan di negara yang dikaji bagi menjayakan kaedah penyampaian pendidikan-pintar (smart education) PAK21 seperti self-determined learning, peer-oriented learning, virtual-based learning dan experiential learning yang menggalakkan pembelajaran tanpa guru dan belajar tanpa bilik darjah. Malah konsep pendidikan pintar-pembelajaran sepanjang hayat juga mula diaplikasikan untuk dijadikan sebagai wadah pendidikan masa depan bagi murid di peringkat sekolah.

### 1.2 Perubahan dalam Kaedah Pengajaran Pembelajaran PAK21

Sejajar dengan perubahan teknologi dalam perolehan ilmu, maka pelbagai pendekatan pembelajaran yang baharu sesuai dengan PAK21 telah mula diperkenalkan dan melangkaui kaedah tersedia ada seperti inverted classroom, blended learning, flipped classroom dan peer instruction. Hal ini adalah kerana kaedah tersedia ada dalam menyampaikan ilmu didapati kurang relevan dan dilihat sebagai pendekatan "pemetaan keterbelakang". Justeru, kaedah PAK21 terkini seperti heutagogi, peeragogi dan siberagogi telah mula diperkenal dan diamalkan. Kaedah heutagogi adalah merujuk pada student-directed learning yang berfokus pada kebebasan pengalaman pembelajaran murid iaitu murid menggunakan pengalaman dan proses dalam sendiri seperti refleksi, environmental scanning dan interaksi dengan rakan secara maya dalam aktiviti pembelajaran yang relevan dan bermakna. Manakala kaedah peeragogi pula melibatkan interaksi dan bekerja secara pasukan dengan rakan secara maya dalam usaha menyempurnakan sesuatu tugas. Akhir sekali, kaedah siberagogi pula merupakan amalan PAK21 dalam alam maya yang menekankan pembelajaran menerusi teknologi canggih, pembelajaran kolaboratif dan berautonomi serta berpusatkan murid.

### 1.3 Perubahan Kurikulum, Pentaksiran dan Peranan Guru PAK21

Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, didapati kurikulum yang disajikan dalam PAK21 dinegara yang dikaji merangkumi elemen-elemen seperti kemahiran belajar dan inovasi (unsur 4Cs Critical Thinking, Communication, Collaboration dan Creativity merentasi kurikulum), pengetahuan konten dan tema-tema abad ke 21, kemahiran kerjaya dan kehidupan, dan kemahiran informasi, media dan teknologi. Dari segi pentaksiran pula pelbagai jenis pentaksiran diimplimentasikan seperti pentaksiran autentik, pentaksiran berasaskan prestasi, pentaksiran personal, pentaksiran kontemporari, pentaksiran berasaskan cabaran, dan pentaksiran berbentuk profiling.

Sementara itu, para guru pula didapati menguasai pelbagai pedagogi yang selari dengan konsep kelas abad ke-21 termasuklah pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran koperatif, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran berasaskan projek dan penyelesaian masalah. Malah peranan guru lebih mencabar apabila guru dilihat sebagai curator, teknologis, kolaborator, ahli dalam bidang tertentu, dan eksperimenter.

### 1.4 Transformatif Kepimpinan Instruksional PAK21

Transformatif kepimpinan instruksional merupakan satu proses pembangunan, agihan, perkongsian, dan penyediaan pemimpin pertengahan dan pelbagai peringkat diperingkat sekolah tentang amalan kepimpinan instruksional secara profesional, kreatif dan efektif bagi menjamin kelestarian pelaksanaan PAK21.

Pemeriksaan transformatif kepimpinan instruksional di pelbagai peringkat disekolah pula bergantung pada kejayaan mengamalkan PAK21 secara berkesan, berinovatif dan kelestarian persekitaran PAK21. Transformatif kepimpinan instruksional diperingkat sekolah diupayakan kepada barisan pengurusan pertengahan dan akhirnya kepada guru melalui amalan komuniti pembelajaran profesional secara kreatif dan efektif bagi memudahkan inovasi PAK21 dilaksanakan. Amalan komuniti pembelajaran profesional melalui pengupayaan transformatif kepimpinan instruksional pula tertumpu pada lima prinsip berikut :-

- membina kapasiti guru untuk pemikiran kreatif dan reflektif
- meningkatkan pemikiran kritis dan kesedaran tentang falsafah dan pedagogi terkini guru
- menekankan aspek kognitif serta emosi pengajaran PAK21
- membangunkan pemahaman peribadi tentang implikasi pengajaran yang dianggap sebagai profesional, bermoral dan beretika
- melatih kapasiti guru untuk bekerja secara berpasukan, menjana empati dan interpersonal guru

Malah didapati dalam negara yang dikaji, sistem tadbir urus dan akauntabiliti sekolah adalah sejajar dengan hasrat untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan inovatif agar pemeraksanaan transformatif kepimpinan instruksional berlaku dalam pelbagai arah dan aras diperingkat sekolah.

Sehubungan dengan itu, amalan transformatif kepimpinan instruksional PAK21 diperingkat sekolah didapati berjaya membuat anjakan minda daripada berfokus masalah kepada berfokus penyelesaian masalah; daripada memberi nasihat kepada menimbulkan kesedaran; daripada mengkritik kepada menghargai; daripada menyediakan penyelesaian kepada meneroka kemungkinan; dan daripada mengurus kepada mengupaya. Selain itu, transformatif kepimpinan instruksional yang berkesan juga mempamirkan suri teladan yang baik dan bermoral tinggi dengan mengamalkan perkara-perkara yang diketahui, dilihat dan diterima sebagai baik.

## 2. Kesimpulan

Berdasarkan pada huraian di atas dapat disimpulkan bahawa kejayaan pelaksanaan amalan PAK21 di sekolah negara yang dikaji banyak bergantung pada faktor transformatif kepimpinan instruksional peringkat sekolah yang memastikan teras utama kerja adalah menyediakan persekitaran dan budaya PAK21 dalam apa jua situasi. Justeru, merancang dan membangunkan persekitaran pembelajaran PAK21 yang inovatif untuk memenuhi cita-cita sedemikian memerlukan repertoir pengajaran yang sangat kreatif dan inovatif serta lestari. Akhir sekali didapati negara-negara yang dikaji telah pun mengintegrasikan PAK21 dengan tuntutan revolusi industri 4.0 sejak sedekad yang lalu berbanding Malaysia.

**SUB TEMA: PERANAN PEMIMPIN DALAM MENYEDIAKAN  
PENDIDIKAN ABAD KE-21 TAJUK KERTAS KERJA: GAYA KEPIMPINAN  
GURU BESAR DALAM MENJAYAKAN PENYEDIAAN PENDIDIKAN  
ABAD KE-21**

**Theresa Ayyakkannu**  
**Sek. Jenis Keb. Tamil Ladang Edinburgh, Kuala Lumpur**  
**theresaalucas@yahoo.com**

**ABSTRAK**

*Dalam era digital yang berkembang pesat dengan ledakan teknologi maklumat, pemimpin sekolah digesa untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik mahupun kokurikulum seiring dengan transformasi pendidikan yang mendadak sehingga memberi tekanan dan bebanan kepada para guru lantaran untuk menghasilkan prestasi sekolah yang gemilang. Justeru itu, kepimpinan instruksional Guru Besar perlu diimplementasikan agar dapat mencapai aspirasi negara. Dalam kerancangan Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan transformasi, perkara penting yang perlu diberi perhatian ialah sejauh mana kesedaran pemimpin sekolah dalam menyediakan pendidikan abad ke-21 agar transformasi pendidikan negara dapat dicapai dengan jayanya. Gaya kepimpinan Guru Besar juga sedikit sebanyak mempengaruhi kejayaan penyediaan pendidikan abad ke-21. Tumpuan utama kertas kerja ini adalah untuk melihat sejauh mana kesedaran dan pengetahuan pemimpin sekolah sebagai agen perubahan dalam menyediakan pendidikan abad ke-21. Kerangka kertas kerja adalah berasaskan gaya kepimpinan instruksional Model Hallinger dan Murphy (1985).*

**Kata Kunci:** *Kepimpinan, Instruksional, Pemimpin, Pendidikan Abad Ke-21*

## PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia telah berusaha mewujudkan kemahiran abad ke-21 di semua sekolah. Menurut Azalya (2003), bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh dan mempunyai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan dalam berkomunikasi, menguasai pelbagai bahasa, berfikir kritis dan berinovatif. Penekanan dalam menguasai kemahiran abad ke-21 dalam proses pembelajaran dan pemudah cara (PdPc) haruslah bermula dengan menerapkan konstruk kemahiran abad ke-21 dalam proses PdPc. Hal ini kerana, kemahiran abad ke-21 amat berguna dalam dunia globalisasi pada hari ini. Model enGauge 21st Century Skills (2003) oleh NCREL dan Materi Group dengan sedikit pengubahsuaian agar selari dengan matlamat kurikulum di sekolah sebagai kayu ukur utama untuk meninjau sikap, motivasi, pencapaian dan kemahiran abad ke-21 murid dalam PdPc.

Objektif dan fokus utama kertas kerja ini adalah untuk menerangkan dengan lebih terperinci tentang amalan-amalan terbaik yang telah dan sedang dijalankan di sekolah untuk meningkatkan kualiti dan mutu PdPc. Selain itu, kolokium ini juga menjadi satu platform yang penting untuk berkongsi amalan-amalan terbaik bagi memberi idea ke arah menyumbang kemenjadian murid dari semua peringkat terutamanya peringkat antarabangsa. Maka, amalan-amalan terbaik yang sedang dijalankan di SJKT Ladang Edinburgh adalah menjurus kepada kemenjadian murid dan peningkatan kecemerlangan dalam semua bidang seperti kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum. Penekanan diberikan kepada penggunaan ICT secara optimum yang selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan pembestaraan sekolah melalui penggunaan aplikasi Frog VLE.

## LATAR BELAKANG

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Edinburgh ditubuhkan sekitar tahun 1950-an. Pada awalnya bangunan sekolah diperbuat daripada kayu papan yang sesuai dengan kehendak keadaan kawasan pada masa itu. Banyak perubahan telah berlaku sehingga kini mengikut arus pembangunan dan kemodenan semasa. Antara perubahan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menjurus kepada pengenalan sekolah-sekolah rintis Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Sekolah kami telah dipilih sebagai salah satu sekolah rintis PAK21 pada masa itu.

Pada awal tahun 2016, sekolah diiktiraf sebagai sekolah PAK21 di peringkat Wilayah Sentul. Sejurus dengan itu, kami menerima kunjungan daripada sekolah-sekolah di sekitar kawasan. Kami menjadi pusat penyebaran maklumat tentang ciri-ciri sekolah PAK21.

Sekolah ini mula mendapat pengiktirafan dalam penggunaan aplikasi Frog VLE pada penghujung tahun kami mencapai KPI yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Impaknya pada tahun 2017, sekolah mendapat penganugerahan melalui pelancaran Frog VLE Classroom yang telah disempurnakan oleh Datuk P. Kamalanathan, Timbalan Menteri Pendidikan pada ketika itu. Selepas itu, sekolah juga mula menerima banyak kunjungan daripada sekolah-sekolah lain untuk mempelajari cara meningkatkan penggunaan Frog VLE melalui penggunaan PdPc secara dalam talian.

Dengan adanya bilik Frog VLE murid-murid mula aktif mengambil bahagian dalam pertandingan peringkat antarabangsa, malah dalam pengurusan sekolah juga kami turut membuat beberapa perubahan. Antaranya ialah penukaran penulisan RPH kepada e-Rph, e-Kehadiran, e-Laporan dan sebagainya. Pada awalnya kami menghadapi kekangan seperti kurangnya kemahiran dan kompetensi dalam penggunaan teknologi dalam kalangan guru. Namun atas kerjasama dari semua pihak kami berjaya melakukan perubahan. Atas usaha sama dari semua pihak, sekolah kami berjaya meraih tempat pertama bagi kategori Sekolah Bestari Cemerlang di peringkat WPKL pada bulan Oktober tahun yang sama.

Pada tahun 2018, sekolah telah mendapat mandat sebagai Sekolah Transformasi TS25. Justeru itu, perubahan terus dilakukan untuk meningkatkan mutu kualiti sejajar dengan keperluan Sekolah Transformasi. Antaranya, kami mula menggalakkan ramai murid untuk menyertai pertandingan inovasi peringkat antarabangsa, murid-murid diberikan tanggungjawab untuk mengendalikan penggunaan smartboard dan meningkatkan penyertaan kuiz-kuiz anjuran luar negara. Pada bulan September, sekolah diberi pengiktirafan sebagai Sekolah Showcase peringkat wilayah Sentul. Ini merupakan satu kebanggaan kepada semua warga sekolah melalui kunjungan daripada guru-guru Advocates Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Terengganu dan Melaka.

## AMALAN TERBAIK

Peranan sistem pendidikan sangat penting dalam pembangunan negara. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang merupakan salah satu aset yang membangunkan generasi alaf baru seiring dengan perkembangan dunia yang semakin pesat. Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan (Center for Academic Excellence) di rantau Asia dan juga di peringkat antarabangsa pada abad ke-21 ini memerlukan pelbagai usaha-usaha yang strategik telah diambil untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke tahap kualiti yang tinggi agar dapat memperoleh status World Class Education.

Sistem pendidikan abad ke-21 hanya dapat dicapai dengan menunjukkan perkembangan kemajuan pesat serta dinamis khususnya dari segi kualiti dan kuantiti standard kecemerlangan dan kredibiliti yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa atau dunia. Maka, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa merangka, merancang dan melakukan penambahbaikan dalam sistem pendidikan di Malaysia. Antaranya ialah memperkenalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006 - 2010) dan yang terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Kedua-dua pelan pembangunan ini dirancang sebagai penyediaan untuk bersaing dengan negara termaju dunia di samping menyediakan pendidikan berkualiti yang mampu menghasilkan pelajar bertaraf dunia dan mempunyai kemahiran-kemahiran kritikal abad ke-21. Justeru, KPM juga akan menyemak semula kurikulum pendidikan untuk menerap dan membangunkan kemahiran abad ke-21 seperti berfikir kritis dan kreatif, serta menggalakkan perkembangan sahsiah murid yang holistik dan seimbang seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Oleh yang demikian, guru besar sebagai pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting dalam menjayakan segala usaha murni Kementerian Pendidikan Malaysia. Kepimpinan pendidikan masa kini tidak lagi berkaitan individu pemimpin itu sendiri tetapi telah mula diaplikasikan dalam bentuk yang lebih kolektif. Kepimpinan sebagai tingkah laku yang diagihkan secara kolektif dan keterlibatan semua anggota dalam sebuah organisasi diutamakan. Begitu juga dengan arus perubahan yang berlaku dalam pendidikan mengundang kepada keperluan menyediakan pendidikan yang berkualiti dan cemerlang kepada murid-murid di sekolah

Sehubungan dengan itu, sekolah kami mula mengubah dari pendidikan tradisional kepada yang pendidikan bercirikan abad ke-21. Sebagai pemimpin saya telah mula melakukan beberapa perubahan dari tahun 2016. Sebagai pendorongnya kami diberikan peluang menjadi Sekolah Rintis Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK 21). Sebagai langkah permulaan saya mula membuat perubahan dalam penulisan rancangan pengajaran harian. Saya berpendapat bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan kurikulum dan mendidik sahsiah diri pelajar. Maka mereka perlulah meningkatkan kemahiran dan menerima perubahan. Sistem fail RPH yang bercirikan PAK21 diperkenalkan. Para guru diberikan penerangan dan bimbingan yang sewajarnya sebelum pelaksanaannya. Pada awalnya saya menghadapi beberapa kesulitan. Antaranya ialah masalah untuk mencetak RPH setiap orang guru. Tetapi setiap kesulitan dapat diatasi dengan adanya kerjasama daripada guru yang dapat menerima corak perubahan yang memberi impak positif.

Kemudian saya memberi fokus dalam penyusunan bilik darjah yang kondusif untuk pelaksanaan PAK 21. Pembelajaran berpusatkan murid dan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dapat dilaksanakan dengan lancarnya dengan adanya bilik darjah bersesuaian dengan ciri-ciri PAK 21. Guru kelas diberikan tanggungjawab untuk memastikan di dalam kelas mempunyai semua sudut dan bahan untuk melaksanakan PAK 21. Saya membimbing mereka dengan memberikan panduan dan contoh daripada hasil lawatan ke SJK(T) Kangkar Pulai dan SJK(T) Spring Hill. Saya menyediakan senarai semak untuk memastikan segala ciri PAK 21 ada di setiap kelas. Saya berasa syukur apabila mendapat sokongan dari kalangan ibubapa di mana mereka mula memberi bantuan untuk menyediakan bilik darjah dari segi kewangan atau tenaga kerja. Perubahan ini juga turut mendapat pengiktirafan dan kunjungan daripada pelbagai pihak setelah disiarkan dalam surat khabar harian.

Saya juga tidak lupa akan ilmu yang ditimba semasa Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) di Institut Aminuddin Baki (IAB). Saya mula mengaplikasikan lesson watch dan lesson walk di kalangan guru saya. Bagi meningkatkan mutu pengajaran guru, saya mula menggunakan lesson walk sebagai instrumen. Saya membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi tujuan memberikan bimbingan. Dengan cara ini saya dapat melihat lebih dekat lagi apa yang berlaku di dalam bilik darjah. Malah saya juga berpeluang memperbaiki kelemahan PdPc dan memperkukuhkan amalan yang baik oleh guru. Di samping itu saya juga dapat melihat sendiri hasil pembelajaran yang telah di didapati oleh guru. Setelah berlakunya lesson walk saya akan memberikan maklumbalas kepada guru tentang status quo pengajaran guru.

Selain itu, saya juga telah memperkenalkan instrumen lesson watch kepada guru-guru. Para guru akan ke kelas rakan mereka untuk melihat sendiri strategi yang digunakan oleh mereka. Pada awalnya lesson watch kurang mendapat sambutan. Bagi mengatasi keadaan ini, saya mencadangkan beberapa aktiviti yang menarik yang boleh diamalkan oleh rakan mereka. Setelah itu, saya mendapati ada dalam kalangan guru memanggil rakan untuk menyelia aktiviti PdPc bagi mendapatkan maklum balas.

Pengenalan Dual Language Program (DLP) menjadi cabaran baru bagi saya. Demi meningkatkan tahap pengajaran dan pembelajaran saya memperkenalkan Profesional Learning Communities (PLC) bagi guru-guru matapelajaran Matematik dan Sains. Saya menyelitkan waktu perbincangan ini dalam jadual waktu guru-guru terlibat supaya ia tidak membebankan mereka.

Pada awal tahun 2017, SJK(T) Ladang Edinburgh menjadi sekolah contoh PAK 21. Oleh itu, kami mula menerima kunjungan dari sekolah-sekolah di sekitar kawasan. Perkara ini memberi laluan kepada perkongsian ilmu di mana saya mula mendapat idea yang menjana ke arah pembangunan positif dalam kalangan warga sekolah. Oleh itu saya mula menumpukan perhatian kepada pembelajaran dalam talian. Saya mula memotivasikan para guru saya untuk menggunakan Frog VLE sebagai platform untuk mengadakan proses pengajaran dan pembelajaran. Para guru diberikan panduan penggunaan Frog VLE melalui perkongsian ilmu (PLC) pada setiap minggu. Seterusnya mereka bersetuju untuk melaksanakan PdPc dalam maya sekurang-kurangnya dua kali sebulan.

Tetapi para guru mula melihat hasil pembelajaran yang memberangsangkan melalui platform Frog VLE daripada murid walaupun semasa mereka berada di rumah. Hal ini memotivasikan guru-guru saya untuk memberikan aktiviti-aktiviti pengayaan dan pemulihan kepada murid melalui assignment di Frog VLE. Perubahan kaedah pembelajaran ini meningkatkan bilangan login Frog VLE yang sekaligus menjurus kepada pencapaian KPI yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan BTPN Kuala Lumpur. Pencapaian KPI yang konsisten setiap bulan dalam login Frog VLE telah memberi peluang untuk pelancaran sebuah bilik Frog VLE oleh YTL Foundation pada 16 Mac 2017.

Saya dan seluruh warga SJK(T) Ladang Edinburgh amat berbangga apabila mendapat tahu kami merupakan Sekolah Tamil yang pertama mendapat Bilik Frog VLE. Ini menjadikan guru-guru lebih bermotivasi untuk menerima perubahan yang dapat menyumbang ke arah kecemerlangan sekolah. Malahan saya terus mendapat sokongan dan kepercayaan dari ibu bapa. Untuk meningkatkan lagi penggunaan pembelajaran maya, saya memberanikan diri untuk melaksanakan e-Kehadiran dan e-Laporan untuk aktiviti kokurikulum. Guru-guru mula mahir dan tidak menunjukkan sebarang bantahan malah memberikan sokongan padu kepada segala langkah yang diambil untuk pembestarian sekolah ke arah PAK 21.

Seterusnya saya mengintegrasikan semua laman sesawang kementerian dalam Frog VLE bagi memudahkan guru mengaksesnya. Langkah berikutnya memberi fokus kepada ibubapa dalam meningkatkan penggunaan Frog VLE, dengan menggunakan platform ini sebagai medium penyampaian maklumat sekolah kepada mereka. Dengan bantuan guru penyelarar, segala surat rasmi makluman dimuatnaik dalam Frog VLE. Selain itu, aktiviti sekolah juga turut diselitkan dalam Dashboard sekolah selaras dengan matlamat sekolah ke arah menjadi sekolah bestari.

Kemahiran abad ke-21 pada kebiasaannya digunakan dalam menghuraikan pelbagai kebolehan yang diperlukan untuk berjaya di zaman global. Justeru itu, proses pembelajaran dalam bilik darjah perlu merangkumi literasi teknologi, pembelajaran kolaboratif, penggunaan pendekatan pembelajaran berasaskan projek serta aplikasi pemikiran aras tinggi, termasuk pemikiran kritis untuk mengintegrasikan dan menilai maklumat dalam menyelesaikan masalah.

## IMPAK

### i. Sekolah

Antara impak positif yang dapat dilihat adalah kecemerlangan sekolah iaitu pengiktirafan mendapat tempat pertama dalam Anugerah Sekolah Bestari Cemerlang di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Pembangunan sekolah turut dilihat dengan kunjungan sekolah-sekolah lain sebagai penandaarasan penggunaan aplikasi Frog VLE. Pada bulan Oktober, sekolah menerima kunjungan daripada Teachers Advocates BTPN Negeri Terengganu dan BTPN Negeri Melaka. Hasil perkongsiaan pembestarian sekolah ini dapat mengekalkan hubungan yang erat dengan BTPN dari negeri lain di mana secara tidak langsung dapat mempelajari amalan terbaik di negeri masing-masing. Perkongsiaan ilmiah ebegini memberi impak yang positif terhadap pencapaian sekolah dengan hasrat menjadi pusat pembestarian sekolah di daerah Wilayah Sentul.

### ii. Guru

Impak positif dilihat apabila tiga (3) orang guru dipilih menjadi Guru 'Advocate' di daerah Sentul oleh wakil Frog Asia dan mendapat bimbingan menghadiri Master Training program di bawa kepimpinan Frog Asia. Guru-guru Advocate akan diberikan mandat untuk mengadakan sesi latihan kepada Guru Penyelarar Frog VLE. Penyelarar Frog VLE mendapat peluang untuk memberi in house training kepada beberapa sekolah di Wilayah Sentul dan ini telah meningkatkan lagi kecemerlangan penyelarar Frog VLE. Selain daripada itu, guru-guru yang melibatkan murid dalam pertandingan antarabangsa mendapat pengiktirafan daripada agensi-agensi tertentu atas kesungguhan mereka menunjukkan komitmen yang tinggi.

### iii. Kemenjadian Murid

Definisi kemenjadian ialah perihai (proses) menjadikan, menciptakan dan mewujudkan sesuatu yang baru (kamus Dewan, 1984). Menjadi pula bermaksud untuk dikenali, dianggap atau diiktiraf terhadap sesuatu yang sebenar-benarnya telah berlaku. Kemenjadian murid yang dimaksudkan dalam perkongsiaan amalan terbaik ialah perkara yang sebenar-benarnya telah berlaku terhadap murid dalam aspek kurikulum, kokurikulum dan sahsiah. Murid ialah harta negara yang perlu dibimbing dan dikembangkan. Tidak ada harta negara yang lebih berharga daripada murid jika mereka dididik dan diasuh mengikut hasrat negara (Kamarudin Hj Kachar, 1981). Justeru itu, kemenjadian murid adalah satu aspek yang penting dalam menentukan kejayaan sesebuah sekolah. Murid diberi pengiktirafan dengan mendapat Anugerah Pemenang Frog Play terbaik di Malaysia. Selain itu, peratus peningkatan murid dalam semua mata pelajaran dapat dilihat apabila penggunaan teknologi sebagai salah satu medium sokongan untuk memberi latihan tambahan berkaitan topik yang telah dipelajari di dalam kelas meningkat. Maka, murid diberi peluang untuk pembelajaran sendiri walau selepas tamat waktu persekolahan dengan wujudnya penggunaan aplikasi Frog VLE.

Selain itu, kemenjadian murid turut dilihat dengan pengaplikasian ciri-ciri PAK 21 di mana murid menjadi agen utama dalam membuat sebarang pembentangan berkaitan sekolah tanpa mengharapkan guru semata-mata. Tugas guru di sekolah lebih ditumpukan untuk menyediakan proses pembelajaran yang efektif selaras dengan matlamat utama PAK 21. Seterusnya, murid-murid di sekolah telah mengambil bahagian dalam banyak pertandingan di peringkat antarabangsa dan berjaya mengharumkan nama sekolah di persada global. Melalui penglibatan antarabangsa, murid menjadi lebih berkompentasi dan berkeyakinan tinggi dalam membuat sebarang jenis pembentangan di khalayak ramai. Sebagai contoh, penglibatan seramai 6 orang murid Tahun 3 dalam Pertandingan Inovasi ITEX 2018 peringkat antarabangsa yang berlangsung selama 3 hari di KLCC telah membuka ruang untuk menjadi pembentang yang berpotensi dengan menunjukkan keyakinan diri yang tinggi dalam menjawab sebarang jenis soalan yang diajukan oleh orang ramai yang hadir di pameran pada masa itu. Penyertaan dalam pertandingan Matematik seperti Koobits, Amoc, Simoc dan Doka membantu dalam meningkatkan penguasaan murid dalam mata pelajaran Matematik di mana pendedahan tentang konsep-konsep yang digunakan untuk teknik pengiraan diberikan seawal usia 6 tahun lagi.

## CADANGAN

Perkongsiaan amalan terbaik ini adalah untuk melihat gaya kepimpinan guru besar dalam penyediaan pendidikan abad ke-21 berlandaskan Model Kepimpinan Instruksional Hallinger dan Murphy (1985). Dua aspek iaitu pengetahuan dan kefahaman guru besar dalam penyediaan pendidikan abad ke-21 dikaji berdasarkan gaya kepimpinan instruksional mereka dalam menjayakan penyediaan pendidikan abad ke-21.

Melalui perkongsian ini, tiada maklum balas yang dijalankan untuk mendapatkan pandangan tentang rekabentuk sekolah dan bilik darjah untuk menjayakan pendidikan abad ke-21. Dari aspek latihan dan perkembangan profesional guru, perkongsiaan ini tidak memberikan sebarang jenis maklum balas seperti jenis latihan yang diperlukan oleh guru-guru sebagai persediaan mereka menghadapi pendidikan abad ke-21. Sepatutnya latihan yang diperlukan oleh guru termasuklah latihan mengendalikan perkakasan dan peralatan berteknologi, di samping meningkatkan kecekapan menggunakan perisian-perisian dibekalkan kepada semua sekolah.

Secara realitinya, Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) melalui agensi-agensi swasta yang dilantik dan tenaga bantuan daripada pegawai teknologi KPM telah dan sedang giat melatih guru-guru untuk menggunakan peralatan ICT yang dapat dioptimumkan penggunaannya dalam pendidikan abad ke-21 kelak. Bermula dengan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik (PPSMI) pada tahun 2003 sehinggalah yang terbaharu iaitu aplikasi Persekitaran Pembelajaran Maya (Virtual Learning Environment, VLE). Pengenalan semua aplikasi ini adalah sebagai permulaan kepada penyediaan pendidikan abad ke-21 berteraskan penggunaan sumber dan ICT.

Selain itu, tiada maklum balas yang dikumpul tentang bagaimana penyelarasan kurikulum di sekolah dapat mempengaruhi pendekatan pengajaran guru ke arah pendidikan abad ke-21. Antara pendekatan pedagogi guru yang boleh diintegrasikan dengan sistem pembelajaran abad ke-21 termasuklah belajar cara belajar, kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran, aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan ICT, pengajaran berasaskan kajian masa depan, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran akses sendiri dan pembelajaran masteri. Tambahan pula dengan pengenalan kepada program i-Think yang kini telah disebar luas kepada guru-guru dan sekolah-sekolah seluruh Malaysia.

Oleh itu, diharapkan agar perkongsian amalan-amalan terbaik ini dapat diperkembangkan lagi melalui kajian dan perlulah diberikan fokus bagaimana pemimpin sekolah mengaplikasikan gaya kepimpinan instruksional mereka bagi menyediakan pendidikan abad ke-21 dengan lebih menyeluruh.

## PENUTUP

Kesimpulannya, setiap anggota sekolah memainkan peranan yang penting terhadap kemenjadian murid. Semua pihak harus bekerjasama dalam usaha meningkatkan kemenjadian murid. Tanpa kerjasama dari semua pihak terutama warga sekolah itu sendiri, kemenjadian murid tidak dapat dicapai. Seterusnya hasrat kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025 yang memberi penekanan terhadap aspek kemenjadian murid melalui dimensi Aspirasi Murid dengan menyasarkan usaha untuk memantap dan memperkasakan kemenjadian murid seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan tidak akan tercapai.

Oleh itu, semua pihak perlu segera bertindak memainkan peranan masing-masing dengan harapan hasrat kerajaan terlaksana. Menjadi tanggungjawab warga sekolah untuk berusaha memantapkan kemenjadian murid berdasarkan matlamat sekolah masing-masing. Kerjasama antara semua pihak amat penting untuk mencapai kemenjadian murid yang diharapkan. Penambahbaikan program perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk meningkatkan kemenjadian murid. Program-program yang berjaya membentuk kemenjadian murid di sekolah kami diharap dapat menjadi inspirasi dan panduan kepada sekolah-sekolah lain tidak kira sekolah kerajaan atau swasta. Harapan kerajaan agar rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang sewajarnya melalui pendidikan di sekolah akan tercapai sekiranya sesebuah sekolah dapat melahirkan pelajar yang menjadi dari semua aspek iaitu akademik, ko-kurikulum dan sahsiah.

## RUJUKAN

Azalya, A.(2003). Kepentingan Kemahiran Generik Di Kalangan Pekerja Di Industri Elektrik dan Elektronik Di Bayan Lepas. Pulau Pinang. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (1984). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). Assessing the Instructional Management Behavior of Principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217–247.

Kamarudin Hj Kachar. (1981). Pembangunan dan Pengurusan: Modal Insan Negara. Kuala Lumpur: Fakulti Ekonomi dan Perniagaan,UKM.

## PEMUAFAKATAN STRATEGIK KEPIMPINAN SEKOLAH DAN KOMUNITI KE ARAH PENGUKUHAN PAK 21

Hasbullah Bin Hassan  
SK Desa Tun Hussein Onn, WPKL  
hasbullah1366@gmail.com

### ABSTRAK

*Kurikulum persekolahan kebangsaan mendukung hasrat murni negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan akan datang. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 menggariskan bahawa tujuan pendidikan adalah untuk membolehkan masyarakat Malaysia menguasai ilmu, kemahiran dan nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi serta bersifat global, kesan daripada perkembangan pesat sains dan teknologi maklumat. Penguasaan kemahiran membaca Al Quran dalam kalangan murid seawal Tahap Satu di sekolah ini masih rendah. Peratus bilangan murid yang tidak menguasai Iqra' 1 hingga 3 masih tinggi pada awal tahun 2018. Justeru itu program "Mumtaz Iqra" dilaksanakan bagi memastikan semua murid Islam sudah menguasai bacaan Al-Quran apabila mereka berada di tahun 3 pada Tahun 2020. Program ini berkonsepkan permuafakatan strategik di antara sekolah dan komuniti dan diuruskan oleh guru-guru agama sekolah ini dengan bantuan rakan-rakan strategik daripada komuniti sekolah agama berdekatan, Badan Kebajikan Isteri-isteri Angkatan Tentera (BAKAT), Kor Agama Angkatan Tentera dan ibu bapa pelajar itu sendiri. Pengumpulan data dan peratus pencapaian murid diperolehi melalui strategi penggunaan kad Iqra', ganjaran badge, carta peningkatan bacaan Iqra' dan anugerah bulanan yang disampaikan sebagai ganjaran kepada murid. Setelah 9 bulan program ini dilaksanakan, dapatan menunjukkan terdapat peningkatan pencapaian penguasaan bacaan Iqra'. Komuniti telah memberikan kerjasama dengan pihak sekolah manakala guru-guru telah menunjukkan minat yang mendalam tentang amalan kajian serta memahami konsep pembelajaran abad ke 21.*

**Kata kunci:** komuniti, pengukuhan PAK 21 dan Mumtaz Iqra'

## PENGENALAN

Pengurusan merupakan satu perkara yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. Dalam pengurusan dan pentadbiran pendidikan, pengorganisasian perlu dilaksanakan dengan teratur dan bijaksana bagi membentuk dan menguruskan jawatankuasa dan pelaksanaan perancangan serta mengurus tadbir sumber-sumber pendidikan dan pembangunan sumber manusia untuk digunakan semaksimum yang mungkin untuk mencapai sasaran, visi dan misi sekolah. Untuk merealisasikan visi dan misi ini, seluruh warga sekolah perlu bekerja keras untuk memastikan kejayaan transformasi pendidikan sepanjang tempoh Gelombang 2 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Kepimpinan juga merupakan fungsi pengurusan yang semakin penting setelah pelan dibentuk, struktur perhubungan dalam organisasi diwujudkan dan pekerja yang berkebolehan direkrut. Kepimpinan bukan sahaja berlaku selepas proses perancangan dan pengorganisasian malahan kepimpinan merujuk kepada penggunaan pengaruh untuk memotivasikan guru-guru dan kakitangan ke arah pencapaian matlamat organisasi. Kepimpinan juga bertujuan mewujudkan budaya dan nilai yang dikongsi bersama, menyalurkan maklumat berkaitan matlamat kepada semua ahli organisasi melalui proses komunikasi dan pemupukan daya usaha ke arah prestasi yang tinggi. Kebolehan untuk membentuk budaya, menyalurkan maklumat dan memotivasikan warga pendidik dan staf adalah kritikal kepada kejayaan organisasi terutamanya dalam era ketidakpastian; kehendak dan keperluan masyarakat, persaingan antara organisasi dan kepelbagaian dalam sistem pendidikan.

Peranan guru sebagai seorang pengamal dalam pengajaran dan pembelajaran telah berubah. Guru digesa melibatkan diri dalam penilaian ke atas muridnya, penggubalan kurikulum serta penyelidikan untuk menyelesaikan masalah dalam bilik darjah. Kini konsep autonomi kurikulum berasaskan sekolah dan penilaian berasaskan sekolah sedang dikembangkan dalam reformasi pendidikan. Konsep guru sebagai penyelidik juga sedang dimajukan di sekolah ini untuk menggalakkan guru memberikan lebih perhatian dalam membuat keputusan pendidikan di sekolah. Guru dikehendaki memainkan peranan bukan sahaja sebagai pengguna kepada hasil penyelidikan tetapi juga sebagai pengeluar hasil penyelidikan untuk mengenali masalah profesional yang mereka hadapi. Guru harus lebih peka dan sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penyelidikan.

Justeru, seluruh warga sekolah perlu bersama-sama meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) seperti yang dihasratkan dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Sebagai warga pendidik generasi abad 21, kita hendaklah berperanan sebagai perancang, pengawal, pembimbing, pendorong dan penilai dalam memperkembang bukan hanya potensi sekolah tetapi yang lebih utama ialah pengkompromian pendidikan dalam membentuk potensi murid sebagai pelajar yang aktif secara holistik agar pencapaian murid sentiasa berterusan pada tahap optimum.

Demi merealisasikan hasrat ini, pemimpin sekolah perlu memainkan peranan sebagai pemimpin instruksional selain daripada mengurus dan mentadbir sekolah. Tugas utama seseorang pemimpin instruksional ialah memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PDP) di sekolah terjamin dan dipertingkatkan secara berterusan. Seorang pemimpin instruksional yang berkesan mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Menilai pengajaran guru dan memberi maklum balas yang jujur, tulus dan ikhlas kepada guru supaya keberkesanan PDP ditingkatkan.
- ii. Mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang PDP. Mereka tahu apa yang diperlukan untuk pembangunan profesional guru. Mereka juga tahu apa yang diperlukan oleh murid-murid untuk belajar dengan berkesan. Bidang pengetahuan pemimpin instruksional meliputi kurikulum yang dilaksanakan di sekolah, model PDP dan pendekatan penyeliaan dan penilaian yang berkesan.
- iii. Mempunyai kemahiran interpersonal yang baik. Mereka boleh memotivasikan anggota pasukan untuk berusaha ke arah yang dipimpinnya. Kemahiran interpersonal yang baik membolehkan pemimpin sekolah memujuk, memberi rangsangan dan mewujudkan semangat kerja sepasukan dalam semua lapisan sekolah.
- iv. Mempunyai visi dan matlamat yang jelas dan mampu berkongsi visi itu kepada pasukan yang dipimpinnya.

Dalam kertas kerja ini, penulisan akan memberi tumpuan kepada perbincangan berkaitan pemuafakatan strategik kepimpinan sekolah dan komuniti ke arah pengukuhan PAK 21 berfokuskan kepada perkara-perkara berikut:

- i. Peranan Guru Besar sebagai pemimpin instruksional bagi mewujudkan hubungan yang baik antara warga sekolah dengan komuniti setempat melalui konsep toleransi dan kompromi dalam pendidikan.
- ii. Konsep autonomi kurikulum berasaskan sekolah dan penilaian berasaskan sekolah sedang dikembangkan dalam reformasi pendidikan. Konsep guru sebagai penyelidik sebagai landasan dan mengukuhkan pengajaran PAK 21. Guru dikehendaki berperanan bukan sahaja sebagai pengguna kepada hasil penyelidikan tetapi juga sebagai pengeluar hasil penyelidikan untuk mengenali dan mengatasi masalah profesional yang mereka hadapi.
- iii. Pelaksanaan program Mumtaz Iqra' sebagai pemangkin ke arah pemuafakatan strategik sekolah dengan komuniti.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn (SKDTHO) telah ditubuhkan pada 1 Disember 1994. Sekolah ini terletak di dalam kawasan perumahan angkatan tentera Desa Tun Hussein Onn Kuala Lumpur dalam Parlimen Setiawangsa. Sebanyak 89 peratus daripada murid-murid di sekolah ini terdiri daripada anak-anak anggota pasukan tentera daripada tiga cabang iaitu tentera darat, tentera udara dan tentera laut yang bertugas di Kementerian Pertahanan atau unit-unit yang berhampiran. Lebih kurang 30 peratus daripada pelajar-pelajar sekolah ini terdiri daripada anak-anak pegawai dan selebihnya adalah anak-anak lain-lain pangkat. Terdapat dua buah sekolah yang berhampiran dengan SKDTHO iaitu Sekolah Kebangsaan Setiawangsa (Sekolah Berprestasi Tinggi) dan Sekolah Kebangsaan Kementah yang sememangnya menjadi pesaing serta benchmark kepada lanskap kecemerlangan SKDTHO. Pada awal penubuhannya sekolah ini beroperasi dengan menumpang di bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Tun Hussein Onn kerana bangunan sekolah ini masih belum siap sepenuhnya. Pada masa ini, SKDTHO telah banyak mengalami perubahan dari segi infrastruktur dan keceriaan melalui bantuan dan sumbangan.

Sekolah ini terdiri daripada tiga buah blok bangunan empat tingkat yang mengandungi 64 buah kelas yang menampung seramai 1845 orang murid yang melibatkan seramai 127 orang tenaga pengajar termasuk seorang guru besar dan empat orang guru penolong kanan dan di kategorikan sekolah gred A. Dalam bidang pentadbiran dan pengoperasian sekolah pula, sekolah ini dioperasikan oleh kakitangan bukan guru yang terdiri daripada seorang ketua kerani dan tiga orang kerani serta dua orang pembantu tadbir operasi.

Sejak penubuhannya, sekolah ini telah mencapai beberapa kejayaan, antaranya pada 2003 sekolah ini menjadi Johan peringkat negeri seterusnya mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke peringkat kebangsaan dalam pertandingan 3K (keselamatan, kebersihan dan keceriaan). Pada tahun 2004 sekolah ini telah mewakili Wilayah Persekutuan ke pertandingan Sekolah Harapan Negara. Kejayaan-kejayaan yang diraih oleh sekolah ini adalah hasil kemudahan infrastruktur yang ada di samping kemampuan dan kemenjadian pelajar yang dibina oleh tenaga pengajarnya. Kejayaan yang pernah diraih oleh sekolah ini pada permulaan penubuhannya telah menjadi penanda aras terhadap Guru Besar yang berjaya membina rangkaian kerjasama di antara guru-guru, ibu bapa dan komuniti setempat melalui pemuafakatan dan kerjasama strategik. Sepanjang tahun 2018 SKDTHO telah berjaya menjadi Johan kategori lelaki dan perempuan dalam kejohanan olahraga peringkat Zon wilayah Keramat seterusnya menjadi Johan keseluruhan kejohanan olahraga sekolah rendah Zon wilayah Keramat. SKDTHO menjadi Johan Pesta Pantun Sekolah Rendah Wilayah Persekutuan seterusnya mewakili Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke peringkat kebangsaan. SKDTHO menjadi Johan Pertandingan Bahas Ala Parlimen dan mewakili Wilayah Persekutuan peringkat kebangsaan. Dalam bidang permainan sekolah ini sedang merangka beberapa pasukan seperti bola sepak, ragbi dan hoki sebagai acara permainan utama sekolah dalam tempoh 2018 hingga 2020. Sukan dan permainan akan menjadi fokus utama SKDTHO dalam tempoh tiga tahun sehingga 2020.

## INOVASI AMALAN TERBAIK

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Program j-QAF adalah antara usaha memperkasa Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam. Program j-QAF ini merupakan idea Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, mantan Perdana Menteri Malaysia yang berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang boleh membaca dan khatam Al-Quran, menguasai kemahiran asas Bahasa Arab, mengamalkan asas-asas Fardu Ain serta boleh membaca dan menulis Jawi bermula di sekolah rendah (Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF KPM). Tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sesungguhnya program j-QAF yang dilaksanakan adalah sebahagian daripada pengisian membangunkan modal insan dalam melahirkan masyarakat Ulul Albab.

Isu pembelajaran sentiasa diberi perhatian dalam sistem pendidikan kebangsaan negara. Pada tahun 2005 program j-QAF telah dilaksanakan untuk memperkasa sistem pendidikan Islam termasuklah dalam kaedah pembelajaran Al-Quran. Kandungan kurikulum j-QAF mampu melahirkan murid yang dapat menguasai bacaan Al-Quran dengan cemerlang. Sejak pelaksanaan


program ini, Pencapaian bacaan Al-Quran murid-murid di SKDTHO masih rendah khususnya murid-murid Tahap 1. Terdapat juga segelintir murid yang keciciran dalam penguasaan Al-Quran setelah mereka tamat persekolahan Tahun 6. Justeru Program "Mumtaz Iqra" dilaksanakan selari dengan hasrat memastikan semua murid Islam sudah menguasai bacaan Al-Quran apabila mereka sudah berada di Tahun 3.

Jadual 1 menunjukkan bahawa melaksanakan saringan pertama yang lakukan kepada murid-murid Tahun 1 pada awal Januari mendapati bahawa seramai 208 orang murid tidak menguasai bacaan Iqra' 1, 306 orang murid tidak menguasai bacaan Iqra' 3.

Jadual 1: Bil Penguasaan Murid Bulan Januari 2018

|           | TAHUN 1 | TAHUN 2 | TAHUN 3 |
|-----------|---------|---------|---------|
| IQRA' 1   | 208     | 59      | 2       |
| IQRA' 2   | 61      | 61      | 26      |
| IQRA' 3   | 37      | 72      | 65      |
| JUM       | 306     | 192     | 93      |
| IQRA' 4   | 28      | 31      | 40      |
| IQRA' 5   | 15      | 33      | 35      |
| IQRA' 6   | 5       | 19      | 33      |
| JUM       | 48      | 83      | 108     |
| AL QURAN  | 4       | 36      | 83      |
| KHATAM    | 0       | 0       | 5       |
| JUM       | 4       | 36      | 88      |
| BIL MURID | 358     | 311     | 289     |

Rajah 1 dan Jadual 1 menunjukkan terdapat jurang yang besar antara penguasaan bacaan murid Tahun 1 dengan Tahun 3 yang tidak menguasai bacaan iqra'. Rajah 1 juga menunjukkan 58.1 peratus murid masih dalam kelompok mengenal huruf manakala 27 peratus masih mengenal suku kata. Seramai 591 orang murid murid Tahap 1 tidak menguasai bacaan Iqra' 3 manakala hanya 123 orang murid yang menguasai Iqra' 6 dan hanya 4 orang murid Tahun 1, 36 murid Tahun 2 dan 88 orang murid Tahun 3 yang boleh membaca Al Quran dengan baik.



Rajah 1: Bacaan Murid Bulan Januari 2018

Berdasarkan kepada data dan maklumat yang dikumpulkan, sesuatu tindakan dan usaha perlu dilakukan supaya pada akhir tahun 2018 murid-murid ini dapat membaca dan menguasai Al Quran setelah mereka berada pada Tahun 2 seperti mana hasrat Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Hasrat dan matlamat ini perlu disambut dan diusahakan dengan ikhlas serta menjadi amanah yang dijunjung. *“Sesungguhnya Kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi dan gunung ganang tetapi mereka enggan memikulnya dan berasa berat dengannya, sebaliknya ia dipikul oleh insan. Sesungguhnya mereka amat zalim lagi jahil”* (Al-Ahzab, 72).

Ayat di atas menunjukkan amanah adalah perkara yang penting dan besar maknanya dalam kehidupan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Tanpa amanah, kualiti akan digadaikan oleh manusia kerana kepentingan peribadi. Amanah atau jujur menentukan sama ada individu itu mempunyai kredibiliti atau tidak. Tanpa kredibiliti segala perkataan, janji, pendapat dan tindak tanduk itu tidak akan dihargai. Individu yang cemerlang adalah individu yang beramanah. Mengikut Imam Qatadah, “Amanah adalah Islam”, manakala Imam Alusi pula berkata, “Amanah adalah tanggungjawab yang berkaitan dengan hak-hak Tuhan dan hak-hak makhluk sama ada berbentuk perbuatan, perkataan atau kepercayaan”. (Danial Zainal Abidin, 2010). Justeru, amanah terhadap organisasi dan ibu bapa serta hak terhadap anak-anak murid perlu dilaksanakan oleh semua warga sekolah. Ianya tidak terhad kepada guru-guru bahkan ibu bapa dan semua komuniti yang berhampiran perlu menanggung tanggungjawab dan amanah terhadap hak anak-anak murid ini.

Hasil daripada saringan dan kutipan data Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3, didapati bahawa faktor dan sebab kegagalan murid menguasai bacaan Iqra' adalah kerana guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat ulang baca kepada murid-murid, menyebabkan ramai daripada murid yang tidak mengenal huruf (rujuk Rajah 1). Selain itu, peruntukan masa yang diberikan untuk membaca Al Quran di sekolah hanya tiga waktu seminggu dan murid-murid tidak membaca Iqra' semasa di rumah. Selain itu, terdapat jurang pendapatan yang tinggi di kalangan ibu bapa, lebih kurang 89 peratus ibu atau bapa murid di sekolah ini terdiri daripada tentera maka masa untuk bersama anak di rumah amat terhad.

Hasil dari dapatan ini, maka program Muntaz Iqra' telah dilaksanakan yang mensasarkan objektif dan matlamat seperti di bawah iaitu selepas pelaksanaan program ini:

- i. Murid-murid dapat membaca al-Quran dengan baik dan lancar.
- ii. Murid-murid yang sudah membaca al-Quran dapat menjadi mentor dan menjadi penggalak kepada rakan-rakan yang masih belum boleh membaca al-Quran.
- iii. Sifar Iqra' apabila berada di Tahun 3.
- iv. Membina ukhuwwah antara guru-guru di sekolah kebangsaan dan sekolah agama.
- v. Meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pentingnya penglibatan mereka untuk meningkatkan pencapaian anak mereka dalam bacaan iqra' al-Quran.

#### Pelaksanaan Program

##### i. Tarikh Pelaksanaan

Pelaksanaan bermula dari bulan Februari 2018 sehingga bulan November 2018 bagi murid Tahun Dua, manakala murid-murid tahun 1 sehingga bulan November 2019.

##### ii. Masa Pelaksanaan

Masa PdPc waktu bidang **Al-Quran dan Tasmik** bagi masa di Sekolah Kebangsaan, manakala di Sekolah Agama mengikut kesesuaian guru-guru yang terlibat.

#### Sasaran

Semua murid Islam Tahun 1 dan Tahun 2 yang masih membaca Iqra' dan Iqra' 1 hingga Iqra'3 bagi murid Tahun 3 sahaja.

#### Strategi Pelaksanaan

### i. Peranan Guru

Pelaksanaan program ini haruslah berteraskan kepada PAK 21 iaitu proses pembelajaran adalah berpusatkan kepada murid manakala guru berperanan sebagai pembimbing kepada murid. Guru-guru perlu didedahkan dan melaksanakan program ini dengan mengamalkan beberapa elemen yang diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.

### ii. Peranan Murid

Setiap murid akan dibekalkan dengan Kad Bacaan Iqra'. Kad tersebut digunakan oleh guru Pendidikan Islam yang mengajar di kelas masing-masing untuk merekodkan bacaan murid. Kad akan dipegang oleh murid untuk digunakan oleh guru agama SRA (Sekolah Rendah Agama) khususnya SRA Jaafar bin Abi Talib, SRA Muadz bin Jabbal dan lain-lain. Bagi murid-murid yang mengaji di rumah atau di tempat mengaji, menggunakan kad bacaan boleh diteruskan. Murid yang menunjukkan peningkatan ke bacaan Iqra' seterusnya akan diberikan ganjaran pemberian pemakaian "*badge*".

Pemberian *badge* diberikan kepada murid yang sudah melepasi ke Iqra' 3 dan juga peringkat seterusnya iaitu yang sudah boleh membaca Al-Quran. Setiap kelas akan ditetakkan carta peningkatan Iqra' bagi menunjukkan peningkatan dan pencapaian setiap murid. Ia dapat mewujudkan persaingan kepada setiap murid. Murid-murid yang sudah mencapai tahap membaca Al-Quran dan bacaannya baik dan lancar akan dilantik menjadi **Pembantu Rakan Cilik** bagi membantu rakan-rakan yang masih lemah. *Pembantu Rakan Cilik* juga akan dijadikan contoh kepada rakan-rakan yang lain.

### iii. Peranan ibu bapa dan komuniti

Program ini tidak akan mencapai matlamatnya tanpa sokongan ibu bapa dan komuniti setempat dan pihak yang berkepentingan di sekolah ini. Suatu permuafakatan strategik perlu diatur gerak supaya matlamat dan objektif program tercapai. Sehubungan dengan itu, beberapa perjumpaan telah diadakan oleh pihak sekolah dengan Guru besar dan pentadbir sekolah agama Al Jaafar bin Abi Talib, Sekolah Rendah Agama Muadz bin Jabbal dan Sekolah Rendah Agama Khalid Al Walid beserta dengan Wakil Panglima 12 Briged, Pengerusi BAKAT Tentera Darat dan KOR Agama MINDEF Maklum balas serta sokongan yang sangat positif telah diberikan oleh pihak-pihak berkaitan yang dijemput.

### IMPAK


Cabaran PAK 21 adalah untuk menyediakan pembelajaran yang menjurus ke arah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan mengurus bilik darjah atau ruang pembelajaran yang lebih dinamik. Namun cabaran utama adalah bagaimana guru-guru menggunakan pelbagai sumber sokongan teknologi dan maklumat bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkualiti serta relevan dengan perkembangan semasa. Untuk mendepani cabaran ini, guru secara berterusan perlu mengemaskini pengetahuan (kandungan kurikulum) dan kompetensi (pedagogi PdP) secara berterusan supaya kekal relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.

Mencapai hasrat ini bukannya sesuatu yang mudah bagi pengurus sekolah ini. Perancangan yang teliti serta strategi yang berfokus perlu diberi pertimbangan sewajarnya supaya isu sebenar yang bertapak dalam permasalahan sekolah serta penghalang kepada peningkatan prestasi sekolah dapat ditangani. *Model Reengineering the Corporation* atau perekaayaan semula digunakan oleh pihak sekolah untuk membuat suatu perubahan pesat atau radikal terhadap peningkatan prestasi (Zainal Abidin Mohamed. 1999). Peningkatan ini mestilah seiring dengan kualiti, kualiti hendaklah bermula dari dalam iaitu hati. Dalam sebuah hadis yang dilaporkan oleh Imam Muslim, Nabi Muhammad saw bersabda, "sesungguhnya Tuhan tidak melihat kepada rupa paras dan tubuh jasadmu tetapi Tuhan melihat kepada hati-hatimu" manakala Imam Muslim dan Imam Bukhari melaporkan sabda Nabi Muhammad saw yang bermaksud, "Sesungguhnya setiap amal bergantung kepada niat dan setiap orang mengikut apa yang diniatkannya. Sesiapa yang berhijrah kerana Tuhan dan rasulnya maka dia mendapat Tuhan dan rasulnya. Siapa yang berhijrah kerana dunia atau wanita yang dikehendaki dikahwininya, maka dia berhijrah mengikut apa yang diniatkannya" (Danial Zainal Abidin. 2010)


Justeru, berdasarkan kepada hadis di atas, tanggungjawab untuk melaksanakan program ini dipikul oleh pihak sekolah manakala usaha merealisasikan oleh Panitia Pendidikan Islam. Sesungguhnya program j-QAF yang dilaksanakan adalah sebahagian daripada pengisian membangunkan modal insan dalam melahirkan masyarakat Ulul Albab. Oleh itu, ia harus menjadi suatu dimensi baharu yang memerlukan pemerhatian dan kualiti perancangan serta strategi yang teratur dalam kalangan pengurus dan pemimpin sekolah berpaksikan kepada niat yang ikhlas dan murni. Hasil daripada pemerhatian dan analisis masa hadapan, saya menjangkakan sekiranya perancangan yang teliti dan strategi yang tepat "**SATU SASARAN MEMBINA KECEMERLANGAN**" dalam pengkompromian mengurus jadual pembelajaran, kesesuaian pengurusan masa kelancaran aktiviti menjurus pembelajaran kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) PAK 21 pelaksanaannya berterusan sepanjang tahun. Saya yakin kemenjadian murid berprestasi tinggi akan tercapai. Di samping itu, dengan sokongan sarana sekolah yang terhasil daripada permuafakatan strategik dengan ibu bapa, komuniti, agensi kerajaan serta NGO melalui NBOS dapat melonjakkan pencapaian sekolah berprestasi tinggi berlaku.

Pengurusan cemerlang bermula dengan kecemerlangan merancang dan ketepatan membuat keputusan mestilah menuju ke arah pencapaian matlamat organisasi. Wawasan yang baik memerlukan perancangan yang rapi untuk berjaya. Perancangan yang baik adalah yang mempunyai keterikatan dengan jangka masa yang ditetapkan atau *time frame* kerana ia melahirkan kesungguhan atau *sence of urgency* dalam kalangan setiap orang yang terlibat dan dapat memastikan supaya setiap individu tidak cuai dalam melaksanakannya. Perancangan yang baik perlulah berteraskan kepada berstrategi dalam perancangan. Perancangan yang berkesan dan berstrategi telah berjaya diwujudkan oleh pihak sekolah melalui *One Page Program Manager (OPPM)*. Dengan adanya OPPM ini setiap gerak kerja dibuat berdasarkan tarikh yang ditetapkan. Perancangan perlu mengambil kira kekuatan sumber manusia yang ada. Pengagihan tugas secara strategik adalah dituntut demi kecemerlangan. Berhubung dengan ini, dalam surah at-Taubah ayat 122 yang bermaksud, "*tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi daripada tiap-tiap golongan antara beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka kembali kepada mereka supaya mereka itu dapat menjaga diri*". Pengurus atau pemimpin sekolah yang gagal untuk merancang dengan baik akan mencatitkan matlamat yang hendak dicapai. Kadang kala kita gagal untuk merancang atau merancang untuk gagal sama seperti perancangan gersang tanpa usaha. (Sarinah Hanim Aman Shah. 2006)


Pihak sekolah perlu membuat analisis kerja supaya ia melalui suatu proses teratur untuk menentukan tugas-tugas yang terlibat dalam sesuatu kerja serta jenis kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melakukan kerja tersebut (Sarimah Hanim Aman Shah, 2006). Selain sumber tenaga guru, pihak sekolah juga telah menggunakan bantuan dan sokongan yang kuat daripada tenaga pengajar sekolah agama, komuniti dan ibu bapa untuk membuat penilaian dan pemantauan dengan menggunakan kad Bacaan Iqra' yang dibekalkan kepada setiap murid. Sebelum program ini dilaksanakan penilaian hanya dilakukan oleh pihak sekolah sahaja melalui Guru Pendidikan Islam, manakala data yang dikumpul dan dilaporkan kepada Bahagian Pendidikan Islam KPM secara *online* dianggap terlalu subjektif kerana tiada pemantauan dan perbincangan serta *post mortem* khusus yang dibuat oleh pihak pentadbir. Sepanjang program ini, penilaian pencapaian individu dinilai oleh pelbagai pihak seperti ibu bapa, guru agama (SRA) dan pihak yang terlibat menggunakan kad Bacaan Iqra'. Penilaian yang dibuat boleh dibuktikan keesahannya adalah tinggi. Pencapaian ini dapat dibuktikan dalam graf pencapaian murid tahun 1, 2 dan 3 seperti di Rajah 2, Rajah 3 dan Rajah 4. Ketiga-tiga graf ini jelas membuktikan bahawa peningkatan penguasaan murid dalam membaca Iqra' berlaku apabila semakin berkurang murid yang berada di kelompok Iqra'1 hingga Iqra'3 menyebabkan berlaku peningkatan penguasaan pada Iqra' 4, 5 dan 6 seterusnya kelompok yang boleh membaca Al Quran. Walaupun tempoh kajian dan pelaksanaan program ini hanya selama 9 bulan, peningkatan pencapaian murid ini dapat dibuktikan hasil daripada usaha guru, murid dan komuniti melaksanakan program ini.



Rajah 2: Bacaan Iqra' Tahun 1



Rajah 3: Bacaan Iqra' Tahun 2 Januari hingga September



Rajah 4: Bacaan Iqra' Tahun 3 Januari Hingga Sept 2018

Peningkatan ini juga hasil daripada strategi pembelajaran PAK 21 yang dilaksanakan dan di amalkan oleh guru dan murid-murid, di mana murid-murid bertanggungjawab terhadap pencapaian mereka sendiri. Kaedah pembelajaran berfokuskan murid berlaku apabila murid-murid mempunyai sasaran mereka sendiri dan memahami bahawa pembelajaran berlaku sepanjang masa; sama ada di rumah, sekolah ataupun di mana sahaja melalui penggunaan Kad Bacaan Iqra' yang dibekalkan. Murid juga boleh membandingkan pencapaian mereka melalui carta pencapaian dalam kelas yang dipamerkan. Di samping itu, penyampaian *badge* Mumtaz Iqra' dan Rakan Cilik Iqra' dilakukan setiap hujung bulan pada hari Jumaat dalam perhimpunan khas yang diadakan untuk memberi pengiktirafan (*Button Badge*) kepada murid yang melepasi suatu tahap Iqra' serta *Button Badge* kepada murid-murid yang menjadi rakan pembimbing kepada rakan yang lain.

Strategi dan penyerahan *Button Badge* dan Rakan Cilik Iqra' ini dilaksanakan menggunakan konsep *Peer Coaching* iaitu rakan cilik yang terpilih ini akan membantu rakan yang belum menguasai bacaannya. Bantuan ini dilakukan sepanjang sesi pertemuan yang diadakan sehinggalah murid tersebut dapat menguasai bacaan yang ditetapkan. Apa yang lebih menarik ialah murid-murid Tahap 1 ini akan diraikan oleh pihak sekolah dan ibu bapa dengan mengadakan majlis pengisytiharan dan penyampaian watiqah Al Quran kepada murid-murid yang telah melepasi Iqra' 6 pada hujung tahun. Ianya bertujuan untuk meningkatkan motivasi dalam kalangan murid-murid serta memberi pengiktirafan kepada usaha murid dan ibu bapa.

#### CADANGAN

Program j-Qaf merupakan program khusus KPM yang dilaksanakan bermula tahun 2005. Program ini perlu diurus dengan sistematik supaya matlamat pelaksanaannya dapat dicapai sepenuhnya di peringkat sekolah. Hasil daripada pelaksanaan program ini terdapat beberapa cadangan yang perlu dipertimbangkan iaitu:

- i. Persediaan sebelum mengajar adalah sangat penting dan perlu dilakukan dengan sempurna. Guru perlulah membuat persediaan yang rapi. Kaedah yang sesuai dan teknik yang menyeronokkan serta mampu menarik minat murid akan dapat melahirkan persepsi yang positif dalam kalangan pelajar.
- ii. Pemantauan dan penilaian hendaklah dilaksanakan secara tersusun serta dirancang secara berkala dan teratur supaya segala kelemahan dan masalah yang timbul dapat dikesan di peringkat awal. Data yang dikumpul serta penilaian yang dibuat perlulah disimpan dan direkodkan sebagai rujukan dan *post mortem* secara berfokus dapat diadakan supaya segala kekurangan atau kelemahan kaedah pengajaran guru dapat diatasi dengan mengadakan bengkel-bengkel yang berkaitan seperti pendedahan modul kaedah Cepat Belajar Al-Quran. (Kaedah CBQ diperkenalkan oleh KAGAT)
- iii. Dalam tempoh satu tahun untuk mencapai hasil serta jurang yang besar dalam pencapaian untuk dibandingkan dengan tahun-tahun lepas sukar untuk dicapai. Ini disebabkan guru-guru masih lagi kurang bersedia atau memahami kehendak dan objektif yang hendak dicapai. Oleh itu pendekatan *Profesional Learning Community* (PLC) ini wajar di amalkan kerana ia dapat mewujudkan semangat berpasukan serta berkongsi amalan PdPc khusus dalam menangani isu-isu yang sukar diselesaikan. Apa yang paling penting PLC dapat mewujudkan pemimpin sekolah dan para pendidik yang komited dan bekerja secara kolaboratif serta berterusan dalam membuat inkuiri atau kajian tindakan untuk mencapai prestasi pelajar yang lebih baik.

- iv. Pengurus dan pemimpin sekolah perlu kerap melakukan perjumpaan dengan ibu bapa dan komuniti. Ibu bapa dan komuniti perlu diberi penjelasan terhadap objektif dan matlamat program supaya mereka merasakan bahawa diri mereka adalah sebahagian daripada aset penting kepada kejayaan program ini. Oleh yang demikian, menjadi tanggungjawab semua warga sekolah termasuk ibu bapa dan komuniti agar sentiasa dapat mentransformasikan amalan PLC dan mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam pembelajaran melalui perasaan dan rasa kesepunyaan nilai yang boleh meningkatkan pencapaian murid-murid khususnya anak-anak mereka.
- v. Sekolah ini juga menghadapi masalah LINUS murid-murid Tahun 1 dan 2. Pengkaji ingin melihat sejauh mana perkaitan apabila murid-murid yang menguasai Iqra' dapat menguasai LINUS apabila tamat persekolahan Tahun 2. Pengkaji bercadang untuk mengumpul data dan kaji selidik melibatkan guru LINUS, Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk membuat satu kajian tindakan menggunakan kaedah PLC bagi membuktikan perkaitan ini.

#### PENUTUP

Tugas utama seseorang pemimpin instruksional ialah memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah terjamin dan dipertingkatkan secara berterusan. Selaras dengan itu penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) merupakan satu amalan yang harus diterapkan ke dalam budaya kerja yang berasaskan prestasi (IAB, 2006). Dapatan daripada program ini menunjukkan peranan Guru Besar sebagai pemimpin instruksional telah diterjemahkan melalui kewujudan hubungan yang baik dalam kalangan warga sekolah dengan komuniti setempat melalui konsep toleransi dan kompromi dalam pendidikan. Pengurus sekolah telah berjaya mewujudkan kerjasama melalui penyertaan beberapa program yang dianjurkan oleh sekolah. Walau bagaimanapun penilaian pengajaran guru serta maklum balas yang jujur, tulus dan ikhlas kepada guru supaya keberkesanan PDP ditingkatkan dan menjadi keutamaan sesuatu program dilaksanakan dengan baik.

Konsep realisasi-diri menerangkan proses bagaimana sesetengah individu atau guru tidak henti-henti untuk memperbaiki diri sendiri untuk melakukan sesuatu ataupun untuk mencapai apa yang terbaik yang mampu dicapainya. (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2002). Konsep autonomi kurikulum berasaskan sekolah dan penilaian berasaskan sekolah sedang dikembangkan dalam reformasi pendidikan untuk memberi peluang kepada guru dan murid menjana idea dan kaedah sendiri supaya apa yang mereka kehendaki tercapai.

Guru dikehendaki memainkan peranan bukan sahaja sebagai pengguna kepada hasil penyelidikan tetapi juga sebagai pengeluar hasil penyelidikan untuk mengenali dan mengatasi masalah profesional yang mereka hadapi. Konsep guru sebagai penyelidik merupakan landasan untuk mengukuhkan pengajaran PAK 21. Di samping itu, pemimpin instruksional yang berkesan mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang PdP atau apa yang akan dilaksanakan. Mereka tahu apa yang diperlukan untuk pembangunan profesional guru dan apa yang diperlukan oleh murid-murid untuk belajar dengan berkesan. Bidang pengetahuan pemimpin instruksional meliputi kurikulum, model PDP dan pendekatan penyeliaan dan penilaian yang berkesan.

Program Mumtaz Iqra' menjadi pemangkin ke arah permuafakatan strategik sekolah dengan komuniti. Pemimpin instruksional yang berkesan mempunyai kemahiran interpersonal yang baik. Mereka boleh memotivasikan anggota pasukan untuk berusaha ke arah yang dipimpinnya. Kemahiran interpersonal yang baik membolehkan pemimpin sekolah memujuk, memberi rangsangan dan mewujudkan semangat kerja sepasukan. Dapatan ini merupakan petunjuk yang tinggi bahawa ciri-ciri pemimpin instruksional dan PAK 21 tidak terbatas kepada guru dan murid sahaja malah ianya sesuatu yang universal dan perlu digilap di semua peringkat termasuk komuniti sekolah. Laporan PPPM (KPM, 2016) menunjukkan SK Setiawangsa terletak di kawasan setinggan dan kekurangan infrastruktur serta tidak mempunyai padang bagi menjalankan aktiviti Pendidikan Jasmani. Permuafakatan sekolah dengan PIBG berjaya menjadikan kawasan terbiar bersebelahan sekolah sebagai sebuah padang. Usaha tersebut akhirnya telah berjaya membawa komuniti sebagai rakan strategik yang bersama-sama membawa perubahan kepada sekolah seperti pihak tentera, syarikat sanitasi Alam Flora serta wakil Parlimen Setiawangsa. Kerjasama ini telah menghasilkan pembinaan sebuah gelanggang futsal, bola tampar dan bola jaring, serta sebuah padang bola sepak PIBG. Pengurusan SK Setiawangsa telah membuktikan bahawa kecemerlangan akademik murid boleh dicapai melalui permuafakatan yang menyeluruh daripada semua pihak. Permuafakatan sekolah dengan komuniti memainkan peranan penting untuk menjayakan pendidikan dalam era pascamoden (Fullan, 2011). Tindakan KPM menekankan permuafakatan sekolah dengan komuniti dalam PPPM 2013-2025 mempercepatkan transformasi pendidikan negara (KPM, 2015)

Penulis berpendapat bahawa ciri dan gaya PAK 21 yang diamalkan mampu mencorakkan pola kecemerlangan dalam apa jua sasaran yang hendak dicapai oleh sekolah. Oleh yang demikian kekuatan pemikiran, kepimpinan dan kebolehan seorang pengurus sekolah dalam mengerak dan mengatur susun adalah diperlukan untuk menjadikan sekolah suatu enterpris yang harmonis, bermatlamat dan cemerlang.

## RUJUKAN

- Ainon Mohd. Abdullah Hassan. (2002). *Siri Motivasi Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Bentong Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Danial Zainal Abidin, (2010). *Tip-tip Cemerlang Daripada Quran*. Selangor: PTS Millennia SDN. BHD.
- Ee Ah Meng. (1997). *Siri Diploma Perguruan. Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran*. Shah Alam Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Fullan, M. (2011). *Makna Baharu Perubahan Pendidikan*. Terjemahan: Mastuti Isa dan Aziah Salleh. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Institut Aminuddin Baki. (2006). *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Institut Aminuddin Baki.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Pembangunan Pendidikan 2001-2010: Perancangan Bersepadu Penjana Kecemerlangan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012a. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025: Ringkasan Eksekutif*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-ExecSummary-BM.pdf>. 3 April 2016
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012b). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025: Laporan Awal*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia. Dalam <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>. 3 April 2016
- Sanders, M.G. (2015). *Buiding School Community Partnership: Collaboration for Student Success*. New York: Skyrose Publishing
- Sarinah Hanim Aman Shah (2006). *Siri Teks Politeknik. Pengurusan Sumber Manusia*. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.

KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENDIDIKAN ABAD KE-21  
PEMANGKIN KEBERHASILAN SEKOLAH BERKUALITI

Ramlee bin Abu Bakar  
Guru Besar  
Sekolah Kebangsaan Permatang Pauh,  
Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang  
[Crvlee69@gmail.com](mailto:Crvlee69@gmail.com)

ABSTRAK

*Pembentangan ini bertujuan untuk menjelaskan kepentingan kepimpinan instruksional dalam pendidikan abad ke-21 dapat mengolah kebolehpayaan sekolah ke arah sebuah sekolah yang berkualiti. Perkongsian ini memberi fokus kepada pemimpin sekolah rendah dalam memimpin dan mengurus sekolah, keberkesanan pelaksanaan program pembangunan profesional serta keperluan untuk melaksanakan program pembangunan profesional kepada guru-guru, terutamanya dalam konteks setempat. Hubungan kepimpinan sekolah dalam anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia berkaitan menjalin kerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta yang dilaksanakan secara meluas turut berkait rapat dengan anjakan ke-7 yang memberi penekanan kepada memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran sekolah-sekolah di Malaysia. Kepimpinan sekolah perlu memberi peluang kepada guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran melalui program pembangunan profesional bagi mewujudkan budaya pembelajaran yang mampu menarik minat murid untuk terus meneroka dunia pendidikan mengikut skop pembelajaran yang telah diperoleh semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.*

**Kata kunci:** pendidikan abad ke-21, kepimpinan sekolah, sekolah berkualiti

## PENGENALAN

Gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013 – 2025) kian menghampiri garis penamat menjelang tahun 2020 yang menumpukan kepada mempercepatkan peningkatan kemajuan sistem, sebelum memasuki gelombang ke tiga PPPM. Cabaran dunia teknologi digital yang berkembang amat pesat maka pemimpin sekolah digesa untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik mahupun kokurikulum seiring dengan transformasi Pendidikan Abad ke-21 (PAK21), (Yang, 2014; Boyaci & Atalay, 2016). Hal ini seiring dengan perkembangan semasa untuk menghasilkan prestasi sekolah yang cemerlang. Kepimpinan pengetua dan guru besar sekolah merupakan elemen penting dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan sesebuah institusi pendidikan (Noordin & Sharifudin, 2004). Maka seorang pentadbir sekolah perlu menguasai dan memahami dimensi kepimpinan instruksional agar dapat membimbing dan menyokong proses pembelajaran dan pemudahcaraan (pdpc) guru ke arah peningkatan prestasi dan pembentukan sekolah efektif.

Menurut Hallinger dan Murphy (1985) kepimpinan instruksional merujuk kepada semua tindakan pentadbir sekolah yang dilaksanakan dengan tujuan meningkatkan dan menambah baik proses pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah yang melibatkan guru, murid, ibu bapa, perancangan dan pengurusan sekolah, kemudahan sumber serta budaya sekolah agar dapat meningkatkan prestasi murid dan membentuk sekolah berkesan. Skop kepimpinan instruksional yang meliputi kerangka Kepimpinan Instruksional yang menjurus kepada elemen strategi pembangunan sekolah dan elemen hubungan luar dapat meningkatkan pembelajaran murid menjadi pilihan pembentangan yang berkisar tentang “Kepimpinan Instruksional Pendidikan Abad ke-21 Pemangkin Keberhasilan Sekolah Berkualiti”.

## LATAR BELAKANG

Pembentangan ini melibatkan dua buah sekolah yang telah dan sedang bertugas sekarang ini. Kedua-dua buah sekolah ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dalam pelbagai bidang kurikulum dan kokurikulum. Pada masa yang sama tugas yang diamanahkan kepada saya oleh pihak Jabatan Pendidikan Pulau Pinang untuk memastikan kemajuan dan kecemerlangan dapat dilaksanakan melalui kebolehpayaan menyediakan prasarana kelas pembelajaran yang kondusif dan menarik minat murid (Tanner, 2006). Inisiatif menyediakan kelas pembelajaran yang saya bentangkan ini mendapat sokongan daripada pihak agensi luar, ngo's dan sokongan daripada pemegang taruh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sekolah Kebangsaan Taman Senangan tempat saya mula bertugas sebagai Guru Besar bermula pada 29 September 2011 sehingga 30 Jun 2017. Lokasi sekolah ini terletak bersebelahan Pangkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) di Butterworth. 60 peratus waris dan ibu bapa bekerja di sektor awam, 15 peratus di sektor swasta dan 25 peratus bekerja sendiri sama ada sebagai ahli perniagaan, guaman dan sebagainya. Bilangan murid sekitar 600 orang dengan pecahan etnik 80% bangsa Melayu, 15% bangsa India, 1% bangsa Cina dan 4% pelbagai kaum. Guru seramai 56 orang dan Anggota Kumpulan Pelaksana 6 orang. Kecemerlangan akademik menjadi tunjang utama sekolah, SK. Taman Senangan tersenarai dalam Band 1 dan dinobatkan sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan Fasa Ke-8 pada tahun 2014.

Transformasi pertama yang telah saya lakukan adalah dengan menjenamakan sekolah (*rebranding*) bermula dari kelas pembelajaran, rumah sukan (kolaboratif bersama TUDM) serta memberi penekanan kepada inovasi murid dan guru. Pada suku ketiga tahun 2013, SK. Taman Senangan telah menjalin usahasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang bagi menjayakan projek inovasi ‘*Chocolate Herbs 4 Kids*’ iaitu kandungannya terdiri daripada adunan pemakanan sunnah Rasulullah s.a.w. yang dijadikan coklat sihat untuk tubuh badan dan minda cerdas. Projek inovasi ini telah mendapat tempat kedua dalam pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang diadakan di Dewan Besar UiTM Pulau Pinang. Panel penilai seramai 13 orang dari negara timur tengah dan negara Asean. Pada tahun 2014 dalam pertandingan inovasi iCOMPEX yang dianjurkan oleh Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Jitra, SK Taman Senangan telah memenangi anugerah emas. Kejayaan ini menjadi nilai tambah dan kekuatan anugerah SKK Fasa-8 serta kolaboratif bersama pihak Robert BOSCH (M).

Kelas pembelajaran yang futuristik dinamakan kelas ‘*21<sup>st</sup> Century Learning Space*’ telah dirasmikan pada bulan April 2015 oleh Y. Bhg. Dato’ Hj. Osman Hussain (mantan Pengarah Pendidikan Negeri Pulau Pinang) bersama 15 delegasi pelbagai negara BOSCH antarabangsa ke SK. Taman Senangan. Kenangan manis dan memberi kesan kepada setiap warga sekolah sehingga menjadikan keputusan UPSR 2015 yang terbaik dan majlis pengumuman keputusan rasmi telah diadakan di SK. Taman Senangan (tahun akhir UPSR berteraskan 5 mata pelajaran). Sekolah memperoleh keputusan terbaik dalam kalangan Sekolah Kebangsaan peringkat negeri Pulau Pinang.

Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya menjadi destinasi kedua saya bertugas sebagai pentadbir bermula 3 Julai 2017 sehingga kini. Destinasi sekolah ini dalam Parlimen Permatang Pauh berhampiran Politeknik Seberang Perai dan UiTM Kampus Pulau Pinang. 100% murid sekolah adalah berbangsa Melayu, bilangan guru seramai 86 orang dan Anggota Kumpulan Pelaksana seramai 7 orang menjadikan jumlah keseluruhan 93 orang. 55 % ibu bapa bekerja di sektor awam, 20 % sektor swasta dan 25% bekerja sendiri. Bilangan murid seramai 1297 orang, dan sekolah ini beroperasi dalam dua sesi pembelajaran iaitu sesi pagi dan petang.

Komuniti yang berada di persekitaran sekolah sentiasa menyokong segala usaha sekolah. Pihak sekolah mudah mendapatkan dana dalam kalangan waris / ibu bapa untuk membina sebuah surau bernilai RM 250,000.0 serta pelbagai program / aktiviti murid sama ada dalam program peningkatan kurikulum, sahsiah murid dan kokurikulum. Dalam tempoh masa 16 hari sebaik sahaja saya melaporkan diri, saya telah diamanahkan untuk mewujudkan sebuah kelas pembelajaran kondusif persis di SK. Taman Senangan. Ini disebabkan pada pertengahan bulan Ogos 2017 mantan YAB Perdana Menteri telah melawat dan hadir untuk bertemu rakyat di Politeknik Permatang Pauh. Kelas pembelajaran ini dinamakan “*21<sup>st</sup> Century Digital Smart Classroom*” dengan konsep, reka bentuk dan penggunaan teknologi berbeza daripada SK. Taman Senangan hasil konsep reka bentuk daripada saya sendiri, rekaan tapak oleh Encik Chen Thean Hock dan fotografi oleh En. Mazlan bin Mat Zain.

Mesej dan penyampaian maklumat berkaitan hala tuju sekolah perlu disebar luas sama ada sewaktu perhimpunan rasmi dan di media sosial. Strategi yang sama saya terapkan di Sekolah Kebangsaan Pauh Jaya, namun perlu diubah suai dan diadun mengikut kesesuaian infra dan komuniti sekolah. Projek teater buat julung kali diadakan telah memperoleh kejayaan yang di luar jangkaan. Teater klasik yang bertajuk 'Ali Baba Bujang Lapok & Penyamun' telah menjadi johan peringkat negeri Pulau Pinang yang dianjurkan oleh SK. Sungai Dua – SKK Fasa 8 dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Pulau Pinang. Momentum yang saya bawa dengan 'Tagline : The future is now dan #skpj4gold' telah menjadi satu azimat dan menjadikan satu pegangan yang kuat warga sekolah telah mula membuahkan hasil kejayaan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Pada masa yang sama, mulai tahun 2018 dalam Hari Anugerah Kecemerlangan Kurikulum saya telah mewujudkan anugerah khas ikon untuk murid dan ikon guru. Ini memberikan satu suntikan semangat kepada murid untuk bersaing secara sihat dan saingan antara warga pendidik untuk mereka lebih kreatif dan inovatif dalam menjayakan misi dan visi Kementerian Pendidikan Malaysia.

## INOVASI & AMALAN TERBAIK

### Kelas Pembelajaran Abad ke-21 SK. Taman Senangan dan Sokongan Agensi Swasta

Proses bermula dengan inovasi 'CHerbs4Kids' yang telah berjaya memperoleh anugerah '*Silver Medal International*', anugerah emas iCompex POLIMAS dan Anugerah SKK Fasa 8 pada tahun 2014 telah menjadi daya penarik pihak Robert Bosch (M) dan Robert Bosch Car Multimedia Germany untuk datang memberi sokongan kepada pihak sekolah. Satu program khas yang dinamakan "*School Industry Partnershiip Initiative (SIPI)*" dibawah projek "*Corporate Social Responsibility (CSR)*". Program SIPI ini bertujuan untuk membantu sekolah dalam melaksanakan program-program peningkatan akademik, sahsiah murid, warga kerja sekolah dan keceriaan sekolah. Sejak mula menjejakkan kaki pada bulan September 2011, saya meletakkan harapan yang tinggi untuk mewujudkan sebuah kelas pembelajaran yang futuristik dan kondusif. Apabila pihak Robert Bosch memaklumkan pada penghujung tahun 2014, Robert Bosch (M) bakal menjadi tuan rumah Persidangan Bosch Antarabangsa, maka pihak Bosch memerlukan satu projek yang boleh memberikan impak yang maksimum kepada Robert Bosch Malaysia dan sekolah. Maka saya menghulurkan kertas cadangan yang saya impikan.

Langkah pertama pada bulan Mac 2015 saya bersama Guru Penolong Kanan dan Guru Penyelaras Frog VLE serta Majlis Pengetua SPU mengadakan lawatan ke PPD Muar dan SMK Felda Semenchu, Kota Tinggi, Johor. Lawatan penanda aras yang amat berharga dan berinformasi untuk diadaptasi. Antaranya kelas yang lengkap dengan kemudahan ICT dan bagaimana kelas pembelajaran biasa tanpa kemudahan ICT serta proses pembelajaran dan pemudahcaraan berkonsepkan pendidikan abad ke-21. Dapatan ini telah dikongsikan dengan semua guru SKTS.

Pada tahun 2015, pihak sekolah mencadangkan program khas yang dinamakan PESTA21 selama 3 hari. Projek inovasi ini telah mendapat sokongan kuat daripada Pengarah Pendidikan dan turut disokong oleh Bahagian Pendidikan Guru, KPM. Program ini telah dihadiri dan dirasmikan oleh Y.Bhg Tan Sri Dr Mohd Khir Mohamad, mantan KPPM yang turut mendapat perhatian pihak MDEC serta Microsoft Malaysia. Sepanjang tempoh pelaksanaan PESTA21 ini, rekod kehadiran pelawat mencecah 3000 orang murid, guru, pengawai pendidikan, ibu bapa dan

komuniti. Pengisian PESTA21 meliputi sesi pembelajaran dan pemudahcaraan secara '*Open Classroom*', perkongsian amalan terbaik Pengetua SMK. Permatang Tok Labu, Guru Besar SK. Mohd Shah, Guru Besar SK. Taman Senangan, agensi Frog VLE dan pihak MDEC.

Hasil PESTA21, sekolah memperoleh kelas pembelajaran *FrogHubs Classroom* dan *Digital Maker Hub* – MDEC. Secara tidak langsung telah berupaya membuka minda warga pendidik di kelas pembelajaran biasa untuk mempelbagaikan pedagogi PA21. Kelas 21DCL menjadi pdpc yang dikawal oleh seorang guru penyelaras. Kelas 21DCL ini juga menjadi pemangkin peningkatan peratus kehadiran dan mencabar keupayaan guru untuk menguasai kemahiran terkini dalam dunia teknologi. Murid mula dilatih dengan teknologi RERO seawal usia 9 tahun dan kini mereka telah berusia 12 tahun telah menunjukkan kematangan penguasaan RERO, ilmu scratch dan sebagainya. Kesannya, mereka telah memenangi beberapa anugerah di peringkat negeri dan kebangsaan. Pada masa yang sama Sekolah Kebangsaan Taman Senangan juga telah dianugerahkan *Microsoft Showcase School* pada tahun 2015 dan saya dijemput untuk menghadiri konvensyen Microsoft di Singapura. Kesan kepada guru, pada bulan Oktober 2018 SK. Taman Senangan telah menerima anugerah sekali lagi oleh pihak Microsoft atas kreativiti guru.

### Kelas Pembelajaran Abad 21 SK. Pauh Jaya dan Sokongan Komuniti.

Kewujudan kelas pembelajaran yang kondusif diberi nama Kelas "*21<sup>st</sup> Digital Smart Classroom (DSC)*" dibuat atas permintaan pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Pejabat Pendidikan Seberang Perai Tengah dan Ngo's. Konsep reka bentuk dan jenis kemudahan ICT diberikan kepercayaan kepada saya untuk mengolahkannya. Ini berbeza dengan cara dan proses di SK. Taman Senangan. Projek khas ini digunakan sebaiknya oleh warga pendidik dan guru pelatih. Proses latihan penggunaan dan PLC digunakan dalam kelas pembelajaran ini. Dalam tempoh 15 bulan saya banyak mmebuat perkongsian konsep pembelajaran PAK21 di kelas pembelajaran biasa. Antara lain menjayakan projek khas pertandingan kebersihan dan keceriaan kelas berkonsepkan PAK21. Pemerhatian melalui pencerapan pdpc dalam standard 4 SKPMg2 memberikan fokus kepada aspek-aspek khusus dalam meningkatkan penguasaan. Antara lain, memberikan pendedahan kepada beberapa orang guru projek khas untuk menimba pengetahuan di SK. Mohd Shah. Pada masa yang sama hubungan luar pihak sekolah dengan pihak yang berkepentingan dapat membantu melancarkan lagi sebarang usaha yang digerakkan oleh sekolah. Antaranya ialah menjadi sekolah angkat kepada UiTM Pulau Pinang dan Politeknik Permatang Pauh. Kedua-dua institusi ini berperanan penting dalam membantu menyediakan kemudahan prasarana dan perkongsian ilmu bersama Unit Hal Ehwal Pelajar. Ini terbukti dengan kehadiran ibu bapa seramai 800 orang dalam mesyuarat Agong PIBG pada bulan Mac 2018 yang lalu.

### Jom Ke Sekolah dan Guru Penyayang – Insentif Kelas & Individu

Program 'Jom ke Sekolah' dan 'Program Guru Penyayang' adalah program yang perlu dilaksanakan oleh setiap sekolah di Malaysia. Cara pengolahan program bergantung kepada keupayaan dan kreativiti pucuk pimpinan peneraju sekolah. Program ini di bawah cabang Hal Ehwal Murid. Pokok pangkalnya adalah, apabila murid dilatih mendisiplinkan diri, mempunyai sasih diri yang unggul dan penerapan unsur mensyukuri nikmat tuhan sudah pasti akan memberikan kesan yang maksimum kepada pencapaian akademik / kurikulum dan keberhasilan murid dalam bidang kokurikulum.

Inisiatif dan insentif khas diberikan kepada kelas yang mencatat keputusan kehadiran tertinggi bersamaan dengan nilai ringgit yang hamper. Sebagai contoh, pencapaian kehadiran 98.60 % maka kelas akan menerima RM 100.00. Murid yang hadir lengkap 190 hari bilangan hari persekolahan turut menerima insentif pada hari akhir persekolahan. Begitu juga dengan kebersihan dan keceriaan kelas yang berkonsepkan kelas PAK21 akan diberikan insentif.

Program guru penyayang di SK Pauh Jaya mempunyai cara sambutan yang berbeza berbanding dengan sekolah lain. Sambutan hari kelahiran murid diadakan pada setiap penghujung bulan atau awal bulan berikutnya. Program ini diadakan pada tahun 2018 dan mendapat sokongan waris / ibu bapa dan individu yang menyumbang kek kepada sekolah untuk sesi pagi dan petang.

## IMPAK

Keberhasilan murid dan guru di Sekolah Kebangsaan Taman Senangan jelas dapat dilihat apabila murid Tahun 6 ( 2018 ) ini dahulunya telah mula dilatih dan diberikan pendedahan pembelajaran berteraskan teknologi sejak tahun 2015. Program RERO di bawah projek *Penang Science Cluster* / MDEC telah membuka ruang pameran di pameran yang dianjurkan di peringkat negeri dan program khas peringkat Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah menjemput murid-murid ini untuk memberikan taklimat kepada tetamu yang hadir. Ini dapat meningkatkan keyakinan dan jatidiri unggul dalam kalangan murid. Murid yang kreatif dan berketrampilan pada tahun 2016 telah ditawarkan menyertai program Malaysia – Jepun. Seramai 5 orang murid yang terlibat telah diberikan tawaran dan penghargaan untuk menyertai lawatan ke Tokyo, Jepun untuk mempelajari budaya masyarakat Jepun bersama 15 orang lagi murid dari sekolah lain.

Murid-murid di kedua-dua buah sekolah amat teruja dan berminat dengan aktiviti pdpc guru di kelas pembelajaran *21<sup>st</sup> Century Digital Classroom*. Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memerlukan daya kreativiti murid, keberanian dan keyakinan diri untuk menyampaikan maklumat. Meskipun pembelajaran guru bukan di bilik *21<sup>st</sup> Century Digital Classroom* namun di kelas-kelas pembelajaran biasa amat menarik minat murid untuk belajar dengan adanya sesi '*Hot Seat*' pembentangan kumpulan dan sebagainya.

Antara keberhasilan murid di SK. Pauh Jaya dengan adanya proses pembelajaran abad ke-21 murid mampu memberanikan diri untuk berhujah. Ini jelas ditonjolkan melalui keberhasilan dalam seni teater yang memerlukan garapan bimbingan daripada guru Muzik, guru Bahasa dan guru Teknologi Maklumat. Hasilnya teater SK. Pauh Jaya telah menjadi Johan Peringkat Negeri Pertandingan Teater Klasik anjuran SK Sungai Dua ( SKK Fasa 8 ) bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Pulau Pinang. Pelakon Terbaik ( murid ) dan Pengarah Terbaik (guru) turut dimenangi oleh SK. Pauh Jaya. Kesenian menjadi salah satu cabang *niche area* apabila melalui hasil teknologi juga telah diwujudkan '*Digital Music Band*' dengan menggunakan tablet sebagai alat muzik dalam persembahan. Inisiatif ini merupakan pertama kali dijayakan oleh sekolah kebangsaan, kebiasaannya diuruskan oleh sekolah menengah di Kuala Lumpur dan Selangor. Keberhasilan murid terserlah apabila adik Mohd Nazif bin Nazi telah menjadi ikon kesenian dan dia juga adalah artis cilik yang mula mendapat perhatian Persatuan Seniman Malaysia.

Dalam kalangan guru pula, setiap guru sentiasa bersaing secara positif untuk mencari sumber pembelajaran yang terbaik dan terkini untuk dikongsikan bersama rakan dan yang penting sekali kepada murid-murid (Ronfeldt, Farmer, McQueen, & Grissom, 2015; Burton, 2015).

## CADANGAN

- Setiap guru perlu diberikan pendedahan dan perkongsian pelbagai amalan pedagogi yang terbaik. Perkongsian boleh dilakukan dengan mengadakan '*open classroom*' kepada guru lain dan contoh pdpc terbaik dalam kalangan guru.
- Amalan '*Learning Walks*' dapat mengumpul bukti aksi pembelajaran (*Learning in action*), secara tidak langsung akan berlaku perbincangan berdasarkan bahan bukti pemerhatian dan berkongsi amalan pdpc untuk diri sendiri serta guru lain (Dallas, 2010).
- Pihak Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah perlu mengenal pasti pemimpin sekolah yang bersesuaian dengan keupayaan dan kemahiran dalam menempatkan pemimpin sekolah yang mampu meneruskan kecemerlangan sesebuah sekolah.
- Setiap sekolah perlu mencari kekuatan dan keistimewaan tersendiri serta berada pada tahap pencapaian terbaik untuk dikongsikan dengan agensi swasta. Evidens sebegini diperlukan untuk permohonan jalinan kerjasama bersama pihak agensi swasta. Setiap agensi swasta mempunyai program '*Corporate Social Responsibility*' (CSR).



## KESIMPULAN

Sistem pendidikan sentiasa berkembang mengikut perkembangan zaman dan sudah pasti setiap institusi pendidikan akan mengalami transformasi dari semasa ke semasa. Keprihatinan dan kebertanggungjawaban amat diharapkan daripada pemimpin sekolah dengan peranan sebagai pemimpin instruksional yang menjadi semakin kompleks. Pemimpin sekolah perlu kreatif dalam mengubah iklim dan suasana sekolah serta kelas pembelajaran. Perlu ada nilai tambah dan gabung jalin interpersonal bersama agensi luar seperti yang tertulis dalam anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang menjelaskan perihai bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Oleh itu, pemimpin sekolah perlu sedar bahawa mereka harus berubah dahulu bagi melaksanakan transformasi di sekolah dan menunjukkan sokongan terhadap pelaksanaan perubahan ini kerana perubahan ini turut mempengaruhi kepuasan kerja dalam kalangan guru. Justeru, pemimpin instruksional yang berperanan sebagai agen perubahan mesti menguasai kecekapan baharu yang diperlukan bagi melaksanakan perubahan tersebut. Proses ini melibatkan amalan seperti mengetepikan amalan konservatif dan reaktif dalam masa yang sama menguasai kemahiran baharu agar dapat membimbing guru dengan cemerlang dan membentuk sekolah yang berkesan.



## RUJUKAN

- Boyaci, S. , D. B., & Atalay, N. (2016). A scale development for 21st century skills of primary school students: A validity and reliability study. *International Journal of Instruction*, 9(1), 133e135.
- Burton, T.(2015). Exploring the Impact of Teacher Collaboration on Teacher Learning and Development. (Doctoral dissertation). Retrieved from <http://scholarcommons.sc.edu/etd/3107>
- Dallas, P. (2010). Learning-walk continuum, *School Administrator*, 67(10), 12-22.
- Hallinger, P., & Murphy, J. (1985). What's effective for whom? School context and student achievement. *Planning and Changing*, 16(3), 152–160
- Noordin Hj. Yahaya & Sharifudin Ismail. (2004). Tingkah laku kepimpinan pengetua dan hubungannya dengan tekanan kerja dan keberkesanan organisasi di beberapa buah sekolah terpilih di Negeri Sembilan. *Prosiding Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-12*, 183-195
- Ronfeldt, M., Farmer, S., McQueen, K., & Grissom, J. (2015). Teacher collaboration in instructional teams and student achievement. *American Educational Research Journal*, 52(3), 475-514.
- Tanner, C.K. (2006). Effects of the school's physical environment on student achievement. *Educational Planning*, 15 (2): 25-44.
- Yang, J., Huiju, Y., Chen, S.-J., & Huang, R. (2014). Strategies for smooth and effective cross-cultural online collaborative learning. *Educational Technology & Society*, 17(3), 208e221

**KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL  
SEBAGAI PEMBUDAYAAN KECEMERLANGAN**

**Loh Hock Eng  
Guru Besar  
SJK(C) Shih Chung Cawangan, Sungai Nibong,  
Bayan Lepas Pulau Pinang  
[Hockeng10@gmail.com](mailto:Hockeng10@gmail.com)**

**ABSTRAK**

*Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenal pasti tahap kepimpinan instruksional Guru Besar berdasarkan kerangka Hallinger dan Murphy (1985) dalam pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Abad 21, meningkatkan mutu pelaksanaan PdPc guru mengaplikasikan struktur Kelas Abad 21 dan Kaedah PdPc Abad 21 (PAK21) dan menyemarakkan semangat mengajar dan memupuk minat murid untuk belajar agar meningkatkan pencapaian akademik di samping mencapai KPI Sekolah Berprestasi Tinggi. Dua data dikutip iaitu keberkesanan kepimpinan instruksional Guru Besar dan keberkesanan PAK21 yang dijalankan. Pemerhatian terhadap PdPc yang dijalankan oleh guru Sains melibatkan seramai 41 orang murid. Selain daripada itu, murid-murid telah ditemu ramah tentang keberkesanan kepimpinan instruksional Guru Besar dan PAK21 yang diamalkan oleh guru. Dapatan kajian telah menunjukkan terdapat perubahan positif dalam tingkah laku guru dan murid semasa PdPc dijalankan. Semua murid menunjukkan sikap lebih berminat untuk belajar, yakin berkomunikasi, daya bekerjasama yang tinggi, rasa ingin tahu yang mendalam dan berkelakuan positif. Manakala kedua-dua orang guru lebih berani mencuba, berkeyakinan semasa memimpin murid membuat cubaan, bekerjasama untuk menyediakan PdPc dan menunjukkan daya penyesuaian diri yang tinggi. Secara kesimpulannya, pendekatan PAK21 ini membawa impak kepada pemimpin, guru, murid dan secara langsungnya kepada peningkatan akademik sekolah.*

**Kata kunci:** *kepimpinan, instruksional, pengajaran dan pembelajaran*

## PENGENALAN

Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) ditakrifkan sebagai sekolah yang mempunyai etos, watak, identiti tersendiri dan unik serta menyerlah dalam semua aspek pendidikan. Sekolah ini mempunyai tradisi budaya kerja yang sangat tinggi dan cemerlang dengan modal insan yang berkembang secara holistik dan berterusan serta mampu berdaya saing di persada antarabangsa dan menjadi sekolah pilihan utama (*BPSBPSK Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009*).

Sebagai seorang pemimpin di Sekolah Berprestasi Tinggi, Encik Loh Hock Eng sebagai Guru Besar dipertanggungjawabkan untuk memastikan sekolah mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang lebih baik daripada tahun-tahun yang sebelumnya. Hal ini kerana wajaran KPI yang ditetapkan untuk akademik sebanyak 40% dan Kokurikulum, 20% adalah amat tinggi.

Ini menunjukkan bahawa kecemerlangan dalam bidang akademik banyak bergantung kepada pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dijalankan di dalam kelas. Hal ini demikian kerana guru adalah pendorong minda murid untuk belajar. Untuk memperkasa PdPc yang dijalankan oleh guru-guru di dalam kelas, satu sesi sumbang saran telah dijalankan dengan Jawatankuasa Kurikulum sekolah. Hasil daripada sesi tersebut, Pedagogi PdPc PAK21 telah diutarakan dan dirancang untuk diimplimentasikan di sekolah. Rancangan ini sejajar dengan Standard empat dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) iaitu PdPc. Korelasi yang nyata antara kerangka konsep PAK21 dan Standard 4 SKPMg2 memberikan keyakinan kepada sekolah supaya memulakan usaha ini. SKPMg2 yang dikeluarkan pada 13 September 2016 oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) ini merupakan piawai yang digunakan bagi menentukan tahap pencapaian kualiti pendidikan mencakupi beberapa bidang seperti kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, PdPc dan kemenjadian murid.

Encik Loh Hock Eng menggunakan pendekatan kepimpinan instruksional supaya dapat mengekalkan kecemerlangan sekolah. Beliau bertanggungjawab menggerakkan sekolah mencapai matlamat seperti yang dirancang. Cabaran terbesar kepada beliau adalah untuk memastikan organisasi sekolah dapat berjalan dengan berkesan. Al Ramaiah (1992) menyifatkan kepemimpinan guru besar mempunyai kesan yang signifikan terhadap inovasi pendidikan. Kejayaan dan kegagalan sekolah bergantung kepada kebolehan beliau memimpin organisasi. Sehubungan dengan itu, beliau perlu mempunyai pengetahuan untuk menggerakkan seluruh organisasi sekolah ke arah mencapai matlamat cemerlang. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Meningkatkan mutu pelaksanaan PdPc dalam setiap sesi interaksi yang dijalankan oleh guru dengan mengaplikasikan struktur Kelas Abad 21 dan kaedah PdPc Abad 21.
- b. Menyemarakkan semangat mengajar guru dan memupuk minat murid untuk belajar dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Shih Chung Cawangan merupakan sebuah sekolah yang ditubuhkan pada tahun 1908. Sekolah tersebut telah berusia 110 tahun. Oleh sebab pertambahan murid yang ramai pada tahun 1930an, sebuah sekolah cawangan yang dinamakan sebagai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Shih Chung Cawangan telah ditubuhkan di Jalan Sultan Ahmad Shah, George Town dengan pentadbiran Jemaah Pengelola Sekolah yang sama.

Namun demikian, sekolah ini telah mengalami kekurangan murid pada tahun 1980-an hingga 1990-an kerana faktor urbanisasi dan perpindahan penduduk yang ketara dari bandar, sehingga mengakibatkan sekolah menjadi Sekolah Kurang Murid. Sudah jatuh ditimpa tangga, tuan tanah tapak sekolah telah berkeputusan untuk menjual tapak tersebut. Justeru, tapak sekolah terpaksa dipindah ke tempat yang lain.

Setelah sekian lama usaha mencari tapak baharu, Jemaah Pengelola Sekolah telah berjaya membeli sebidang tanah daripada Kerajaan Negeri pada masa itu sebagai tapak baharu sekolah. Akhirnya, pada tahun 1998, bangunan baharu sekolah telah siap dibuat dan dipindah dengan sepenuhnya pada tahun 1999. Pihak sekolah sentiasa berusaha dengan gigih untuk mencari jalan dan mengorak langkah untuk menaikkan nama sekolah sejak sekolah ditubuhkan.

Setelah persaraan guru besar terdahulu, Encik Loh Hock Eng merupakan guru besar baharu yang ditugaskan untuk mengambil alih tugas Guru Besar di sekolah ini pada Mei tahun 2015. Pada masa itu, sekolah ini telah mendapat anugerah Sekolah Kluster Kecemerlangan Fasa Ketujuh pada tahun 2013. Sekolah sememangnya menonjolkan watak yang cemerlang dalam kedua-dua bidang iaitu Matematik dan Catur Barat yang dapat menjadi ikon kepada sekolah. Keseluruhannya, murid sekolah ini dapat memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam kebitaraan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Setelah menerima amanah yang dipertanggungjawabkan, Encik Loh Hock Eng menjalankan tugas beliau dengan penuh dedikasi. Beliau telah menambah baik lagi pencapaian dan kecemerlangan sekolah dengan menjalankan amalan terbaik di sekolah. Beliau amat menitikberatkan kedua-dua bidang akademik dan kokurikulum. Beliau menerajui amalan terbaik seperti Program Klinik Bahasa yang dijalankan untuk murid-murid GALUS tahun 6 khususnya dan tahun 5 amnya. Selain daripada itu, untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa dan positif kepada murid-murid, Encik Loh Hock Eng telah mengadakan jalinan kerjasama dengan INTEL Penang untuk menjalankan projek Green School dan melibatkan sekolah dalam program anak angkat INTEL iaitu Program Intel Involve Matching Grant. Program ini telah berjaya menghijaukan sekolah dan melibatkan anak-anak di bandar dengan aktiviti bercucuk tanam dan penghijauan alam.

Dalam bidang kokurikulum, Encik Loh Hock Eng telah memperoleh peruntukan dan sumbangan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk menaja dan membantu murid dalam pelbagai aktiviti kebajikan. Hal ini dapat menggalakkan murid-murid mengambil bahagian dalam apa-apa pertandingan di peringkat daerah, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa tanpa perlu risau tentang peruntukan kewangan. Oleh itu, pada tahun 2018, ppencapaian kokurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah mencecah sehingga 100 anugerah.

Walaupun sekolah telah dicalonkan bagi anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi untuk lima tahun berturut-turut, namun sekolah hanya menerima anugerah tersebut pada tahun 2017. Sekolah juga telah mendapat tempat kelima anugerah Pembestarian Sekolah Peringkat Kebangsaan, tokoh NILAM peringkat negeri dan saguhati peringkat kebangsaan serta menjadi penganjur Program Pentatlon Matematik Peringkat Kebangsaan pada tahun 2018.

#### AMALAN TERBAIK PENDEKATAN ABAD 21: KERANGKA KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL

Model yang dikemukakan oleh Hallinger & Murphy (1985) telah digunakan bagi menjelaskan amalan kepimpinan instruksional guru besar di sekolah. Ini ditunjukkan melalui Jadual 3.1 di bawah.

Jadual 1

*Kerangka Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger dan Murphy*

| Dimensi                               | Fungsi                                          |
|---------------------------------------|-------------------------------------------------|
| Mendefinisi Misi Sekolah              | 1. Merangka Matlamat Sekolah                    |
|                                       | 2. Menyampaikan Matlamat Sekolah                |
| Mengurus Kurikulum dan Pengajaran     | 3. Penyeliaan dan Penilaian Instruksi           |
|                                       | 4. Menyelaras Kurikulum                         |
|                                       | 5. Memantau Kemajuan Pelajar                    |
| Mempromosi Iklim Pembelajaran Sekolah | 6. Melindungi Waktu Pengajaran dan Pembelajaran |
|                                       | 7. Membudayakan Perkembangan Profesional        |
|                                       | 8. Mengekalkan Ketampakan (Visibility)          |
|                                       | 9. Menyediakan Ganjaran kepada Guru             |
|                                       | 10. Menyediakan Insentif kepada Pelajar         |
|                                       | 11. Penguatkuasaan Standard Akademik            |


*Sumber: Disesuaikan daripada Hallinger dan Murphy (1985)*

Untuk mencapai dimensi yang kedua, Guru Besar telah meningkatkan usaha untuk mengurus kurikulum dan pengajaran secara berkesan dengan mengaplikasikan PAK21.

#### PENDEKATAN PEMBELAJARAN ABAD ke-21 (PAK 21)

PAK21 merupakan satu pendekatan pembelajaran yang memerlukan murid menguasai isi kandungan sambil menghasilkan, mensintesis (penyatuan atau penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber-sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Mereka diharapkan dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik.

Untuk melaksanakan PAK21 ini, satu kerangka kerja atau aliran kerja telah ditetapkan oleh guru besar seperti di bawah. Guru-guru telah bertindak mengikut carta aliran yang telah digariskan.



*Rajah 1: Rangka Kerja Pelaksanaan PAK 21*


Setelah memahami carta aliran yang diberikan, guru-guru telah diberikan kursus dan input tentang pelaksanaan dan kemahiran pedagogi PAK21 oleh Guru Besar di sekolah.



Rajah 2: Pedagogi PAK21

Guru-guru juga diingatkan supaya sentiasa menggunakan 4C dalam pengajaran mereka supaya sentiasa selaras dengan kemahiran yang diutarakan dalam PAK21. Untuk pelaksanaan di dalam bilik darjah pula, guru perlulah menitikberatkan aspek-aspek yang berikut supaya dapat membentuk suasana pembelajaran yang berunsurkan PAK21.

Setelah input tentang pelaksanaan dan kemahiran pedagogi diberikan kepada semua guru ketika Latihan Dalam Perkhidmatan di sekolah, setiap guru telah diberikan satu tempoh yang mencukupi untuk melengkapkan diri dengan ilmu bagi memulakan penggunaan pendekatan PAK21 ini dalam pengajaran masing-masing. Guru Besar sebagai pemimpin pula menjalankan tugas beliau untuk memantau dan mengutip hasil kajian yang dijalankan.



Rajah 3: Kemahiran 4C dalam PAK21



Rajah 4: Kemahiran 4C dalam PAK21

## IMPAK PROGRAM

Kajian ini bukan sahaja mendatangkan impak kepada pemimpin, malahan kepada guru-guru murid-murid. Hasil dapatan telah menunjukkan peningkatan positif dalam tingkah laku dan pencapaian ketiga-tiga pihak seperti yang berikut:

Impak ke atas pemimpin. Daripada pemerhatian terhadap implimentasi PAK21, didapati pemimpin:

- a. Daripada berfokus kepada masalah bertukar kepada berfokus kepada penyelesaian: Sentiasa membuat sumbang saran dengan guru-guru untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik.
- b. Daripada menetapkan matlamat kepada orang lain kepada menjajarkan matlamat bersama: Berusaha untuk mencapai matlamat yang dikehendaki bersama-sama.

Impak kepada guru. Daripada pemerhatian terhadap implimentasi PAK21, didapati guru:

- a. Bersemangat untuk membuat persediaan – Semua guru membuat persediaan terbaik.
- b. Berani mencuba – Mencuba pelbagai strategi PAK21 untuk mendapatkan perhatian murid.
- c. Menyesuaikan diri – Dapat menyesuaikan diri dengan perubahan ke atas cara dan pendekatan pengajaran sendiri.
- d. Bekerjasama untuk membuat persediaan – Berkongsi bahan bantu mengajar (BBM) untuk mata pelajaran yang sama.
- e. Berkebolehan memimpin – Dapat memimpin dan membimbing murid untuk melakukan setiap aktiviti yang dirancang. Dapat juga memimpin rakan guru untuk mencuba.

Impak kepada murid. Daripada pemerhatian terhadap implimentasi PAK21, didapati murid:

- a. Yakin berkomunikasi – dapat berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan-rakan di dalam kumpulan atau kumpulan lain tentang topik atau tugas.
- b. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi– dapat menjana idea dan menyampaikannya dalam pelbagai bentuk sama ada verbal atau bukan verbal malahan juga dalam bentuk peta I-think.
- c. Bijak menyoal – Berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut.
- d. Berani mengambil risiko – Berani mencuba untuk mendapatkan kebenaran dan ilmu
- e. Rasa ingin tahu yang amat mendalam – Ingin tahu dengan lebih lanjut tentang topik mahupun lebih daripada skop
- f. Dapat bekerjasama – Bekerjasama untuk menyelesaikan masalah

- g. Dapat membuat refleksi – membuat refleksi ke atas kekuatan atau kelemahan
- h. Lebih berminat untuk belajar – Pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan dan bukan sahaja aktiviti individu
- i. Hadiah / Token – Mendorong murid berusaha untuk mendapatkan token.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Beberapa cadangan penambahbaikan boleh dibuat di pelbagai peringkat sama ada dari bilik darjah sehinggalah ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai pemimpin di sekolah, guru besar dan pengetua seharusnya menggalakkan guru mempelbagaikan strategi PAK21. Norhailmi (2017), menyarankan PAK21 sebagai salah satu elemen yang penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Namun, masih ada sebahagian kecil guru berasa takut dan keliru kerana kurang memahami konsep PAK21 ini. Oleh sebab itu, guru besar memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan guru-guru ini.

Selain daripada itu, Guru Besar bertanggungjawab untuk menggalakkan guru-guru membuat perkongsian alaman terbaik secara berterusan dalam bentuk *Professional Learning Community* (PLC) daripada dua kali setahun kepada beberapa kali sepanjang tahun. Hal ini adalah penting kerana guru dapat saling mempelajari kekuatan masing-masing dan memperoleh lebih banyak idea untuk memantapkan kerja buat teras PdPc ini pada setiap hari. Dorongan sesama guru boleh didapati sekiranya PLC dijalankan dengan berkesan.

Di samping itu, guru-guru boleh membuat bahan bantu mengajar (BBM) yang boleh digunakan secara berulang-ulang. Hal ini kerana PAK21 ini menitikberatkan penggunaan teknologi dan gajet yang bersesuaian dengan pengajaran. Oleh itu, bahan-bahan yang dibuat oleh guru disimpan dalam komputer atau telefon pintar boleh dikongsi bersama dengan mudah dan menjimatkan masa untuk membuat BBM yang berlebihan. Perkongsian dapat dijalankan dalam bentuk maya melalui VLE Frog dan Bestari net.

## PENUTUP

Kajian ini membuka satu dimensi baharu untuk perkembangan ilmu pengetahuan tentang kepimpinan instruksional dan komitmen guru besar di sekolah. Keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional guru besar adalah sangat penting dan boleh mempengaruhi keberkesanan pengajaran guru dan pembelajaran murid di sepanjang persekolahan.

PAK21 ini memang berkesan dan bermakna kepada pemimpin sekolah, guru dan murid. Oleh itu, pendekatan ini memang sesuai digunakan. Guru mestilah bijak mencari cara untuk membuat persediaan dengan mengambil masa yang paling singkat. Diharapkan pendekatan ini dapat membimbing sekolah kami ke puncak kejayaan yang lebih tinggi lagi pada masa hadapan.

Akhir kata, proses pengajaran dan pembelajaran merupakan tugas utama yang dijalankan di sekolah. Kejayaan dan kecemerlangan sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada kepimpinan instruksional yang ditunjukkan oleh guru besar. Sehubungan dengan itu, guru besar perlu menjalankan peranannya sebagai pemimpin instruksional yang berkesan dan melaksanakan kepimpinan tersebut mengikut aspek terkini dan mengikut konteks sekolah supaya dapat memimpin sekolah ke puncak kegemilangan yang seterusnya.

## RUJUKAN

Al Ramaiah (1992). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. IBS Buku.

BPSBPSK Kementerian Pelajaran Malaysia, (2009). *Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Berprestasi Tinggi*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Hallinger, P & Murphy, J. (1985). Assessing the instructional management behaviours of principals. *The Elementary School Journal*, 86, (2), 217-247.

Norhailmi (2017). *Pembelajaran Abad 21: Bukan sekadar susun kerusi dan meja*. Percetakan Perlis Sdn Bhd.

## NUKLEUS GK7 SINERGI KEPIMPINAN

Tah Nia Hj. Jaman  
Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran

[tjaman1963@yahoo.com](mailto:tjaman1963@yahoo.com)

## ABSTRAK

Pejabat Pendidikan Daerah Tuaran (PPD Tuaran) menekankan kemenjadian murid secara holistik melalui Program Gelombang Kecemerlangan 7 Tahun (GK7) di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Salah satu projek yang menyokong Program GK7 ialah Projek Nukleus GK7 Sinergi Kepimpinan PPD Tuaran. Objektif projek ini adalah untuk meningkatkan kualiti kepimpinan Guru-guru Besar berdasarkan aspek hala tuju organisasi, mengurus persekitaran sekolah dan kualiti kemenjadian murid. Projek ini menggunakan medium Professional Learning Community (PLC) melalui pelaksanaan intervensi-intervensi seperti Transformasi GK7, Jelajah Sehati Sejiwa, Dialog GK7 dan Singgah Sebentar GK7. Dapatan projek ini menunjukkan sekolah-sekolah yang terlibat telah berjaya menghasilkan intervensi berasaskan konteks sekolah masing-masing dan telah mengadakan pengkongsian pintar (antara sekolah, negeri dan kebangsaan). Di samping itu, semua sekolah tersebut mengamalkan PAK21 dan telah memenangi anugerah PAK 21 di peringkat daerah dan negeri. Pencapaian UPSR juga telah meningkat dan tersenarai untuk menerima anugerah di peringkat daerah dan negeri (MEKAR). Rumusannya, Projek Nukleus GK7 Sinergi Kepimpinan telah berjaya meningkatkan kualiti kepimpinan Guru Besar melalui sokongan dan akauntabiliti PPD ke arah pembinaan sekolah berkualiti dan kemenjadian murid.

**Kata kunci:** GK7, nukleus, sinergi, kepimpinan

## PENGENALAN

Kewujudan Program Transformasi Daerah (DTP) bersama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2012-2025) yang menekankan lima aspirasi sistem, enam aspirasi murid untuk dicapai dan 11 anjakan menagih komitmen semua pihak untuk memastikan pelan yang cukup komprehensif ini berlaku mengikut landasan dan garis panduan yang dihasratkan. Di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Tuaran, kewujudan DTP memberi banyak ruang kepada pegawai PPD sendiri turun padang dan melaksanakan dialog prestasi bersama pengetua dan guru besar (PGB), guru-guru dan murid-murid. Dapatan dan rumusan dalam kebanyakan aktiviti turun padang dan dialog prestasi telah diperincikan dengan membuat keputusan untuk mengadakan program utama PPD yang diberi nama Gelombang Kecemerlangan tujuh (GK7), iaitu program yang berfokus kepada kemenjadian murid. Murid sewajarnya boleh mencapai kecemerlangan secara holistik dalam tempoh tujuh tahun persekolahan di peringkat sekolah rendah dan tujuh tahun di peringkat sekolah menengah selagi murid tersebut normal dan tidak menghadapi masalah pembelajaran yang disahkan melalui pemeriksaan kesihatan. Senarionya kecemerlangan murid secara holistik yang diharapkan tidak berlaku walaupun murid tersebut tidak menghadapi masalah pembelajaran. Kekangan utama dalam hal ini berbalik kepada pengoperasian organisasi sekolah dan cara bertindak kepimpinan yang ada di sekolah.

Organisasi ialah entiti yang memerlukan perubahan bagi membolehkannya untuk terus hidup, membangun dan berkembang. Kegagalan melakukan atau bertindak terhadap perubahan akan menyebabkannya menempah kegagalan (Aziz, 2000). Di peringkat sekolah pula, PGB merupakan individu yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sesuatu perubahan sama ada perubahan tersebut atas kehendak PGB sendiri mahupun atas arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau PPD. Menyedari keperluan perubahan tersebut, Nukleus GK7 merupakan perantara yang dilihat berupaya mewujudkan dan menyemarakkan sinergi kepimpinan antara PPD dan sekolah untuk menambah baik kekangan dan halangan yang berlaku. Nukleus GK7 bertujuan memperkasa kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar terlibat seramai 25 orang, iaitu dengan memperinci hala tuju sekolah mengikut konteks sekolah, menambah baik pengurusan persekitaran PAK21 dan melaksanakan intervensi berfokus. Intervensi berfokus yang dilaksanakan adalah berasaskan analisis data prestasi akademik. Fokus utama intervensi tersebut adalah ke arah fokus akhir iaitu meningkatkan kemenjadian murid.


## LATAR BELAKANG

Kewujudan PPD Tuaran pada tahun 2009 merupakan gabungan daripada dua PPD kecil, iaitu PPD Tamparuli dan PPD Tuaran. Daerah Tamparuli ialah kawasan perbukitan yang menempatkan 34 buah Sekolah Kurang Murid (SKM), Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK). Manakala sekolah - sekolah gred A pula kebanyakannya terletak di pesisiran pantai dan tanah rata dalam daerah Tuaran dengan pencapaian prestasi yang menampakkan jurang yang ketara. Selain geografi muka bumi yang berbeza, perjalanan ke sekolah berbatu kelikir, tanah kuning, jalan lereng bukit bergaung merupakan cabaran yang dihadapi. Lokasi dan jarak sekolah daripada PPD antara 2 hingga 284 kilometer perjalanan pergi dan balik.

Berbalik kepada hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013, pendidikan negara ini berhasrat memastikan akses dan enrolmen sejagat dari peringkat prasekolah ke peringkat sekolah menengah atas tanpa mengira taraf ekonomi, etnik dan latar belakang berhak mendapat akses yang sama kepada pendidikan berkualiti bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing. Justeru, disebabkan perbezaan geografi muka bumi, jarak dan lokasi sekolah serta jurang pencapaian akademik yang ketara antara sekolah, maka PPD Tuaran mewujudkan sinergi kepimpinan antara PPD dan sekolah-sekolah daerah Tuaran melalui projek Nukleus GK7 dengan strategi *Professional Learning Community* (PLC) menambah baik perincian dokumentasi Pelan Pembangunan Organisasi (PPO) sekolah, menambah baik pengurusan persekitaran PAK21 dan pelaksanaan intervensi akademik berfokus mengikut konteks dan keperluan sekolah.

## AMALAN TERBAIK

Nukleus GK7 ialah pembentukan tiga pasukan yang diwakili oleh pegawai SIPartner+, SISC+, FasiLinus dan Penolong-penolong pegawai di PPD dalam setiap pasukan. Tiga pasukan nukleus ini dinamakan Nukleus Sehati Sejiwa, Nukleus Semarak Transformasi dan Nukleus Senada Seirama. Di bawah ketiga-tiga pasukan nukleus induk ini adalah agihan sekolah-sekolah untuk pelaksanaan pemantauan dan bimbingan. Dalam kumpulan nukleus ini, pegawai SIPartner+ dipertanggungjawab mengetuai kumpulan nukleus PPD atau nukleus induk, manakala dalam kalangan semua sekolah, guru besar (GB) sekolah yang mempunyai kebitaraan dan pencapaian terbaik sebagai nukleus kepada sekolah-sekolah lain. Tiga pasukan nukleus tersebut seperti rajah di bawah.



Rajah 1: Agihan Pasukan Nukleus GK7

Pasukan nukleus ini melaksanakan Follow Up Follow Through (FUFT) dan pelaksanaan intervensi menggunakan strategi PLC. Kekangan yang menjadi halangan kepada pembangunan sekolah dalam kalangan guru- besar daerah Tuaran ialah hala tuju kepimpinan dalam PPO yang telah disediakan tidak menjadi rujukan oleh warga sekolah. Tidak ada semakan dibuat dan tidak ada pelaporan program yang dilaksanakan. Persekitaran sekolah tidak diurus dengan ciri-ciri persekitaran PAK21. Begitu juga pencapaian akademik setiap ujian tidak diikuti dengan intervensi berfokus. Lima intervensi strategi PLC yang diaplikasi bagi menangani kekangan dan halangan yang wujud, iaitu:

1. Transformasi GK7
2. Jelajah Transformasi
3. Jelajah Sehati Sejiwa
4. Dialog Prestasi GK7
5. Singgah Sebentar GK7

Penggunaan strategi PLC adalah pilihan yang tepat bagi melaksanakan intervensi di atas untuk memperkasa kepimpinan instruksional pemimpin sekolah. Pendekatan ini adalah sesuai dengan konsep PLC itu sendiri iaitu merujuk kepada satu kumpulan pendidik termasuk pentadbir yang didorong oleh wawasan pembelajaran yang dikongsi, yang menyokong dan bekerjasama antara satu sama lain untuk refleksi amalan mereka dan bersama-sama belajar pendekatan baharu yang lebih baik untuk meningkatkan pembelajaran murid (Louise Stoll, 2006).

Transformasi GK7 merupakan intervensi gerakan sepadu untuk menggerakkan PGB supaya bertindak menyemak, memperinci, mengemas kini dan mendokumentasi PPO masing-masing. Gerakan transformasi bermula dengan langkah penyediaan format oleh pasukan nukleus induk, diikuti bimbingan dan sumbangsaran berkelompok mengikut pasukan nukleus melibatkan PGB dan pemimpin pertengahan sekolah. Jumlah bimbingan sumbangsaran mengikut keperluan. Dalam bimbingan dan sumbangsaran, berlaku kolaboratif antara sekolah (perkongsian idea dan tunjuk cara). Langkah seterusnya adalah pembentangan PPO oleh PGB dan pemurnian melalui soal jawab dalam kelompok nukleus. Proses akhir adalah penghantaran satu salinan PPO yang telah lengkap mengikut format untuk semakan dan tandatangan PPD.

Jelajah Transformasi ialah pelaksanaan intervensi PPD peringkat kebangsaan yang diadakan untuk kelompok GB tersebut sekali atau dua kali setahun mengikut konteks dan keperluan. Tatacara pelaksanaan intervensi ini bermula dengan rumusan kekangan di lapangan seperti yang telah dinyatakan (hala tuju kepimpinan, pengurusan persekitaran pembelajaran tidak bericiri PAK21 dan pelaksanaan intervensi akademik tidak berfokus). Daripada rumusan kekangan yang berlaku, kumpulan nukleus induk akan meneroka organisasi sekolah dan negeri di bumi Semenanjung yang mempunyai sejarah dan latar belakang prestasi pencapaian dan kekuatan sebagai lokasi sasaran PLC. Seterusnya GB sekolah nukleus mengadakan perbincangan dan pembentukan jawatankuasa bersama sekolah-sekolah dalam kelompok nukleus untuk penyediaan kertas kerja lengkap (tarikh/tempoh pelaksanaan, penyertaan, penginapan, pengangkutan, sumber kewangan termasuk penetapan sekolah dan negeri) pelaksanaan PLC Jelajah Transformasi. Hari terakhir PLC Jelajah Transformasi akan diadakan rumusan dapatan sepanjang jelajah untuk tindak susul di lapangan mengikut konteks dan keperluan sekolah. Sejak tahun 2015 hingga 2018 Jelajah Transformasi telah dilaksanakan lima kali meliputi 14 buah sekolah daripada lima negeri di Semenanjung. Perincian pelaksanaan Jelajah Transformasi tersebut seperti jadual berikut.

Jadual 1:

*Pelaksanaan Jelajah Transformasi*

| PLC                                                                                                                                                                   | Tahun | Sekolah                                                                                                                | Negeri                                      |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| Perkongsian amalan kepimpinan<br>Perkongsian amalan pencapaian<br>Jelajah pembelajaran PAK21<br>Pengurusan persekitaran kondusif<br>Sistem dokumentasi<br>Amalan PIBK | 2015  | SK Mohd. Shah<br>SK Taman senangan<br>SK Sultan Sollehuiddin (SA)<br>SK Ulu Yam<br>SK King George V<br>SK Puteri (SKK) | Pulau Pinang<br>Selangor<br>Negeri Sembilan |
| Jelajah persekitaran PAK21<br>Perkongsian amalan kepimpinan<br>Perkongsian amalan nilai dan hubungan                                                                  | 2016  | SK Sri Ketereh<br>SK Kubang Kerian<br>SK Seri Kemudi                                                                   | Kelantan                                    |
| Jelajah Persekitaran PAK21<br>Perkongsian amalan kepimpinan<br>Perkongsian amalan PIBK                                                                                | 2017  | SK Seri Cempaka<br>SK Seri Makmur (SKK)<br>SK Sri Pristana                                                             | Selangor                                    |
| Perkongsian amalan kepimpinan<br>Jelajah Pembelajaran<br>Perkongsian amalan<br>Perkongsian amalan nilai dan hubungan                                                  | 2018  | SK Mohd. Shah<br>SK Menson (SOA)                                                                                       | Pulau Pinang<br>Pahang                      |

Jelajah Sehati Sejiwa merupakan aktiviti jelajah peringkat dalaman atau daerah untuk GB kelompok nukleus. Jelajah PLC peringkat daerah ini dilaksanakan sebagai tindak susul kepada dapatan rumusan pelaksanaan PLC Jelajah Transformasi yang tidak dapat disertai oleh beberapa orang GB disebabkan faktor kesihatan dan faktor lain yang tidak dapat dielakkan. Perubahan dan penambahbaikan kepimpinan (pengurusan persekitaran kondusif, persekitaran PAK21, amalan kepimpinan, nilai dan hubungan) yang diterjemah dan diaplikasi di sekolah-sekolah oleh GB yang menyertai rombongan Jelajah Transformasi peringkat Kebangsaan dikongsi dan disebarluaskan kepada semua sekolah kelompok nukleus. Pelaksanaan Jelajah Sehati Sejiwa ini bermula pada tahun 2015 sebagai titik rintis, diikuti pada tahun 2017 dan 2018. Sehingga kini pelaksanaan intervensi ini masih dibuka ruang penambahbaikan pelaksanaannya. Selain itu, pelaksanaan PLC Jelajah Sehati Sejiwa ini turut mengambil kira ruang masa dan keperluan. Setakat ini pelaksanaan aktiviti tersebut seperti berikut.

Jadual 2:

*Pelaksanaan Jelajah Sehati Sejiwa*

| Tahun             | Sekolah Sasaran                            | PLC                                                                                                   |
|-------------------|--------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Jun 2015          | SK Kayangat                                | SHOWCASE PAK21<br>jelajah pembelajaran<br>Perkongsian amalan kepimpinan                               |
| Feb – Mei 2017    | SK Tambulaong<br>SK Kayangat<br>SK Selupoh | Perkongsian amalan kepimpinan<br>Perkongsian PAK21<br>Perkongsian nilai dan hubungan<br>Analisis data |
| April – Sept 2018 | SK Tudan<br>SK Sungoi                      | Perkongsian PAK21<br>Perkongsian amalan terbaik<br>Analisis Data                                      |

Dialog Prestasi GK7 ialah intervensi memantapkan kepimpinan instruksional GB supaya menguasai dan memanfaatkan data di hujung jari tentang prestasi pencapaian akademik sekolah sepanjang tahun untuk penambahbaikan dan pelaksanaan intervensi berfokus mata pelajaran mengikut potensi murid. Aktiviti yang dijalankan semasa Dialog Prestasi GK7 adalah pembentangan prestasi akademik sekolah secara berfokus dan terperinci. Dapatan pembentangan dibincangkan sehingga mencapai keputusan untuk tindak susul dalam bentuk dialog. Pelaksanaan

dialog prestasi akademik ini adalah secara berjadual dan diselaraskan di peringkat PPD. Dialog prestasi berlaku secara berperingkat dan mengikut keperluan, iaitu berasaskan sekolah (di sekolah), berasaskan PPD (semua sekolah), berkelompok (mengikut kelompok sekolah) dan berfokus (mengikut fokus mata pelajaran atau fokus sekolah tertentu). Setiap dialog prestasi yang dilaksanakan mesti disediakan rumusan selaras mengikut format buku DTP 2.0/3.0. Dialog prestasi peringkat sekolah dipengerusikan oleh GB manakala dialog prestasi berasaskan PPD, berkelompok dan berfokus dipengerusikan oleh Pegawai PPD. Peranan pasukan nukleus induk ialah turun ke lapangan untuk bimbingan awal, pelaksanaan pra dialog atau hadir dalam dialog peringkat sekolah sebagai sokongan profesional kepada GB dan warga sekolah. Jelasnya, tatacara pelaksanaan dialog prestasi yang berstruktur telah berjaya mengupayakan guru-guru besar menguasai dan menganalisis data pencapaian akademik termasuklah menguasai istilah dan konsep dalam SAPS dan *headcount* sekolah untuk tindakan penambahbaikan intervensi secara berfokus.

Singgah sebentar GK7 ialah aktiviti turun padang berfokus Pegawai PPD dan Timbalan PPD bersama pasukan nukleus induk ke sekolah-sekolah sebelum peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Konsep PLC Singgah Sebentar merujuk kepada tempoh masa yang singkat antara 30 minit hingga 1 jam berada di sekolah dalam suasana santai dan berfokus kepada analisis pencapaian murid dan tindak susul GB serta guru-guru dalam membimbing murid-murid sebelum menghadapi UPSR. Aktiviti Singgah Sebentar Pegawai PPD dan Timbalan PPD berfokus kepada sekolah gred A yang menunjukkan jurang prestasi akademik yang ketara. Pasukan nukleus induk pula melaksanakan aktiviti Singgah Sebentar ke semua sekolah dalam kelompok nukleus (25 sekolah) di samping mendengar permasalahan guru, menyampaikan kata-kata perangsang dan titipan berupa alat-alat tulis kepada murid-murid Tahun Enam di setiap sekolah. Aktiviti ini diadakan pada pertengahan bulan Ogos hingga minggu pertama bulan September pada setiap tahun bermula tahun 2015 sehingga kini.

#### IMPAK

Berdasarkan aktiviti PLC yang dilaksanakan secara konsisten mengikut keperluan oleh kelompok nukleus telah berjaya mewujudkan hubungan sinergi yang padu antara pemimpin di sekolah dan PPD yang memberi impak kepada pengurusan persekitaran PAK21, suasana sekolah yang kondusif dan peningkatan kemenjadian murid dalam bidang kurikulum di peringkat daerah dan negeri.

Jadual 3:

*Impak Intervensi Nukleus GK7*

| Intervensi              | Impak                                                                                 | Keberhasilan                                                  |
|-------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| Transformasi GK7        | Perincian PPO<br>Pelaporan program<br>Dokumentasi berstruktur<br>Eviden SKPMg2        | Peningkatan Skor SKPM<br>Anugerah UPSR                        |
| Jelajah Transformasi(K) |                                                                                       | Anugerah pengurusan<br>PAK21 terbaik JPN<br>Sabah             |
| Jelajah Sehati Sejiwa   | Pengurusan persekitaran<br>sekolah kondusif<br>Persekitaran PAK21                     | Anugerah PAK21<br>kategori sekolah rendah<br>JPN Sabah        |
| Dialog Prestasi GK7     |                                                                                       |                                                               |
| Singgah Sebentar GK7    | Analisis item berstruktur<br>Penguasaan data<br>Intervensi berfokus mata<br>pelajaran | Pencapaian terbaik<br>UPSR sekolah Gred A<br>PPD terbaik UPSR |

**Kejayaan dan Pengiktirafan**

- PPD Terbanyak Sekolah Band 1 & 2 (Anugerah Inovasi JPN Sabah)
- Pencalonan Paling Banyak SKK (10 buah sekolah) JPN Sabah
- Pengurusan Akademik PPD Terbaik Negeri Sabah
- Tempat Pertama LINUS2.0 JPN Sabah
- Pencapaian Terbaik UPSR 2016 PPD Gred A
- Anugerah Keseluruhan Peperiksaan Awam
- PPD Terbaik UPSR & SPM 2016 (Tempat ke-2)
- Anugerah Sekolah terbaik UPSR Calon 50 orang ke atas (Tempat ke-2)
- Anugerah Sekolah terbaik UPSR Calon 1 – 19 orang ke atas (Tempat ke-2)
- Anugerah Sekolah Gred Purata Terbaik Sekolah Luar Bandar
- Pengurusan Pembelajaran PAK21 PPD Terbaik JPN Sabah (2016 & 2017)
- Anugerah Sekolah Pembelajaran Abad ke-21 Kategori Sekolah Rendah

- Anugerah Sekolah Pembelajaran Abad ke-21 Kategori Sekolah Menengah
- Anugerah Utama : Anugerah Ketua Menteri, Mekar Jpn Sabah (2016 & 2017)

**CADANGAN**

Dalam tempoh lebih kurang tiga tahun kewujudan Nukleus GK7 ternyata telah menampakkan sinergi kepimpinan yang baik dan telus antara entiti sekolah terutama PGB dan PPD. Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah dicapai oleh sekolah-sekolah dan pejabat pendidikan sendiri. Walaupun begitu, sinergi Nukleus GK7 masih perlu ditambahbaik dan dimantapkan dengan perancangan dan pengisian yang lebih tersusun melibatkan ketiga-tiga kumpulan nukleus (Sehati Sejiwa, Semarak Transformasi dan Senada Seirama).

Tidak dinafikan berlaku ketidakseimbangan cara pergerakan dan pelaksanaan aktiviti antara tiga kelompok nukleus PPD Tuaran. Hal ini disedari oleh Pengurus Program DTP dan pengurusan tertinggi PPD. Oleh hal yang demikian, perancangan dan pelaksanaan intervensi berfokus berasaskan sekolah dan PPD perlu dikenal pasti lebih awal berdasarkan dapatan pemantauan dan bimbingan ke sekolah-sekolah mengikut kumpulan nukleus supaya jadual Dialog Prestasi GK7 dan Singgah Sebentar GK7 dapat disediakan lebih awal merangkumi semua sekolah rendah dan menengah secara berfokus dan berkelompok.

Selain itu, perancangan intervensi melibatkan peringkat kebangsaan seperti Jelajah Transformasi perlu perancangan sekurang-kurangnya enam bulan lebih awal supaya peruntukan kewangan pelaksanaan intervensi dapat dirancang sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, semua cadangan tersebut akan dikemaskini mengikut keperluan dengan mengambilkira dapatan dan rumusan daripada pelaksanaan pemantauan dan bimbingan di lapangan dari semasa ke semasa.

**KESIMPULAN**

Kekuatan projek ini ditunjangi oleh kebersamaan tanpa syarat semua pihak, merangkumi pengurusan tertinggi PPD Tuaran, pasukan nukleus induk dan kelompok nukleus guru-guru besar. Pengaplikasian strategi PLC dalam Transformasi GK7, Jelajah Transformasi peringkat kebangsaan, Jelajah Sehati Sejiwa peringkat daerah, Dialog Prestasi GK7 dan Singgah Sebentar GK7 telah membawa perubahan dalam pengurusan kepimpinan sekolah terutama kepimpinan instruksional yang memberi impak kepada pengurusan persekitaran sekolah, PAK21 dan pencapaian anugerah prestasi akademik di peringkat daerah Tuaran dan negeri Sabah. Jelasnya, perkongsian nilai dan hubungan kolaboratif, memanfaatkan data, melaksanakan jelajah pembelajaran, perkongsian amalan kepimpinan dan perkongsian amalan terbaik antara kunci kejayaan sekolah dan organisasi PPD Tuaran sehingga kini.

## RUJUKAN

- Abd Aziz Yusof. (2000). *Perubahan dan Kepimpinan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Louise Stoll, R. B. (2006). Retrieved from User guide: getting started and thinking about your journey: [http://www.lcll.org.uk/uploads/3/0/9/3/3093873/1\\_plc\\_source\\_materials\\_user\\_guide.pdf](http://www.lcll.org.uk/uploads/3/0/9/3/3093873/1_plc_source_materials_user_guide.pdf)

# KESAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE DAN SWARM INTELLIGENCE DALAM MEMBENTUK KECEMERLANGAN PELAJAR

Hj Samsudin bin Yusoff  
SMK Bercham,  
Hala Tasek Timur 32, Ipoh, Perak  
[samsudin32333@gmail.com](mailto:samsudin32333@gmail.com)

## ABSTRAK

